Mengharungi tahun 2021 yang penuh mencabar, Lembaga Pengarah PERKESO bersama pengurusan tertinggi PERKESO telah mengatur strategi yang lebih bersasar bagi melonjakkan keberhasilan pada setiap program yang dilaksanakan.

Corporate Governance

Going through the challenging year of 2021, SOCSO's Board of Directors alongside SOCSO's top management have organised a more targeted strategy to boost the success of each program implemented.

Lanjutan itu, Bahagian Audit Dalam (BAD) diwujudkan sebagai sebuah fungsi dalaman audit yang bebas daripada operasi perniagaan dan diberi mandat seperti termaktub dalam Piagam Audit Dalam yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL). BAD membantu Lembaga, melalui JKAL, dalam melaksanakan peranannya untuk memastikan amalan tadbir urus korporat yang tinggi dan fungsi seliaan terhadap proses pelaporan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dalam PERKESO.

Internal Audit Division (BAD) is an in-house internal audit function which is independent from business operations and has a mandate set out in its Audit Charter approved by Board Audit Committee (BAG). BAD provides the Board through the BAG with reasonable assurance on the adequacy and effectiveness of the risk management, internal control system and governance processes within SOCSO.

Liputan Perlindungan Keselamatan Sosial

Sehingga 31 Disember 2021 bilangan majikan aktif di bawah Akta 4 telah meningkat 1.22% kepada 479,625 berbanding 473,845 tahun 2020. Di bawah Akta 800, bilangan majikan aktif sehingga 31 Disember 2021 meningkat 4.81% kepada 452,067 majikan berbanding 437,125 majikan tahun sebelumnya.

Sehingga 31 Disember 2021, bilangan pekerja aktif di bawah Akta 4 meningkat sebanyak 2.11% kepada 7.26 juta pekerja berbanding 7.11 juta pada tahun sebelumnya. Bilangan pekerja aktif di bawah Akta 800 pula adalah seramai 6.90 juta pekerja berbanding 6.81 juta juta pekerja tahun 2020. Pada tahun 2021, bilangan orang bekerja sendiri yang berdaftar dan mencarum di bawah Akta 789 telah meningkat kepada 358,214 orang berbanding 80,512 orang pada tahun 2020.

Social Security Protection Coverage

As of December 31st, 2021, the number of active employers under Act 4 has increased by 1.22% to 479,625 compared to 473,845 in 2020. Under Act 800, the number of active employers as of December 31st, 2021 has increased by 4.81% to 452,067 employers compared to 437,125 employers the previous year.

As of December 31st, 2021, the number of active workers under Act 4 has increased by 2.11% to 7.26 million workers compared to 7.11 million in the previous year. The number of active workers under Act 800 is 6.90 million workers compared to 6.81 million workers in 2020. In 2021, the number of registered and active contributors of self-employed under Act 789 has increased to 358,214 people compared to 80,512 people in 2020.

Pandemik COVID-19 telah memberi impak besar kepada ekonomi global keseluruhannya termasuk di Malaysia. Berdasarkan rekod kehilangan pekerjaan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), pada tahun 2021 sahaja, seramai 61,360 pekerja telah kehilangan pekerjaan di seluruh negara. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk membantu pekerja yang terpaksa diberhentikan dan kehilangan pekerjaan serta membantu majikan agar mereka dapat menangani perniagaan dan industri mereka daripada impak COVID-19.

Kerajaan sedar dan prihatin bahawa impak COVID-19 adalah serius dan dalam tempoh yang tidak menentu ini pekerja dan majikan yang terkesan amat memerlukan sokongan dan bantuan. Bagi menstabilkan ekonomi negara dan juga membantu majikan yang terkesan untuk mengekalkan pekerja mereka, pada tahun 2020, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah Pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan Kita PRIHATIN. PERKESO telah diberi peranan besar dengan peruntukan RM15.3 bilion untuk melaksanakan Program Subsidi Upah 1.0 dan RM2.4 billion untuk Program Subsidi Upah 2.0.

PERKESO telah berjaya melaksanakan amanah yang diberikan oleh Kerajaan dalam melaksanakan program-program di bawah pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan di atas. Justeru, kejayaan besar ini telah mendorong Kerajaan untuk terus memberikan peranan kepada PERKESO untuk melaksanakan program membantu pekerja dan majikan seperti diumumkan dalam Belanjawan 2022.

The COVID-19 pandemic has had a major impact on the global economy as a whole including in Malaysia. Based on loss of employment records under the Employment Insurance System (EIS), in the year 2021 alone, a total of 61,360 workers have Jost their jobs nationwide. The Government has introduced various initiatives to help workers who have been forced to lay off and Jose their jobs as well as helping employers so that they can mitigate the impact of COVID-19 towards their businesses and industries.

The government is aware regarding the serious impact of COVID-19 and that the affected workers and employers are in dire need of assistance and support. In order to stabilize the national economy and help the affected employers to retain their employees, in 2020, the Government has introduced several initiatives under the PRIHATIN Package, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA and Kita PRIHATIN. SOCSO has been given a major role with an allocation of RM15.3 billion to implement the Wage Subsidy Program 1.0 and RM2.4 billion for the Wage Subsidy Program 2.0.

SOCSO has successfully implemented the responsibility given by the Government to implement programs under the economic stimulus package introduced above. Thus, this great success has encouraged the Government to provide SOCSO the role to implement programs that help employees and employers as announced in the 2022 Budget.

BILANGAN MAJIKAN AKTIF DI BAWAH AKTA 4 SEHINGGA 31 DISEMBER 2021
The number of active employers under Act 4 untill 31st December 2021

1.22% 479,625
2021

473,845 Majikan / *employers*
2020

BILANGAN MAJIKAN AKTIF DI BAWAH AKTA 800 SEHINGGA 31 DISEMBER 2021
The number of active employers under Act 800 untill 31st December 2021

4.81% 452,067
2021

437,125 Majikan / *employers*
2020

Penghargaan

Dengan berlatarbelakangkan pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh PERKESO, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga dan Ahli Panel Pelaburan serta warga PERKESO atas komitmen berterusan dan sokongan padu yang diberikan. Saya percaya warga PERKESO akan terus berusaha memanfaatkan peluang yang ada dan menghadapi cabaran mendatang dalam landskap sosio-ekonomi dan keselamatan sosial negara demi menjaga kesejahteraan sosial pekerja dan orang tanggungan mereka.

Akhir kata, saya bagi pihak Lembaga dan seluruh warga PERKESO ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YB Dato' Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia dan YB Tuan Hj Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia atas nasihat dan pandangan serta dorongan yang diberikan dalam memantapkan lagi peranan PERKESO sebagai peneraju perlindungan keselamatan sosial di negara ini.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah

Pengerusi Lembaga PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Chairman of the Board SOCIAL SECURITY ORGANISATION

Acknowledgement

With a background of the various achievements and successes recorded by SOCSO and on behalf of the Board, I would like to record my highest appreciation to the Board Members and Investment Panel Members as well as SOCSO staff for their continuous commitment and massive support. I believe SOCSO will continue to take advantage of the opportunities available and face the upcoming challenges in the socio-economic landscape and social security of the country in order to safeguard the social well-being of workers and their dependants.

In conclusion, on behalf of the Board and all SOCSO staff, I would like to record my highest appreciation to Honourable Dato' Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources and Honourable Tuan Hj Awang bin Hashim, Deputy Minister of Human Resources for the advice and views, as well as the support given to consolidate SOCSO's role as the leader in social security protection in the country.

AHLI LEMBAGA
BOARD MEMBERS

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah
Pengerusi Chairman

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
Ketua Eksekutif Chief Executive

Dato' Jamil Bin Rakon
Sehingga 31 Julai 2021
Until July 31, 2021

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar
Dilantik mulai 1 Ogos 2021
Appointed starting August 1, 2021

Ahli mewakili Kementerian Sumber Manusia
Member Representing Ministry of Human Resources

Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman
Sehingga 31 Julai 2021
Until July 31, 2021

Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim

Ahli mewakili Kementerian Kewangan
Member Representing Ministry of Finance

Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli
Sehingga 31 Julai 2021
Until July 31, 2021

Ahli mewakili Kementerian Kesihatan
Member Representing Ministry of Health

Dr. Priya A/P Ragunath

Ahli mewakili Kementerian Kesihatan
Member Representing Ministry of Health

Dato' Ahmad Nadzarudin Bin Abdul Razak

Wakil Majikan (Semenanjung)
Employers Representative

Encik Leong Pit Wee

Wakil Majikan (Sarawak)
Employers Representative

Dato' Nathan A/L K Suppiah

Wakil Majikan (Semenanjung)
Employers Representative

Datin Hajah Rozilah Binti Abdullah

Wakil Majikan (Sabah)
Employers Representative

Encik Awang Ali Bin Ahmad Raji @ Amat

Wakil Orang Berinsurans
Persons Representative

Tuan Haji Adnan Bin Mat

Wakil Orang Berinsurans (Sabah)
Member Representing Ministry of Health

Dato' Abdul Halim Bin Mansor
Sehingga 31 Julai 2021
Until July 31, 2021

Encik Mohd. Effendy bin Abdul Ghani
Dilantik mulai 1 Ogos 2021
Until July 31, 2021

Wakil Orang Berinsurans (Semenanjung)
Insured Persons Representative

Tuan Haji Mohamad Ibrahim Bin Hamid
Sehingga 31 Julai 2021
Until July 31, 2021

Puan Margaret Paul
Dilantik mulai 1 Ogos 2021
Appointed starting August 1, 2021

Wakil Orang Berinsurans (Sarawak)
Insured Persons Representative

Dr. Aru Raj A/L Rajoo

Orang Yang Berpengalaman dalam Keselamatan Sosial
Persons with Experience in Social Security

Dr. Tanaletchumy A/P Palanisamy

Orang Yang Berpengalaman dalam Keselamatan Sosial
Persons with Experience in Social Security

Datuk Seri Mohd Annuar Bin Zaini

Orang Yang Berpengalaman dalam Keselamatan Sosial
Persons with Experience in Social Security

Encik Rahim Bin Mohamad

Setiausaha Lembaga
Board Secretary

Encik Saiful Nizam bin Yahya

Penolong Setiausaha Lembaga
Assistant Board Secretary

PROFIL AHLI LEMBAGA
BOARD MEMBERS PROFILE

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH

Pengerusi Lembaga PERKESO /
Chairman of the SOCSO Board

Profesor Tan Sri Datuk Dr. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah dilantik menjadi Pengerusi Lembaga PERKESO, berkuat kuasa mulai 15 Jun 2020.

Perjalanan kerjaya beliau bermula daripada bidang perubatan sebelum mengorak langkah menceburi bidang perniagaan. Beliau juga turut terlibat aktif dalam aktiviti kemanusiaan.

Profesor Tan Sri Datuk Dr. Mohamed Haniffa merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) dari University of Madras pada 1976 dan sebelum memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HTAR) pada tahun 1977 dan di Hospital Sabak Bernam (1978). Setelah itu, beliau secara sukarela melibatkan diri dalam Angkatan Tentera (1978-1980).

Namun, setelah itu beliau memilih untuk bersara daripada berkhidmat di Sektor Awam dan mula menceburkan diri dalam dunia perniagaan dengan membuka klinik sendiri. Beliau merupakan Pengasas, Pro-Canselor dan Pengerusi Eksekutif Universiti MAHSA; Pengerusi Eksekutif Kumpulan MAHSA International School, MAHSA GROUP, MAHSA Grocer Sdn Bhd, MAHSA Dialysis Center dan MAHSA Hospital Sdn. Bhd.

Pada masa ini, beliau turut menyandang jawatan sebagai Pengerusi Pusat Perubatan Menara Telekom. Beliau juga turut terlibat dalam aktiviti sosial termasuk menjadi Ahli Majlis Anti-Dadah dan Narkotik Nasional Persatuan Perubatan Malaysia dan Pengerusi Eksekutif Badan Amal Islam yang bertindak menguruskan rumah anak yatim.

Professor Tan Sri Datuk Dr. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah was appointed as Chairman of the SOCSO Board, effective from June 15, 2020.

His career journey started in the medical field before taking steps to venture into the business field. He is also actively involved in humanitarian activities.

After receiving his Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (MBBS) from the University of Madras in 1976, Professor Tan Sri Datuk Dr. Mohamed Haniffa began his career as a Medical Officer at Tengku Ampuan Rahimah Klang Hospital in (HTAR) in 1977 and Sabak Bernam Hospital in 1978. He voluntarity involved in the military (1978-1980).

After that, he made the decision to retire from the Public Sector and started venturing into the business world by opening his own clinic. He is the Founder, Pro-Chancellor and Executive Chairman of MAHSA University; Group Executive Chairman of MAHSA International School, MAHSA GROUP, MAHSA Grocer Sdn Bhd, MAHSA Dialysis Center and MAHSA Hospital Sdn. Bhd.

He currently serves as the Chairman of Menara Telekom Medical Center. In addition, he is also involved in social activities by serving as a member of the National Anti-Drug and Narcotic Council of the Malaysian Medical Association and the Executive Chairman of the Islamic Charity which manages orphanages.

PROFIL AHLI LEMBAGA
BOARD MEMBERS PROFILE

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN AZIZ MOHAMMED

Ketua Eksekutif PERKESO
Chief Executive of SOCSO

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Aziz Mohammed telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif PERKESO, sejak 6 April 2015.

Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan dari Universiti Malaya (UM), merupakan pemegang Ijazah Doktor Kehormat dalam Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dari Kolej Universiti Sains Perubatan, Cyberjaya.

Beliau turut memiliki Ijazah Sarjana Eksekutif Sains (Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Oxford Business College, United Kingdom (UK). Kini, beliau dilantik sebagai Profesor Adjung di Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM dan Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia (USM).

Memulakan perjalanan kariernya sebagai pegawai perubatan pada tahun 1993, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman juga merupakan doktor perubatan pertama yang diambil bekerja dengan PERKESO, pada 2001. Enam tahun berlalu, beliau kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Kanan Operasi pada 2007, sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) pada 2011.

Di sebalik kepemimpinannya itu, beliau merupakan individu yang bertanggungjawab dalam merintis penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Melaka pada 2014. Beliau juga memacu PERKESO ke arah pemerkasaan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pencegahan kemalangan, promosi kesihatan pekerja, pengurusan hilang upaya, program Return To Work dan perkhidmatan pekerjaan.

Beliau adalah antara individu terpenting bagi peningkatan kutipan caruman, pelaburan, penubuhan Skuad PERKESO Prihatin dan pembangunan portal MYFutureJobs yang berperanan sebagai Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Awam Negara. Bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan PERKESO kepada pelanggannya, beliau juga telah merintis kepada pembudayaan nilai 'PERKESO Prihatin' dan 'S4P' dalam kalangan anggota.

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Aziz Mohammed was appointed as the Chief Executive of SOCSO on April 6, 2015.

He holds a Bachelor of Medicine and a Bachelor of Surgery from the University of Malaya (UM) and an Honorary Doctorate in Occupational Safety and Health Management from the Cyberjaya University College of Medical Sciences.

He also holds an Executive Master of Science (Occupational Safety and Health Management) from Universiti Utara Malaysia (UUM) and a Master of Business Administration from Oxford Business College, United Kingdom (UK). He has since been appointed as an Adjunct Professor at the School of Business Management, UUM and the School of Management, Universiti Sains Malaysia (USM).

He started his career in 1993 as a medical doctor and in 2001, he became the first medical doctor to be employed by SOCSO. Six years later, he was promoted to Senior General Manager of Operations in 2007 and later as Deputy Chief Executive (Operations) in 2011.

In addition to his leadership, he was responsible for the establishment of SOCSO Rehabilitation Centre in Melaka in 2014. Along with this, he also drives SOCSO towards the enhancement of occupational safety and health, accident prevention, employee health promotion, disability management, Return to Work programme and employment services.

He is one of the key players in the increase of contribution collection, investment, the formation of the SOCSO Prihatin Squad and the development of the MYFutureJobs portal which serves as the National Public Employment Service Provider. In order to further improve the quality of SOCSO service delivery to its customers, he has also pioneered the cultivation of the values of 'PERKESO Prihatin' and 'S4P' among members.

Bersandarkan kewibawaannya sebagai pemimpin, PERKESO turut diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Ini termasuk Program Subsidi Upah, JaminKerja-Insentif Penggajian, SPS Padanan Caruman, SPS Khidmat dan SIP Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) yang disasarkan kepada golongan majikan, pekerja, pencari kerja dan Orang Bekerja Sendiri (OBS).

Selain itu, daya kepemimpinan, kebolehan dan sumbangan beliau juga telah mendapat pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antaranya, beliau dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Teknikal mengenai Organisasi, Inovasi & Pengurusan dan Timbalan Presiden Bahagian Antarabangsa Pencegahan dalam Pengangkutan di International Social Security Association (ISSA).

Beliau juga adalah Ahli Majlis Vision Zero Global Alliance Council dan terkini, Ahli Lembaga International Association of Industrial Accident Boards and Commissions (IAIABC), Amerika Syarikat. IAIABC telah menganugerahkan beliau dengan Frances Perkins Award, menjadikannya rakyat Malaysia yang pertama menerima anugerah berprestij tersebut.

Relying on his leadership, SOCSO was also trusted by the Government to carry out various initiatives to help the people affected by the spread of the COVID-19 pandemic. These include the Wage Subsidy Program, JaminKerja-Employment Incentive, SPS Contribution Matching, SPS Khidmat and SIP Job Search Allowance (JSA) that were aimed employers, employees, jobseekers and Self Employed Persons (OBS).

In addition, his leadership, capability and various contributions are recognized both locally and internationally. Among them, he was appointed as the Chair of International Social Security Association (ISSA) Technical Commission on Organization, Innovation & Management and Vice-President of the International Section of the ISSA on Prevention in Transportation.

He is also a member of the Vision Zero Global Alliance Council and most recently, a member of the International Association of Industrial Accident Boards and Commissions (IAIABC), USA. The IAIABC has awarded him with the Frances Perkins Award, making him the first Malaysian to receive the prestigious award.

DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM

Wakil Kementerian Kewangan /
Representing the Ministry of Finance

Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim merupakan Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun di Kementerian Kewangan Malaysia. Selain mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau turut memegang sijil Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat dari UKM. Beliau juga memperoleh kelayakan profesional *The Oxford Advanced Management and Leadership Programme dari Said Business School University of Oxford.*

Beliau pernah berkhidmat di beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan termasuk Kementerian Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Mahkamah Persekutuan. Selain itu, beliau juga menganggotai pengurusan tertinggi di beberapa agensi dan institusi pengajian tinggi awam seperti Ahli Lembaga Pengarah di Universiti Malaysia Pahang (UMP), UMP Holdings, Technology Park Malaysia dan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim is the Secretary of the Strategic Management Division of Statutory Bodies at the Malaysian Ministry of Finance. In addition to having a Bachelor's Degree in Islamic Studies from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), he also holds a Diploma in Public Management from the National Institute of Public Administration (INTAN) and a Master's Degree in Information Technology from UKM. He also obtained the professional qualification of 'The Oxford Advanced Management and Leadership Programme' from Said Business School University of Oxford.

He has served in several Government Ministries and Departments including the Ministry of Information, the Prime Minister's Department, the Public Service Department, and the Federal Court. In addition, he is also a member of the top management in several agencies and public higher education institutions; as a Board Member at Universiti Malaysia Pahang (UMP), UMP Holdings, Technology Park Malaysia, and a Member of the Federal Territories Islamic Religious Council (MAIWP).

DATUK MUHD KHAIR RAZMAN BIN MOHAMED ANNUAR

Wakil Kementerian Sumber Manusia/
Representing the Ministry of Human Resources

Datuk Muhd. Khair Razman bin Mohamed Annuar adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) di Kementerian Sumber Manusia (KSM). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Undang-undang (Kepujian) Undang-undang Antarabangsa dari Staffordshire University, United Kingdom.

Sebelum bertugas di KSM, beliau pernah memberikan perkhidmatannya di beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang lain merangkumi Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perpaduan, Jabatan Tenaga Manusia dan Pejabat Daerah dan Tanah Pulau Pinang

Datuk Muhd. Khair Razman bin Mohamed Annuar is Deputy Secretary General (Operations) at the Ministry of Human Resources (KSM). He holds a Master of Laws (Hons) in International Law from Staffordshire University, United Kingdom.

Before working at KSM, he had served in several other Government Ministries and Departments including the Deputy Prime Minister's Office, the Ministry of Foreign Affairs, the Ministry of Energy, Communications and Multimedia, the Ministry of Internal Affairs, the Ministry of Unity, the Manpower Department, and the Penang Land District Office.

DR. PRIYA A/P RAGUNATH

Wakil Kementerian Kesihatan /
Representing the Ministry of Health

Dr. Priya a/p Ragunath merupakan Ketua Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Bahagian Kawalan Penyakit di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Beliau mempunyai kelulusan Sarjana dalam Kesihatan Masyarakat (Kesihatan Pekerjaan) dari Universiti Malaya dan merupakan Ahli dan Felo bagi Fakulti Perubatan Pekerjaan di Royal College of Physicians Ireland.

Dr. Priya kini turut memegang jawatan Pengerusi Persatuan Perubatan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (SOEM) di bawah Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Presiden bagi Society of Occupational Physicians (MSOP). Beliau juga adalah Ahli Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH).

Dr. Priya a/p Ragunath is the Head of the Occupational and Environmental Health Sector, Disease Control Division at the Ministry of Health Malaysia (MOH). She holds a Master's degree in Community Health (Occupational Health) from the University of Malaya and is a Member and Fellow of the Faculty of Occupational Medicine at the Royal College of Physicians Ireland.

Dr. Priya currently also holds the position of Chairman of the Society of Occupational and Environmental Health Medicine (SOEM) under the Malaysian Medical Association (MMA) and President of the Society of Occupational Physicians (MSOP). She is also a Member of the National Council for Occupational Safety and Health (NCOSH).

DATO' NATHAN A/L K SUPPIAH

Wakil Majikan (Semenanjung) /
Representing the Employers (Peninsular)

Dato' Nathan a/l K Suppiah merupakan Pengarah Eksekutif Isus JVC Industries Sdn Bhd. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom.

Dato' Nathan juga adalah Naib Presiden dan Anggota Majlis Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM). Beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Majlis Pengirim Nasional Malaysia (MNSC), sebuah NGO di bawah naungan Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) dan sebagai salah seorang anggota Majlis Perkembangan Kemahiran Kebangsaan (MPKK), Kementerian Sumber Manusia (KSM). Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan & Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Negeri Selangor sehingga 2017.

Dato' Nathan a/l K Suppiah is the Executive Director of Isus JVC Industries Sdn Bhd. He is a graduate of the University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom where he obtained a Bachelor of Laws LL. B (Hons) degree.

Dato' Nathan is also the Vice President and Council Member of the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM). He was appointed as Secretary General of the Malaysian National Shippers Council (MNSC), an NGO under the patronage of the Ministry of International Trade & Industry (MITI) and as one of the members of the Majlis Perkembangan Kemahiran Kebangsaan (MPKK), Ministry of Human Resources (MOHR). He was also a member of the Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan & Industri Kecil dan Sederhana (ICS) until 2017.

DATO' AHMAD NADZARUDIN BIN ABDUL RAZAK

Wakil Majikan (Semenanjung) /
Representing the Employers (Peninsular)

Dato' Ahmad Nadzarudin bin Abdul Razak merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Golden Pharos Berhad. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari University of Houston, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Warwick, England.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi Poslaju di Pos Malaysia, Pengarah Urusan Kumpulan Panglima Group dan Ahli Majlis Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) merangkap Bendahari Kehormat. Sumbangan dan kepimpinan beliau membolehkannya menerima pengiktirafan seperti Anugerah CEO Masterclass Bumiputera of The Year 2019, Anugerah BestBrands daripada The BrandLauereate, Anugerah Kepimpinan Perniagaan Malaysia daripada Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur dan Anugerah Penyedia Perkhidmatan Ekspres daripada Frost & Sullivan.

Dato' Ahmad Nadzarudin bin Abdul Razak is the current CEO of Golden Pharos Berhad. He holds a Bachelor of Business Administration (Finance) from the University of Houston in the United States and a Master of Business Administration from the University of Warwick in the United Kingdom.

Dato' Ahmad Nadzarudin has served as the PosLaju COO at Pos Malaysia Berhad, the Managing Director of the Panglima Group, and the Honorary Treasurer of the Malaysian Employers Federation (MEF). His leadership skills have won him numerous awards including 2009 Express Service Provider of the Year from Frost and Sullivan, the 2010 Malaysian Business Leadership Award for Transport and Logistics from the Kuala Lumpur Malay Chamber of Commerce, the Brand Leadership Award at the 2018/2019 BrandLaureate BestBrands Awards, and 2019 Masterclass Bumiputera CEO of the Year at the Malaysia Excellence Business Awards.

DATIN HAJAH ROZILAH BINTI ABDULLAH

Wakil Majikan (Sabah) /
Representing the Employers (Sabah)

Datin Hajah Rozilah binti Abdullah @ Betty Pianus merupakan Pengarah Urusan Mama Best Food Manufacturer Sdn Bhd dan Pengarah DHARZ F&B LLP. Beliau mempunyai Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL).

Beliau juga merupakan Naib Pengerusi bagi pejabat perwakilan Persekutuan Pengilang Malaysia Sabah (FMM) dan pernah terlibat dengan Persatuan Majikan Sabah dalam mengkaji pindaan Ordinan Buruh Sabah. Beliau turut menyumbang kepada pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui Persatuan Keusahawanan Sabah sebagai salah seorang ketua bagi Persatuan Usahawan Sabah, Dewan Perniagaan Usahawan Sabah dan SME @ Universiti Malaysia Sabah. Beliau juga terlibat secara meluas dalam mengambil bahagian dalam Misi Industri Perdagangan dan Program Pembangunan Perniagaan Keusahawanan yang dianjurkan oleh Kementerian Perindustrian Sabah dan MATRADE.

Datin Hajah Rozilah binti Abdullah @ Betty Pianus is the Managing Director of Mama Best Food Manufacturer Sdn Bhd and Director of DHARZ F&B LLP. She has a Diploma and Bachelor of Education in Teaching English as a Second Language (TESL).

She is the Vice Chairman of the representative office of the Federation of Malaysian Manufacturers Sabah (FMM) and has been involved with the Sabah Employers Association in reviewing the amendment of the Sabah Labor Ordinance. She has contributed to the development of Small and Medium Enterprises (SMEs) through the Sabah Entrepreneurship Association as one of the leaders of the Sabah Entrepreneurs Association, Sabah Entrepreneurs Chamber of Commerce and SME @ Universiti Malaysia Sabah. She is also extensively involved in participating in the Trade Industry Mission and Entrepreneurial Business Development Program organized by the Sabah Industry Ministry and Matrade.

ENCIK LEONG PIT WEE

Wakil Majikan (Sarawak) /
Representing the Employers (Sarawak)

Encik Leong Pit Wee merupakan Ahli Institut Setiausaha dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA) dan Institut Setiausaha Syarikat Bertauliah (IACS). Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran perniagaan dari Institut B.A, Dublin dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Heriot-Watt University, United Kingdom.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam sektor korporat dan perakaunan. Beliau bergerak aktif mengetuai pelbagai organisasi antara lain, sebagai Pengarah Pwe Serian (Shell Kiosk) Sdn Bhd, Pengarah Eksekutif Weejadi Investment Holdings Sdn Bhd, Pengarah Eksekutif Taipan Partners Holding Sdn Bhd, Pengarah Eksekutif C.K.K Property Enterprise Sdn Bhd dan C.K.K. Mortgage & Loan Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Ahli Persatuan PKS Sarawak.

Mr. Leong Pit Wee is a Member of the Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) and the Institute of Approved Company Secretaries (IACS). He holds a Bachelor of Business Administration from the B.A Institute, Dublin and a Master of Business Administration from Heriot-Watt University, United Kingdom.

He has extensive experience in the corporate and accounting sectors. He is active in leading various organizations, among others, as Director of Pwe Serian (Shell Kiosk) Sdn Bhd, Executive Director of Weejadi Investment Holdings Sdn Bhd, Executive Director of Taipan Partners Holding Sdn Bhd, Executive Director of C.K.K Property Enterprise Sdn Bhd and C.K.K. Mortgage & Loan Sdn Bhd. He is also a member of the Sarawak SME Association.

DATO' ADNAN BIN MAT

Wakil Orang Berinsurans (Semenanjung) /
Representing the Insured Persons (Peninsular)

Dato' Adnan bin Mat merupakan Presiden bagi Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan bertugas di Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah. Beliau berkelulusan Diploma The Royal Society for the Promotion of Health dari Institut Kesihatan Umum Kuala Lumpur.

Beliau juga adalah Timbalan Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) dan Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains dan Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana. Selaku Presiden CUEPACS, beliau juga dilantik sebagai Ahli Tetap Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan Kementerian Sumber Manusia Malaysia dan Panel Tatatertib Majlis Perubatan Malaysia.

Dato' Adnan bin Mat is the President of the Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS) and serves at the Sungai Petani Municipal Council, Kedah. He obtained Diploma Royal Society for the Promotion of Health (RSH) from Institute for Public Health Kuala Lumpur.

He is also the Deputy President of the National Union of Local Authorities Employees of Peninsular Malaysia (ANULAE) and Chairman of the National Joint Council for Science and Technology Employees in the Implementation Group. Besides the President of CUEPACS, he was also appointed as a permanent member of the National Labor Advisory Council of the Ministry of Human Resources Malaysia and the Disciplinary Panel of the Malaysian Medical Council.

ENCIK MOHD EFFENDY BIN ABDUL GHANI

Wakil Orang Berinsurans (Semenanjung) /
Representing the Insured Persons (Peninsular)

Encik Mohd Effendy bin Abdul Ghani adalah Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Setiausaha Agung bagi Kesatuan Pekerja Perkeranian Pos Malaysia Semenanjung (UPCW).

Beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC), Mahkamah Perusahaan Malaysia dan Majlis Perundingan Gaji Negara (NWCC). Manakala, di peringkat antarabangsa, beliau pernah mewakili MTUC dalam Majlis Kesatuan Sekerja ASEAN (ATUC) dan Majlis Kesatuan Sekerja Antarabangsa, selain aktif dalam aktiviti anjuran Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Beliau yang turut bekerja di Pos Malaysia telah dilantik sebagai Pengerusi Penyelarasan Kesatuan yang mewakili lima Kesatuan Pos Malaysia di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Mr. Mohd Effendy bin Abdul Ghani is the President of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC) and Secretary General of the Peninsular Malaysia Union of Postal Clerical Workers (UPCW).

He also served as a Member of the National Labor Advisory Council (NLAC), the Malaysian Industrial Court and the National Wage Consultative Council (NWCC). Meanwhile, at the international level, he has represented MTUC in the ASEAN Trade Union Council (ATUC) and the International Trade Union Council, in addition to being active in activities organized by the International Labour Organization (ILO). He who also works at Pos Malaysia has been appointed as the Union Coordinating Chairman representing five Malaysian Pos Unions across the country including Sabah and Sarawak.

ENCIK AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT

Wakil Orang Berinsurans (Sabah) /
Representing the Insured Person (Sabah)

Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat telah berkhidmat di Bahagian Operasi, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah. Beliau mula menyertai Syarikat Sabah Ports Sdn Bhd sebagai Penyelia Operasi setelah Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah diswastakan sepenuhnya. Beliau juga berpengalaman luas dalam berkesatuan sejak berkhidmat dengan Kerajaan dan terlibat secara langsung dalam penubuhan Kesatuan Pekerja-Pekerja Sabah Ports Sdn Bhd (KPPSPSB). Beliau telah dipilih sebagai Penolong Setiausaha, kemudiannya sebagai Timbalan Presiden dan seterusnya menjadi Presiden KPPSPSB.

Beliau telah berkhidmat sebagai Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan pernah dilantik oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagai Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) mewakili Sabah, Ahli Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) Sabah mewakili pekerja, Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Sabah serta Ahli Jawatankuasa Penilaian Permohonan Penundaan Perlaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012.

Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat has served in the Operations Division of Sabah Ports Authority. He started working for Syarikat Sabah Ports Sdn Bhd as an Operations Supervisor after the Sabah Ports Authority was fully privatized. He also has an extensive experience in unions since joining the Government service and was directly involved in the establishment of the Sabah Ports Sdn Bhd Workers' Union (KPPSPSB). He was elected as Assistant Secretary, then as Deputy President and subsequently became President of KPPSPSB.

He has served as the Chairman of the Malaysian Trade Union Congress (MTUC) and has been appointed by the Malaysian Ministry of Human Resources as a Member of the National Labor Advisory Council (NLAC) representing Sabah, a Member of the Social Security Appellate Board (SSAB) of Sabah, a Member of the Industrial Court of Sabah as well as a Member of the Committee on Assessment of Application for Deferment of the Minimum Wages Order 2012.

PUAN MARGARET PAUL

Wakil Orang Berinsurans (Sarawak) /
Representing the Insured Persons (Sarawak)

Puan Margaret Paul merupakan Setiausaha Agung kepada Kesatuan Pekerja-Pekerja Syarikat Sesco Berhad (KPPSSB) yang merupakan ahli gabungan di bawah naungan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Beliau yang pernah berkhidmat dengan Syarikat Sesco Berhad (kini dikenali sebagai Sarawak Energy Berhad), sangat aktif dalam hal-hal Kesatuan dan pernah mewakili Kesatuan sehingga ke peringkat antarabangsa. Beliau juga telah dilantik sebagai Penimbang Tara untuk Kesatuan yang lain di Bumi Kenyalang.

Mrs. Margaret Paul is the Secretary General of the Sesco Berhad Workers' Union (KPPSSB) which is an affiliate under the auspices of the Malaysian Trade Union Congress (MTUC).

She used to work with Syarikat Sesco Berhad (now known as Sarawak Energy Berhad), was very active in Union matters, and represented the Union at the international level. She has also been appointed as an Arbitrator for other Unions in Bumi Kenyalang.

TAN SRI DATO' SERI MOHD ANNUAR BIN ZAINI

Wakil Orang Yang Berpengalaman dalam Keselamatan Sosial /
Representing Person Experienced in Social Security

Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, merangkap Ahli Bukan Rasmi Dewan Negara Negeri Perak. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Undang-Undang & Diplomasi) dari University Tufts, Amerika Syarikat.

Memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik, beliau pernah berkhidmat di beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan di peringkat Persekutuan serta Kerajaan Negeri Perak. Beliau juga telah berkhidmat sebagai Felo Kehormat Institut Kajian Strategik dan Hubungan Antarabangsa, Penasihat dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Pengerusi BERNAMA, Ahli Lembaga Pengarah The Royal Perak Medical College, Pengarah Eksekutif Berjaya Corporation Berhad , Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Airline System Berhad, dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya.

Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini is the Chairman of the Perak Islamic Religious and Malay Custom Council, and a Non-Official Member of the Perak State Assembly. He graduated with a Bachelor of Arts (Economics) Honors from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and obtained a Master of Arts (Law & Diplomacy) from Tufts University, United States.

Starting his career as an Administrative and Diplomatic Officer, he has served in several Ministries and Government Departments at the Federal level as well as the Perak State Government. He has also served as an Honorary Fellow of the Institute of Strategic Studies and International Relations, Advisor and Chief Executive of the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), Chairman of BERNAMA, Member of the Board of Directors of The Royal Perak Medical College, Executive Director of Berjaya Corporation Berhad, Member of the Board of Directors of Malaysia Airline System Berhad, and a Member of the University of Malaya's Board of Directors.

DR. ARUL RAJ A/L RAJOO

Wakil Orang Yang Berpengalaman dalam Keselamatan Sosial /
Representing Person Experienced in Social Security

Dr. Arul Raj a/l Rajoo merupakan Pengarah Urusan Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD). Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) dari Bangalore University, India dan mempunyai kelayakan Diploma (Licentiate) dari Royal College of Physicians, Ireland.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor dan pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Urusan di beberapa syarikat termasuk Success Healthcare Sdn. Bhd., Avatar Healthcare Sdn. Bhd., Sinaran Eramedic Sdn. Bhd., First Crescent Sdn. Bhd., Lucky Garden Medic Services dan Medi Klinik Lee & Goh Sdn Bhd.

Dr. Arul Raj a/l Rajoo serves as Managing Director of Occupational Health Doctor (OHD). He obtained Diploma (Licentiate) from The Royal College of Physicians of Ireland and holds a Bachelor of Medicine, Bachelor of Surgery (MBBS) from Bangalore University, India.

Previously he worked as Medical Officer at Sultanah Aminah Hospital, Johor Bahru, Johor and has held positions as Managing Director at several companies including Success Healthcare Sdn. Bhd., Avatar Healthcare Sdn. Bhd., Sinaran Eramedic Sdn. Bhd., First Crescent Sdn. Bhd., Lucky Garden Medic Services and Medi Klinik Lee & Goh Sdn Bhd.

DR. TANALETCHUMY A/P PALANISAMY

Wakil Orang Yang Berpengalaman dalam Keselamatan Sosial /
Representing Person Experienced in Social Security

Dr. Tanaletchumy a/p Palanisamy merupakan seorang pakar Pergigian yang kini berkhidmat di Surgeri Pergigian Seremban, Negeri Sembilan. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dari University of Madras, India serta memperoleh Ijazah Sarjana dalam Pembedahan Pergigian dari Universiti of New South Wales, Australia.

Aktif dalam arena politik, beliau juga memegang beberapa jawatan seperti Ahli Majlis Tertinggi MIC Kebangsaan, Ketua Wanita MIC Teluk Kemang dan merupakan Mantan Ketua Wanita MIC Negeri Sembilan. Beliau turut menyandang beberapa jawatan lain seperi Pengerusi Biro Kebajikan Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) dan Pengerusi Pertubuhan Wanita MIC Negeri Sembilan. Sebelum ini, beliau merupakan Mantan Ahli Majlis Perbandaran Nilai dan Mantan Ahli Majlis Perbandaran Port Dickson.

Dr. Tanaletchumy a/p Palanisamy is a dental specialist currently serving at Seremban Dental Surgery, Negeri Sembilan. He holds a Bachelor of Science (Chemistry) and a Bachelor of Dental Surgery from the University of Madras, India as well as a Master's Degree in Dental Surgery from the University of New South Wales, Australia.

Active in the political arena, she also holds several positions such as National MIC Supreme Council Member, Teluk Kemang MIC Women's Leader and is a former Negeri Sembilan MIC Women's Leader. She also held several other positions such as Chairman of the Welfare Bureau of the Negeri Sembilan Women's Organization (NSWO) and Chairman of the Negeri Sembilan MIC Women's Organization. Previously, he was a former member of the Nilai Municipal Council and a former member of the Port Dickson Municipal Council.

ENCIK WEE HOCK KEE (AUDIT)

PERMERHATI / OBSERVER

Encik Wee Hock Kee merupakan Pengarah Urusan di CG Board Asia Pacific. Beliau menerima pentauliahan sebagai ahli kepada Majlis Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dari Emile Woolf College London, United Kingdom dan menerima kelayakan dari Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

Selain pernah berkhidmat sebagai Presiden IIAM dan merupakan mantan Pengerusi bagi Internal Audit Working Group di bawah MIA, beliau juga telah berkhidmat di beberapa syarikat multinasional termasuk sebagai Pengarah Audit Serantau di Asia Tenggara, Timur Tengah dan Afrika untuk AstraZeneca dan dilantik sebagai Jawatankuasa bagi Perlesenan dan Hak Trafik Udara, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Beliau pernah memenangi Angerah Audit Dalaman Terbaik bagi tahun 2001.

Mr. Wee Hock Kee is the Managing Director at CG Board Asia Pacific. He studied at the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and the Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM). He received accreditation as a member of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) from Emile Woolf International College London, United Kingdom.

He was the former Chairman of the Internal Audit Working Group under the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and served as President of the Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM). Additionally, he has worked in several multinational companies, such as AstraZeneca, where he was the Regional Audit Director for Southeast Asia, the Middle East, and Africa. He was also appointed as the Committee for Licensing and Air Traffic Rights, Malaysian Aviation Commission (MAVCOM). He was the recipient of the Best Internal Audit Award for the year 2001.

DATO' SHAHROL ANUWAR BIN SARMAN

(TAMAT PERKHIDMATAN: 31 JULAI 2021 / TENURE ENDED: 31 JULY 2021)

Mewakili Kementerian Kewangan / Representing the Ministry of Finance

Dato' Shahrol Anuwar bin Sarman merupakan Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik di Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kewangan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), sebelum memperoleh Diploma Pentadbiran Awam dari INTAN dan Sarjana dalam bidang Pengurusan Perniagaan dari Universiti Cardiff, Wales, United Kingdom.

Memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Kewangan Malaysia, beliau seterusnya berkhidmat di beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan termasuk Badan Pencegahan Rasuah, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Dato' Shahrol Anuwar bin Sarman is the Secretary of the Strategic Investment Division at the Malaysian Ministry of Finance. He graduated with a Bachelor's Degree (Hons) in Finance from MARA University of Technology (UiTM), before obtaining a Diploma in Public Administration from INTAN and a Master in Business Management from Cardiff University, Wales, United Kingdom.

Starting his career as an Administrative and Diplomatic Officer at the Malaysian Ministry of Finance, he went on to serve in several Government Ministries and Departments including the Anti-Corruption Agency, the Ministry of Plantation Industry and Commodities, and the Melaka Chief Minister's Department.

DATO' JAMIL BIN RAKON

(TAMAT PERKHIDMATAN: 31 JULAI 2021 / TENURE ENDED: 31 JULY 2021)

Wakil Kementerian Sumber Manusia / Representing the Ministry of Human Resources

Dato' Jamil bin Rakon merupakan mantan Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia (KSM). Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya (UM), dan Sarjana Pengurusan (Sumber Manusia) dari Australian Institute of Criminology, Canberra, Australia. Beliau turut memperoleh Diploma Pengurusan Awam Institut Tadbiran Awam Negara dari INTAN.

Sepanjang berada dalam perkhidmatan awam, beliau pernah berkhidmat di Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Beliau telah menamatkan perkhidmatannya dengan bersara wajib sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Jamil bin Rakon previously served as the Secretary-General of the Ministry of Human Resources (MOHR). He holds a Bachelor of Malay Literature (Hons) from Universiti Malaya, a Master of Management (Human Resources) from the Australian Institute of Criminology in Canberra, Australia, and a Postgraduate Diploma in Public Management from the National Institute of Public Administration (INTAN).

Dato' Jamil has also had the honour to serve at the Ministry of Defence, the Ministry of Education, the Ministry of Home Affairs, the Public Service Department, and the Malaysian Highway Authority. He concluded his career in public service after retiring from his position as Senior Deputy Secretary-General at the Prime Minister's Office.

DATUK DR. NORHAYATI BINTI RUSLI

(TAMAT PERKHIDMATAN: 31 JULAI 2021) / TENURE ENDED: 31 JULY 2021)

Wakil Kementerian Kesihatan / Representing the Ministry of Finance

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli merupakan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perubatan dari Universiti Malaya (UM), sebelum menerima Ijazah Sarjana dalam Kesihatan Awam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau juga merupakan Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan telah dilantik sebagai Pegawai Kesihatan pertama di Pejabat Kesihatan Kuala Lumpur International Airport (KLIA), sebelum menyertai Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Beliau juga menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa termasuk dari World Health Organisation (WHO). Beliau juga merupakan individu yang bertanggungjawab menyelaras data, operasi Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) dan gerakan kawalan COVID-19 ketika negara berdepan penularan wabak tersebut.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli is the Director of Disease Control Divison, in the Ministry of Health Malaysia. She obtained her Bachelor of Medicine in Universiti Malaya and subsequently a Master of Public Health from Universiti Kebangsaan Malaysia.

She is a Public Health Physician and has been appointed as the first Health Officer at Kuala Lumpur International Airport (KLIA) before joining the Disease Control Division in the Ministry of Health Malaysia. Dr. Norhayati also received various recognitions at local and international levels including from the World Health Organization (WHO). She was responsible for coordinating data, the operation of the Crisis Preparedness and Response Center (CPRC), and the control movement of COVID-19 when the country is facing the spread of the pandemic.

DATO' ABDUL HALIM BIN MANSOR

(TAMAT PERKHIDMATAN: 31 JULAI 2021) / TENURE ENDED: 31 JULY 2021)

Wakil Orang Berinsurans (Semenanjung) /
Representing the Insured Persons (Peninsular)

SIP PRIHATIN that was allocated under Budget 2021 is a financial assistance for workers who are either eligible or ineligible for Job Search Allowance (EMP). The purpose of SIP PRIHATIN 1.0 is to extend EMP for unemployed workers under EIS that were affected by COVID-19 to continue their daily lives. SIP Prihatin 2.0, on the other hand, aims to channel financial assistance to non-contributors who are not protected, especially among graduates and self-employed to support their efforts in finding new jobs during the COVID-19 period. As of 31st December 2021, SOCSO has assisted more than 104,590 applications with a total approved payment of RM469.43 million.

PENJANAKERJAYA di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dilaksanakan dengan matlamat merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan bagi pencari kerja tempatan. Berdasarkan statistik PERKESO sehingga 31 Disember 2021, jumlah permohonan majikan untuk PenjanaKerjaya adalah sebanyak 18,265 majikan yang melibatkan 226,223 pekerja dengan jumlah bayaran sebanyak RM907.52 juta.

PENJANAKERJAYA under the National Economic Recovery Plan (PENJANA) is implemented with the aim of stimulating job demand among employers while increasing job opportunities and employability for local job seekers. Based on SOCSO statistics up to 31 December 2021, the total number of employer applications for PenjanaKerjaya is 18,265 employers involving 226,223 employees with a total payment of RM907.52 million.

Program KerjayaGig bertujuan memperluas skop Insentif Pengambilan Pekerja di bawah PenjanaKerjaya 2.0 kepada individu kehilangan pekerjaan dan penganggur daripada golongan rentan yang terlibat dalam peluang pekerjaan jangka pendek seperti e-hailing atau p-hailing sehingga mereka dapat memperoleh pekerjaan sepenuh masa. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah permohonan OBS yang telah diluluskan adalah sebanyak 108,422. Jumlah bayaran yang telah dibuat pula adalah sebanyak RM16.5 juta.

The KerjayaGig Program aims to expand the scope of the Employment Incentive under PenjanaKerjaya 2.0 for individuals who lose their jobs and unemployed individuals from vulnerable groups who are involved in short-term employment opportunities such as e-hailing or p-hailing so that they can obtain full-time employment. As of 31st December 2021, the number of OBS applications that have been approved is 108,422. The total payment that has been made is as much as RM16.5 million.

SPS LINDUNG merupakan program penambahbaikan ke atas inisiatif PenjanaGig sedia ada di mana kerajaan menyediakan bantuan pembiayaan bayaran penuh caruman (100 %) di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO kepada kumpulan sasaran OBS iaitu *Delivery Riders* yang melaksanakan aktiviti penghantaran barangan ataupun makanan. Sehingga 31 Disember 2021 seramai 265,732 OBS telah dilindungi di bawah program ini dengan jumlah caruman sebanyak RM62.5 juta.

SPS LINDUNG is an enhanced program from the existing PenjanaGig initiative where the government provides funding assistance for full payment of contributions (100%) under the Self-Employed Social Security Scheme (SKSPS) to the OBS target group, namely Delivery Riders who carry out goods or food delivery activities. As of 31st December 2021, a total of 265,732 OBS have been covered under this program with a total contribution of RM62.5 million.

SPS Prihatin Wanita adalah bantuan Kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di bawah Program PEMERKASA bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial di bawah SKSPS PERKESO yang dikhususkan kepada semua wanita yang bekerja sendiri daripada pelbagai sektor informal. Berdasarkan statistik sehingga 31 Disember 2021, seramai 21,350 OBS dilindungi di bawah skim ini dan ianya melibatkan jumlah caruman sebanyak RM4.97 juta.

SPS Prihatin Wanita is a government aid announced by YAB Prime Minister under the PEMERKASA Package to provide social security protection under SOCSO SKSPS which is dedicated to all self-employed women from various informal sectors. Based on statistics up to 31st December 2021, a total of 21,350 OBS were covered under this scheme and it involves a total contribution of RM4.97 million.

PERLUASAN LIPUTAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

Selain daripada program-program pakej rangsangan ekonomi, perlindungan keselamatan sosial yang disediakan oleh PERKESO turut melalui evolusi ketara seiring dengan peranan dan tuntutan untuk memberi perlindungan kepada golongan sasar dan menyokong pembangunan Negara sejajar dengan perubahan landskap perlindungan keselamatan sosial di seluruh dunia masa kini.

Bermula 1 Jun 2021, PERKESO memperluaskan liputan di bawah Akta 4 dan Akta 800 kepada Pekerja Domestik. Tujuan utama perlindungan ini adalah untuk meningkatkan perlindungan sosial kepada kumpulan masyarakat yang tidak dilindungi selama ini. Pekerja domestik adalah individu yang diambil bekerja secara sah untuk melaksanakan sesuatu kerja atau aktiviti yang di sesebuah rumah kediaman persendirian dan bukan diambil bekerja bagi apa-apa tujuan lain yang melibatkan aktiviti seperti perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan, sama ada di dalam atau di luar rumah kediaman itu.

PERKESO juga merancang untuk menetapkan siling gaji baharu bagi maksud caruman daripada RM4,000 kepada RM5,000 sebulan. Langkah ini bertujuan menambah baik liputan keselamatan sosial PERKESO kepada pekerja dan tanggungan menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada seperti Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Pencen Penakat dan Pencen Ilat di bawah Akta 4 serta Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) dan Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) di bawah Akta 800. Menerusi cadangan pindaan ini, dijangka seramai 1.5 juta pekerja atau hampir 19% daripada keseluruhan pencarum PERKESO di seluruh negara akan mendapat manfaat daripada peningkatan siling gaji ini yang merangkumi pekerja tempatan dan pekerja asing.

EXTENSION OF SOCIAL SECURITY COVERAGE

Apart from the economic stimulus package programs, the social security protection provided by SOCSO has gone through a significant evolution in keeping with the role and demands to protect the target groups and promote national development in line with the changing landscape of social security protection around the world today.

Starting 1st June 2021, SOCSO has extended coverage under Act 4 and Act 800 to Domestic Workers. The main purpose of this coverage is to extend social protection to previously unprotected community groups. Domestic workers are individuals who are legally employed exclusively in the work or in connection with work of a private dwelling house and not of any trade, business or profession carried on by the employer whether in or outside the house.

SOCSO also plans to set a new salary ceiling for contribution purposes from RM4,000 to RM5,000 per month. The move is to improve SOCSO's social security coverage for employees and dependants through an increase in the payment rate of existing benefits such as Temporary Disablement Benefit, Permanent Disablement Benefit, Dependants' Benefit, Survivor's Pension and Invalidity Pension under Act 4 as well as Job Search Allowance, Reduced Income Allowance and Early Re-employment Allowance under Act 800. Through this proposed amendment, it is expected a total of 1.5 million workers or about 19% of SOCSO contributors throughout the country will benefit from the salary ceiling increase that includes local and foreign workers.

Selain itu, Kerajaan menerusi PERKESO bercadang untuk mewujudkan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah. Kerajaan mengiktiraf peranan suri rumah dalam care economy yang turut membantu dalam penjanaan ekonomi negara. Selain terdedah dengan risiko bahaya semasa menguruskan hal-hal rumah tangga, hampir 5 juta wanita di Malaysia masih belum mempunyai liputan perlindungan sosial asas. Sehubungan itu, saya telah mencadangkan kepada Kerajaan untuk memperkenalkan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah untuk menjaga kebajikan dan melindungi golongan ini daripada bencana domestik dan keilatan seiring dengan konsep “tiada individu yang tercicir”.

EKONOMI DIGITAL DAN EKONOMI GIG

Pelaksanaan PKP bagi membendung pandemik COVID-19 telah memaksa perniagaan untuk mengalihkan operasi daripada fizikal ke dalam talian. Banyak syarikat terpaksa beralih menggunakan pendekatan dalam talian. Selain itu, penggunaan perkhidmatan digital semakin meningkat yang merangkumi perkhidmatan e-pembayaran, perniagaan dalam talian, perkhidmatan platform digital dan perkhidmatan kerajaan dalam talian. Perkhidmatan digital seperti perkhidmatan profesional dan penghantaran makanan juga semakin popular dalam kalangan penduduk Malaysia walaupun majoriti pekerjaan gig memerlukan kemahiran yang rendah dan tidak mempunyai perlindungan sosial. Memahami trend ini, PERKESO akan terus memberi penekanan terhadap perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja sendiri dan bantuan untuk mengintegrasikan golongan ini kepada pekerjaan formal.

Furthermore, the Government through SOCSO plans to establish the Housewives Social Security Scheme. The Government recognises the role of housewives in the care economy which also helps in generating the national economy. In addition to being exposed to the risk of danger while managing household affairs, nearly 5 million women in Malaysia still do not have basic social protection coverage. Accordingly, I have proposed to the Government to introduce the Housewives Social Security Scheme to safeguard the welfare and protect this group from domestic injuries and invalidity in line with the concept of "no one is left behind".

DIGITAL ECONOMY AND GIG ECONOMY

The implementation of MCO to curb the COVID-19 pandemic has forced businesses to shift operations from physical to online. Many companies are forced to switch to an online approach. In addition, the use of digital services is increasing which include e-payment services, online business, digital platform services and online government services. Digital services such as professional services and food delivery are also growing in popularity among Malaysians even though the majority of gig jobs require moderate skills and lack social protection. Understanding this trend, SOCSO will continue to emphasise towards social security protection for the working class itself and integrate this class into formal employment.

PENINGKATAN KADAR KEMISKINAN NEGARA

Kesan Pandemik COVID-19 terhadap sosioekonomi penduduk Malaysia sedikit sebanyak melumpuhkan ekonomi negara dan memberi impak negatif yang besar kepada pendapatan penduduk tempatan. Secara purata, pendapatan bulanan kasar isi rumah menurun sebanyak 10.3% manakala median menunjukkan penurunan sebanyak 11.3%. Kadar kemiskinan mutlak pula telah mencapai paras 8.4% pada tahun 2020, peningkatan sebanyak 2.8% berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 638,000 isi rumah berada dalam kemiskinan mutlak. Kadar kemiskinan tegar pula telah meningkat sebanyak 0.8% bersamaan dengan 76,000 isi rumah.

Mendepani cabaran alaf baharu dalam ketidaktentuan geo-ekonomi dan politik global serta renjatan ekonomi akibat Pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap landskap perlindungan keselamatan sosial di seluruh dunia dan Malaysia turut tidak terkecuali. Melangkah ke hadapan, kita perlu berani mengorak langkah sejajar dengan iltizam untuk menjadikan PERKESO sebagai Institusi Perlindungan Sosial Kebangsaan yang mentadbir pelbagai skim keselamatan sosial yang bakal melindungi golongan pekerja daripada semua risiko kitaran hidup – baik kehilangan pekerjaan, hilang upaya, kematian, keilatan, penyakit, perubatan, bersalin dan sebagainya. Jika ini tercapai, PERKESO dapat memperluaskan fungsinya untuk menyediakan jaringan keselamatan sosial bagi semua rakyat Malaysia, di setiap peringkat usia dan kehidupan mereka.

INCREASE IN NATIONAL POVERTY RATE

The impact of the COVID-19 Pandemic on the socioeconomics of the Malaysian population has paralyzed the national economy to some extent and has had a significant negative impact on the income of the local population. On average, the gross monthly income of households decreased by 10.3% while the median showed a decrease of 11.3%. The absolute poverty rate has reached the level of 8.4% in 2020, an increase of 2.8% compared to the previous year. A total of 638,000 households are in absolute poverty. The rate of severe poverty has increased by 0.8%, equivalent to 76,000 households.

Facing the challenges of the new millennium in global geo-economic and political uncertainty as well as the economic shock due to the COVID-19 Pandemic has affected the landscape of social security protection around the world and Malaysia is no exception. Moving forward, we need to take bold steps that are in line with our commitment to make SOCSO a National Social Protection Institution that administers various social security schemes that will protect the working class from all life cycle of risks - be it job loss, disability, death, disability, illness, medical, maternity and so on. If this is achieved, SOCSO can expand its function to provide a social safety net for all Malaysians, at every age and stage of their lives.

KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP SOSIOEKONOMI PENDUDUK MALAYSIA
THE IMPACT OF THE COVID-19 PANDEMIC ON THE SOCIOECONOMICS OF THE MALAYSIAN POPULATION

Pendapatan bulanan kasar isi rumah
Gross monthly income of households

10.3%

Kadar kemiskinan mutlak 2020
Absolute poverty rate 2020

638,000

Isi Rumah / households

Kadar kemiskinan tegar 2020
Rate of severe poverty 2020

76,000

Isi Rumah / households

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan serta warga kerja PERKESO atas komitmen dan sokongan padu yang berterusan di atas dedikasi mereka menjadikan organisasi ini terus berdaya saing. Sambutan Jubli Emas PERKESO mendukung tema "Prihatin 5 Dekad dan Selamanya". Justeru, saya menaruh keyakinan semua warga PERKESO akan terus meningkatkan usaha dan sokongan untuk menghadapi cabaran abad mendatang. Kami akan terus berusaha gigih meneruskan kelangsungan kecemerlangan dan pencapaian organisasi untuk terus memberi impak dan lonjakan berganda dalam memartabatkan agenda memberi perlindungan keselamatan sosial yang dinamik dan inklusif.

Akhir kata, saya dan seluruh warga PERKESO ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia dan YB Datuk Hj Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Pengerusi serta Ahli Lembaga PERKESO khususnya atas nasihat, pedoman serta dorongan dalam memantapkan lagi peranan PERKESO sebagai peneraju perlindungan keselamatan sosial yang unggul di negara ini untuk terus memacu kecemerlangan dan menjadi penanda aras kepada negara-negara lain di serata dunia.

Sekian dan terima kasih.

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN AZIZ MOHAMMED
Ketua Eksekutif
Chief Executive

ACKNOWLEDGEMENTS

Before I conclude, I would like to express my deepest gratitude to the SOCSO Board of Directors, the SOCSO Investment Committee, and all SOCSO staff for their unwavering commitment to enhancing the competitiveness of this acclaimed organisation. In line with 'Prihatin 5 Dekad dan Selamanya', the theme of the SOCSO Golden Jubilee celebrations, I exhort all SOCSO staff to continue working hard to overcome the challenges we are certain to face in the upcoming years. We vow to intensify our efforts to achieve our vision of becoming a dynamic, inclusive provider of social security protections that is known for excellence and continuous innovation.

On behalf of all SOCSO staff, I shall end by expressing my utmost gratitude to YB Datuk Seri M. Saravanan, the Minister of Human Resources, YB Datuk Haji Awang Bin Hashim, the Deputy Minister of Human Resources, the Chairman of the SOCSO Board, and other members of the SOCSO Board of Directors for their constant support and guidance. In accordance with our role as our beloved nation's pioneering social security organisation, we shall elevate SOCSO's reputation for excellence and transform it into a social security role model for peers around the world.

Thank you.

TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF
DEPUTY CHIEF EXECUTIVE

DATIN AZLAILY BINTI ABD RAHMAN

Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)
Deputy Chief Executive (Corporate)

Sehingga / Until 30.12.2021

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya
- Certificate of Accreditation in Prosci's Change Management Methodology by Being Human Pty Ltd, Melbourne
- Women Directors' Programme Certification by NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)
- A Member of Association of Change Management Professionals (USA).

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Laws, University of Malaya
- Certificate of Accreditation in Prosci's Change Management Methodology by Being Human Pty Ltd
- Women Directors Programme Certification from NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)
- A Member of the Association of Change Management Professionals (USA)

ENCIK JOHN RIBA ANAK MARIN

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)
Deputy Chief Executive (Operation)

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi MARA
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Utara Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Teknologi MARA

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Master of Business Administration, MARA University of Technology
- Bachelor of Accounting, Universiti Utara Malaysia
- Diploma in Public Administration, MARA University of Technology

ENCIK MOHD ROSDI BIN MAT YASIN

Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan)
Deputy Chief Executive (Management)

Sehingga / Until 04.04.2021

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Gunaan, Universiti Malaya

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Applied Economics, University of Malaya

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT TEAM

DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN

Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan
Head of Employment Insurance System

Sehingga / Until 31.12.2021

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Sains Sosial, Universiti Birmingham, UK
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, INTAN
- Diploma Pengurusan Maklumat (Pembangunan), Universiti Birmingham, UK

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Master's Degree in Social Science, University of Birmingham, UK
- Bachelor of Arts (Hons) Sociology, National University of Malaysia
- Diploma in Public Administration, INTAN
- Diploma in Information Management for Development, University of Birmingham

DATO' DR SUZANA IDAYU WATI BINTI OSMAN

Ketua Pegawai Pelaburan
Chief Investment Officer

Sehingga / Until 30.09.2021

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Kewangan, Universiti Putra Malaysia
- Advanced Management Program (AMP) Harvard Business School, USA
- Ijazah Sarjana Kewangan, Universiti Putra Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Perniagaan, University of Huddersfield, UK

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- PhD in Finance, Universiti Putra Malaysia
- Advanced Management Program (AMP) Harvard Business School, USA
- Master in Finance, Universiti Putra Malaysia
- Bachelor (Hons) in Business Studies, University of Huddersfield, UK

ENCIK EDMUND CHEONG PECK HUANG

Ketua Pegawai Strategi dan Transformasi
Chief Strategy & Transformation Officer

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains Politik), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Computer Science (Cambridge)
- Return To Work Expert by ISSA Academy
- Information Technology & Communication Expert by ISSA Academy
- Certificate Disability Management Professional (NIDMAR Canada)
- Certificate American Medical Association Guideline on Impairment and Disability (American Board of Independent Medical Examiner, USA)
- Advisor and member of Malaysian Disability Management Association Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Literature (Political Science), National University of Malaysia
- Diploma in Computer Science (Cambridge)
- Return To Work Expert, ISSA Academy
- Information Technology & Communication Expert, ISSA Academy
- Certified Disability Management Professional, NIDMAR Canada
- American Medical Association Guideline on Impairment and Disability Certificate (American Board of Independent Medical Examiner, USA)
- Advisor and member of Malaysian Disability Management Association Malaysia

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT TEAM

ENCIK AHMAD NAZLI BIN OTHMAN NORDIN

Ketua Pegawai Kewangan
Chief Financial Officer

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Utara Malaysia
- Akauntan Bersekutu, Institut Akauntan Malaysia (No. Ahli 15374)
- Ahli Bersekutu, Institut Percukaian Malaysia (No.Ahli 2021)
- Ahli Persatuan Perancang Kewangan Malaysia (No. Ahli 002465)

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Accounting, Universiti Utara Malaysia
- Associate Accountant, Malaysian Institute of Accountants (Member no. 15374)
- Associate Member, Malaysian Institute of Taxation ((Member no. 2021)
- Member of the Malaysian Association of Financial Planners (Member no. 002465)

ENCIK CHE HAMID BIN CHE AHMAD

Ketua Pegawai Sumber Manusia
Chief Human Resources Officer

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Business Administration, National University of Malaysia

ENCIK MOHAMMAD FAUZI BIN HAJI JA'AFAR

Ketua Pegawai Faedah
Chief Benefits Officer

Sehingga / Until 26.06.2021

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Economics, National University of Malaysia

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT TEAM

ENCIK BORHAN BIN OSMAN

Ketua Pegawai Perundangan
Chief Legal Officer

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Laws, University Malaya

ENCIK MUHAMMAD AMYZADDIN BIN RAYA

Ketua Pegawai Komunikasi
Chief Communications Officer

Mulai / Appointed: 01.04.2021

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda, UiTM Komunikasi Massa (Perhubungan Awam)
- Penerima Anugerah Kecemerlangan DiRaja untuk kecemerlangan akademik dan kualiti kepimpinan ulung, Universiti Teknologi MARA (2002)
- Mewakili Malaysia dalam Program Felo Antarabangsa untuk Pemimpin Muda, East-West Centre, University of Hawaii (2004)

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor Of Mass Communication (Hons) Public Relations, Universiti Teknologi MARA
- Recipient of Anugerah Kecemerlangan DiRaja for the year 2002 for outstanding academic achievement and strong leadership skills, Universiti Teknologi MARA
- Represented Malaysia for International fellowship program for young leaders, East-West Centre, University of Hawaii (2004)

ENCIK ZAINAL AKBAR BIN SK. MD. ABDUL KADER

Ketua Pegawai Governan, Etika, Audit dan Risiko
Chief Governance, Ethics, Audit and Risk Officer

Mulai / Appointed 02.08.2021

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Perdagangan (Perakaunan), Curtin University of Technology, Western Australia
- Diploma Perakaunan, Kolej Metropolitan
- Sijil Pengurusan Risiko (Insurans), The Institute of Internal Auditors Malaysia
- Ahli Profesional The Institute of Internal Auditors Malaysia
- Sijil Amalan Perakaunan (Australia)

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Commerce (Accounting),Curtin University of Technology, Western Australia
- Diploma of Commerce, Metropolitan College
- Certified Risk Management Assurance,The Institute of Internal Auditors Malaysia
- Profesional Member The Institute of Internal Auditors Malaysia
- Certified Practicing Accountant (Australia)

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT TEAM

PUAN AZLEEN BINTI ISMAIL

Ketua Bahagian Pengurusan Risiko
Head of Risk Management Division

Sehingga / Until 28.02.2021

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Porsmouth
- Certified Of International Risk Management, The Institute of Risk Management, London
- Member of Malaysian Insurance Institute – Membership No. 02013-5034

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Accountancy, University of Portsmouth
- Certified Of International Risk Management, The Institute of Risk Management, London
- Member of Malaysian Insurance Institute – Membership No. 02013-5034

ENCIK MOHD SHAHAR BIN ISMAIL

Ketua Bahagian Pengurusan Korporat
Head of Corporate Affairs Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Diploma Undang-Undang (Setaraf Ijazah Am) ITM, Shah Alam

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Diploma in Laws (Equivalent to General Degree) MARA Institute of Technology

DR. AZLAN BIN DARUS

Ketua Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan
Head of Prevention, Medical and Rehabilitation Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Kesihatan Awam, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Kesihatan Pekerjaan, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Perubatan, Universiti Otago New Zealand
- Member of Faculty of Occupational Medicine, Royal College of Physicians, Ireland
- Certified of Independent Medical Examiner, ABIME USA
- Certified of Disability Management Professional, Canada

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Master of Public Health, University of Malaya
- Master of Occupational Health, University of Malaya
- Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery, University of Otago New Zealand
- Member of Faculty of Occupational Medicine, Royal College of Physicians, Ireland
- Certified of Independent Medical Examiner, ABIME USA
- Certified of Disability Management Professional, Canada

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT TEAM

CIK JAZLINA BINTI ALIAS

Ketua Bahagian Caruman
Head of Contribution Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi Mara
- Diploma Perakaunan, Universiti Teknologi Mara

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Accounting, Universiti Teknologi Mara
- Diploma in Accounting, Universiti Teknologi Mara

HAJAH FADHILAH BINTI HAMIL

Ketua Bahagian Perolehan
Head of Procurement Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Laws, Universiti Malaya

TN HJ ZAINAL BIN ISMAIL

Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan
Head of Management Services Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam, Universiti Malaya

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Public Administration, University of Malaya

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT TEAM

HJ AZHAR BIN MD NADZRI

Ketua Bahagian Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri
Head of Self-Employment Social Security Scheme Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM)

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Agricultural Science, UPM

DR. PONNIAH A/L RAMAN

Ketua Bahagian Insurans Pekerjaan
Head of Employment Insurance Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pengurusan, Universiti Putra Malaysia
- Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik), Universiti Kebangsaan Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- PhD in Management, Universiti Putra Malaysia
- Master of Information Technology, National University of Malaysia
- Bachelor of Mathematics, National University of Malaysia

ENCIK ROSHAIMI BIN MAT ROSELY

Ketua Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan
Head of Employment Services Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Sains Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Mass Communication, Universiti Sains Malaysia

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT TEAM

ENCIK UMMAR JAI KUMAR BIN ABDULLAH

Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Analisa Pekerjaan

Head of Information Services and Analysis Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Dengan Kepujian) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor's Degree in Business Administration (Honours), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ENCIK RAHMAT BIN ISMAIL

Ketua Bahagian Pembangunan & Koordinasi Strategik

Head of Strategic Development & Coordination Division

Mulai / Appointed: 06.05.2021

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Arts Southeast Asian Studies, University Malaya

ENCIK HAIRIRI BIN HARUN

Ketua Bahagian Pekerja Asing

Head Foreign Workers Division

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Teknologi MARA

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor in Business Administration Administration (Hons), National University of Malaysia
- Diploma in Public Administration, MARA University of Technology

KUMPULAN PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT TEAM

PUAN ROSMASITA BINTI MOHAMED

Ketua Cawangan Penguatkuasaan
Head of Enforcement Branch

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Manusia, Universiti Putra Malaysia
- Certified Disability Management Professional, Canada

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Master of Human Resource Development, Universiti Putra Malaysia
- Bachelor of Human Development, Universiti Putra Malaysia
- Certified of Disability Management Professional, Canada

IR. MOHD NOOR BIN HASHIM

Ketua Cawangan Pengurusan Hartanah
Head of Property Management Branch

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA
- Jurutera Profesional (Mekanikal) dengan Sijil Kelayakan Praktik
- Ahli Lembaga Jurutera Malaysia

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Engineering (Hons) Mechanical, University of Technology MARA
- Professional Engineer (Mechanical) with Practicing Certificate
- Member of Board of Engineer Malaysia

ENCIK ISMAIL BIN ABI HASHIM

Ketua Cawangan Skuad Prihatin dan Sinergi
Head of Squad Prihatin and Synergy Branch

KELAYAKAN AKADEMIK

- Diploma Komunikasi Massa, Institusi Teknologi Mara (ITM)

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Diploma in Mass Communication, Institute Technology Mara (ITM)

PUSAT REHABILITASI PERKESO

SOCSO'S REHABILITATION CENTRE

DATUK DR HAFEZ BIN HUSSAIN

Pengarah Eksekutif, Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak

Executive Director PERKESO Tun Abdul Razak Rehabilitation Centre

KELAYAKAN AKADEMIK

- Ijazah Sarjana Muda Perubatan, Universiti Sumatera Utara
- Master of Clinical Rehabilitation, Flinders University, South Australia
- Ahli ISPRM (International Society of Physical Rehabilitation Medicine)
- Return To Work Expert by ISSA Academy

ACADEMIC QUALIFICATIONS

- Bachelor of Medicine, University of North Sumatera
- Master of Clinical Rehabilitation Flinders University, South Australia
- Member of ISPRM (International Society of Physical Rehabilitation Medicine)
- Return To Work Expert by ISSA Academy

PENGARAH NEGERI
STATE DIRECTORS

MUSTAFA BIN DRAMAN sehingga / until – 08.02.2021 ZAINOL BIN ABU	PPN Selangor
SALIJAN BIN SAIGON sehingga / until – 08.02.2021 MUSTAFA BIN DRAMAN	PPN Kuala Lumpur
FUAD BIN ALIAS	PPN Negeri Sembilan
ABD RAZAK BIN OMAR	PPN Melaka
TONG SING CHUANG	PPN Johor
ANTHONY ARUL DASS A/L ARULAPPEN	PPN Perak
SHAHARUDDIN BIN WALED sehingga / until – 01.03.2021 MOHAMAD HARON BIN OTHMAN	PPN Kedah
OTHMAN BIN MOHD NORDIN	PPN Pulau Pinang
BASHARUDIN BIN KHALID	PPN Perlis
TARMIZI BIN MUKHTAR	PPN Pahang
NORA BINTI YAACOB	PPN Kelantan
FARIHAH BINTI CHE HUSIN	PPN Terengganu
PHILLIP SANGKAN	PPN Sarawak
DR. MOHD ALI BIN HINDIA	PPN Sabah

04

LAPORAN PRESTASI 2021
PERFORMANCE REPORT 2021

LAPORAN PRESTASI 2021
PERFORMANCE REPORT 2021

PENGURUSAN RISIKO KORPORAT
CORPORATE RISK MANAGEMENT

Pengenalan

Di PERKESO, Lembaga Pengarah komited bagi mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan seterusnya menegakkan dan melaksanakan budaya dan persekitaran yang kukuh untuk membolehkan objektif organisasi tercapai.

Lembaga Pengarah komited dan bertanggungjawab terhadap sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman organisasi yang meliputi strategik, pelaburan, operasi dan kewangan serta mengkaji semula kecukupan, keberkesanan dan integriti sistem-sistem tersebut.

Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan kawalan ini dan melaporkan secara berkala tentang risiko yang dikenal pasti dan tindakan yang diambil untuk mengurangkan dan/atau meminimumkan risiko tersebut. Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC) dan Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL), yang terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengawalselia kawalan tersebut.

Berkuat kuasa 01 Oktober 2021, Bahagian Pengurusan Risiko (RMD) telah diintegrasikan dengan Bahagian Audit Dalam dan kini dikenali sebagai Bahagian Governan, Etika, Audit dan Risiko (GEAR) dan melaporkan terus kepada Jawatankuasa GEAR Lembaga (BGC). Bagi Unit Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM), ia telah dipindahkan ke Bahagian Strategik dan Transformasi. Unit BCM akan meneruskan usahanya dalam menyampaikan pengetahuan BCM di seluruh PERKESO untuk memastikan organisasi berdaya tahan semasa krisis dan gangguan.

Introduction

In SOCSO, the Board of Directors ("Board") is committed in maintaining a sound system of risk management and internal control whilst continuing to uphold and implementing a strong culture and environment for the proper conduct of its business operations.

The Board affirms its commitment and responsibility for the organisation's risk management and internal control systems covering strategic, investment, operational and financial as well as reviewing the adequacy, effectiveness and integrity of these systems.

The implementation of these control is undertaken by the Management which regularly reports on the risks identified and actions taken to mitigate and/or minimise such risks. The oversight of these critical areas is carried out by the Board Risk Committee (BRC) and the Board Audit Committee (BAC), which comprise Board members.

Effective 01 October 2021, Risk Management Division (RMD) was integrated with the Internal Audit Division and now known as Governance, Ethics, Assurance and Risk (GEAR) Division and will report directly to the Board GEAR Committee (BGC). As for Business Continuity Management (BCM) Unit, it was transferred to the Strategic and Transformation Division. BCM Unit will continue its efforts in imparting knowledge of BCM across SOCSO to ensure resilience in times of crisis and business disruptions.

Sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman PERKESO direka bagi memenuhi keperluan khusus organisasi, iaitu mengurus risiko secara cekap dan berkesan yang boleh menghalang pencapaian objektif organisasi, dan untuk menyediakan maklumat untuk pelaporan yang tepat serta memastikan pematuhan terhadap standard.

Proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko yang boleh menjejaskan objektif organisasi secara material telah disediakan sepanjang tahun dan dinilai secara berkala oleh Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mengiktiraf bahawa sistem ini direka untuk menguruskan dan mengurangkan, dan bukannya melenyapkan risiko kegagalan untuk mencapai objektif dan organisasi korporat mengikut tahap risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan. Oleh itu sistem ini hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan mutlak terhadap salah nyata material, kerugian atau penipuan. Konsep jaminan munasabah organisasi juga mengiktiraf bahawa kos prosedur kawalan tidak boleh melebihi jangkaan manfaat.

SOCSO's risk management and internal control systems are designed to meet the organisation's particular needs, to efficiently and effectively manage risks that may impede the achievement of the organisation's business objectives, and to provide information for accurate reporting and ensure compliance with regulatory and statutory requirements.

The process for the identification, evaluation, monitoring and managing of significant risks that may materially affect the organisation's business objectives has been in place throughout the year under review and regularly appraised by the Board.

The Board recognises that these systems are designed to manage and mitigate, rather than eliminate the risk of failure to achieve the organisation's business and corporate objectives within the risk appetite established by the Board and management. These systems can therefore provide only reasonable and not absolute assurance against material misstatement, loss or fraud. The organisation's concept of reasonable assurance also recognises that the cost of control procedures should not exceed the expected benefits.

SISTEM PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN
RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL SYSTEM

PERKESO mempunyai sistem untuk mengurus risiko dan kawalan dalaman yang boleh menjejaskan operasi organisasi. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk merealisasikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Laporan berkala mengenai risiko yang dikenal pasti dan tindakan yang diambil untuk mengurangkan dan/atau meminimumkan risiko dan jurang dalam sistem kawalan dalaman tersebut akan dibentangkan kepada BGC dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah.

SOCSO has in place risk management and internal control systems for managing risks and internal controls affecting its business operations. The realisation of risk management and internal control systems is undertaken by Management. Regular reports on risks identified and actions taken to mitigate and/or minimise such risks and gaps in the internal control systems are presented to the BGC and ultimately to the Board.

Ciri-ciri utama sistem ini ialah lima barisan pertahanan dengan tanggungjawab yang jelas, serta akauntabiliti untuk pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

The key features of these systems are the five lines of defence with established and clear functional responsibilities and accountability for the management of risks and internal controls.

Barisan Pertama First Line	Barisan Kedua Second Line	Barisan Ketiga Third Line	Barisan Keempat Fourth Line	Barisan Kelima Fifth Line
PENGURUSAN MANAGEMENT		**JAMINAN** ASSURANCE	**PENGAWALSELIAAN** OVERSIGHT	
Bertanggungjawab mengurus risiko dan kawalan dalaman di peringkat operasi Responsible for managing risk and internal controls at the operational level	Pemantauan risiko dan kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Pengurusan Risk monitoring and internal controls set by Management	Menyediakan tahap objektiviti dan keyakinan bebas kepada Pengurusan Tertinggi dan Ahli Lembaga Pengarah tentang keberkesanan pengurusan risiko Provide a level of objectivity and independent confidence to Top Management and Board Members on the effectiveness of risk management	Memberi gambaran holistik kepada Lembaga Pengarah mengenai keberkesanan pengurusan barisan hadapan dan jaminan bebas Provide a holistic view to the Board on the effectiveness of frontline management and independent assurance	Pengawalseliaan tadbir urus korporat dan arah tuju Rangka Kerja Governan Risiko Kawalan (GRC) Lembaga Regulating the corporate governance and the direction of the Board's Governance Risk Control (GRC) Framework
Operasi Operations	**HQ** HQ	**GEAR** GEAR	**Jawatankuasa Lembaga** Board Committee	**Lembaga PERKESO** SOCSO Board

PENGURUSAN RISIKO
RISK MANAGEMENT

Tujuan Rangka Kerja Pengurusan Risiko (ERM) PERKESO ialah untuk menyediakan pendekatan berintegrasi dan tersusun di seluruh organisasi. Ia menggariskan metodologi ERM yang selaras dengan Prinsip dan Garis Panduan ISO31000: Pengurusan Risiko, terutamanya menggalakkan pemilikan risiko dan pemantauan berterusan risiko utama yang dikenal pasti. Rangka Kerja ERM PERKESO diringkaskan seperti berikut:

SOCSO Enterprise Risk Management (ERM) framework aims to provide an integrated and organised approach organisation-wide. It outlines the ERM methodology which is in line with the Principles and Guidelines of ISO31000: Risk Management, mainly promoting risk ownership and continuous monitoring of key risks identified. SOCSO's ERM Framework is summarised as follows:

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO / ENTERPRISE RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

Infrastruktur ERM / ERM Infrastructure

- Visi / Vision
- Governan / Governance
- Mandat Lembaga / Pengurusan Governance Board Reporting/ Management Mandate
- Pelaporan / Reporting
- Polisi & Prosedur ERM / ERM Policies & Procedures
- Peranan & Tanggungjawab / Roles & Responsibilities
- ISO 31000 / ISO 31000
- Automasi / Automation

Proses ERM / ERM Process

- Penilaian Risiko / Risk Assessment
- Pelaksanaan Perancangan Tindakan Risiko / Risk Action Planning Implementation
- Pemantauan dan Komunikasi berterusan / Continuous Monitoring & Communication
- Pemantauan dan Tindakan Risiko / Risk Action Monitoring

MATLAMAT, STRATEGI & OBJEKTIF PERNIAGAAN / Business Goals, Objectives & Strategies

Integrasi ERM / ERM Integration

- Proses Operasi / Operational Processes
- Perancangan Strategik / Strategic Planning
- Membuat Keputusan / Decision Making
- Pelaburan/ Penjualan / Investment/ Divestment
- Pengurusan Prestasi / Performance Management
- Perancangan Perniagaan (Bajet) / Business Planning (Budgeting)
- Pembangunan Dasar / Policy Development
- Audit Dalam berasaskan risiko / Risk-based Internal Audit

Model/ Pendidikan Kompetensi ERM
ERM Competency Model / Education

- **Komunikasi** Communication
- **Kesedaran / Latihan** Awareness / Training
- **Penambahbaikan yang berterusan** Continuous Improvement
- **Perubahan Pengurusan** Change Management

1. Pengawalseliaan Pengurusan Risiko
Risk Management Oversight

Pengawalseliaan pengurusan risiko adalah tanggungjawab BGC dan Lembaga Pengarah. BGC dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menetapkan hala tuju strategik bagi peranan, tanggungjawab dan struktur pelaporan risiko. Pelaporan berkala kepada BGC dan Lembaga Pengarah mengenai aktiviti pengurusan risiko yang dijalankan oleh pihak pengurusan melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC), memastikan BGC dan Lembaga Pengarah dimaklumkan dan dinasihatkan tentang semua aspek ERM, serta bidang risiko yang penting dan trend risiko.

The oversight role of risk management is carried out by the BGC and the Board. The BGC and the Board sets the strategic direction for risk roles, responsibilities and risk reporting structures. The periodic reporting to both the BGC and the Board on risk management activities undertaken by management via the Management Risk Committee (MRC), keeps the BGC and the Board apprised and advised of all aspects of ERM, and significant risk areas and risk trends.

MRC terdiri daripada Ketua Jabatan di setiap bahagian. MRC mengekalkan pengawasan risiko dalam organisasi di peringkat pengurusan, seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja ERM. Di peringkat Lembaga Pengarah, BGC mengambil alih pengawalseliaan dan peranan strategik untuk ERM. Sebagai tambahan kepada keperluan pelaporan kepada BGC dan Lembaga Pengarah, MRC mempunyai tanggungjawab khusus untuk merumus dan melaksanakan mekanisme ERM untuk mematuhi keperluan dasar ERM dan untuk menyatakan serta mencabar penarafan risiko.

The MRC comprises members from the respective Head of Divisions. The MRC maintains the risk oversight within the organisation at the management level, as outlined in the ERM Framework. At the Board level, the BGC assumes the oversight and strategic role for ERM. In addition to the reporting requirements to BGC and Board, the MRC has specific responsibilities which include, amongst others, to formulate and implement the ERM mechanism to comply with the requirements of the ERM policy and to articulate and challenge risk ratings.

Tahap penyertaan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan serta struktur pelaporan ditunjukkan di bawah:

The level of Board and management participation and reporting structure is shown below:

MRC dibantu oleh RMD (kini dikenali sebagai Cawangan Pengurusan Risiko, Bahagian GEAR) yang peranan utamanya adalah untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan bagi pengurusan risiko dan rangka kerja pengurusan kesinambungan perniagaan, program dan pendidikan berkaitan risiko di seluruh organisasi, penyediaan perkhidmatan bebas dan penilaian objektif risiko serta pelaporan tepat pada masanya kepada MRC, BGC dan Lembaga Pengarah.

The MRC is assisted by the RMD (now known as Risk Management Section, GEAR Division) whose primary role is to ensure effective implementation of the risk management and business continuity management framework, programmes and risk-related education across the organisation, and provision of independent and objective assessment of risks as well as timely reporting to the MRC, BGC and the Board.

2. Polisi Pengurusan Risiko
Risk Management Policy

Lembaga Pengarah mengiktiraf bahawa risiko adalah bahagian yang wujud dalam perniagaan organisasi, memberikan kedua-dua ancaman dan peluang. Untuk mencapai matlamat korporat dan memenuhi jangkaan pemegang saham, Lembaga Pengarah perlu membuat keputusan yang melibatkan beberapa tahap risiko. Polisi risiko berikut menyediakan panduan mengenai pengurusan risiko dan terpakai di semua Bahagian dan Syarikat Subsidiari:

- Untuk mengintegrasikan pengurusan risiko ke dalam budaya, aktiviti perniagaan dan proses membuat keputusan di PERKESO.
- Untuk menjangka dan bertindak balas terhadap perubahan keperluan operasi, sosial, alam sekitar dan peraturan secara proaktif.
- Untuk mengurus risiko secara pragmatik, ke tahap yang boleh diterima berdasarkan keadaan setiap situasi.
- Untuk memastikan semua cadangan yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah oleh pihak pengurusan yang berkaitan dengan strategi, projek utama, tindakan penting atau pelaburan mesti disertakan laporan penilaian risiko dengan terperinci.
- Untuk melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko yang teguh dan mampan yang sejajar dengan visi dan misi organisasi dan selaras dengan praktis terbaik.

The Board recognises that risk is an inherent part of the organisation's business, presenting both threats and opportunities. In order to achieve corporate goals and meet shareholders' expectations, the Board would have to make decisions which will involve some degree of risk. The following risk policy provides guidance as to the Management of risks and applies across all Divisions and Subsidiary:

- To integrate risk management into the SOCSO culture, business activities and decision-making processes.
- To anticipate and respond to the changing operational, social, environmental and regulatory requirements proactively.
- To manage risks pragmatically, to an acceptable level given the circumstances of each situation.
- To require that all proposals submitted to the Board by management relating to strategy, key projects, significant action or investment must include a detailed risk assessment report.
- To implement a robust and sustainable risk management framework that is aligned with the Organisation's vision and mission and in accordance with best practices.

3. Proses Pengurusan Risiko
Risk Management Process

Rangka Kerja ERM PERKESO mempunyai proses berstruktur untuk mengenal pasti, menganalisis, menilai, merawat, berkomunikasi dan memantau risiko di Bahagian dan Syarikat Subsidiari. Risiko dikenal pasti berdasarkan matlamat dan objektif PERKESO dan dinilai berdasarkan parameter risiko. Risiko dinilai semula dan dipantau secara berterusan untuk memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk menguruskan risiko tersebut. Prosedur mengenai perubahan ketara terhadap risiko sedia ada dan risiko yang bakal muncul juga telah diwujudkan untuk tindakan pihak pengurusan.

Tahap risiko telah dikategorikan dengan jelas. Setiap risiko diukur berdasarkan tahap toleransi yang ditetapkan. Parameter risiko yang konsisten telah ditakrifkan kepada 3 peringkat. Di peringkat organisasi, profil risiko di 3 peringkat ini akan disatukan dan diagregatkan untuk memudahkan pengawasan terhadap pendedahan risiko.

SOCSO ERM Framework has a structured process for Divisions and Subsidiary to identify, analyse, evaluate, treat, communicate and monitor their risks. The risks are identified based on SOCSO's goals and objectives and assessed against its risk parameters. Risks are reassessed and monitored on an ongoing basis to ensure appropriate actions are taken to manage such risks. Risk escalation procedure on significant changes to existing risks and emerging risks has also been established to escalate the risks for Management action.

There is a clear categorisation of the risk appetite. Individual risks are measured against set tolerance levels. Consistent risk parameters have been defined on a 3-tier basis and risk profiles are consolidated and aggregated from these tiers to facilitate a consolidated view of the risk exposure at the organisation level.

4. Pengurusan Strategik, Operasi and Risiko Pelaburan
Management of Strategic, Operational and Investment Risks

PERKESO menguruskan risiko dan fokus utama akauntabiliti adalah seperti berikut:

The context within which SOCSO manages the risks and key focus of accountability is as follows:

Risiko strategik ialah risiko yang disebabkan oleh peristiwa yang berada di luar organisasi tetapi mempunyai kesan ketara ke atas keputusan atau aktiviti strategik. Oleh itu, akauntabiliti untuk menguruskan risiko strategik terletak pada Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Faedah mengurus risiko strategik dengan berkesan ialah organisasi boleh meramal dengan lebih baik dan cepat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan. Organisasi juga berkemungkinan akan kurang terjejas oleh sebarang peristiwa luaran yang memerlukan perubahan ketara.

BIL PEMBEKALAN	1840	1868	2195	2203	1599	1623	1882	1817	2137	2087	1973	1842

BILANGAN PEMBEKALAN ALAT-ALAT BANTUAN PEMULIHAN

Bekalan anggota palsu adalah menerusi panel pembekal PERKESO yang berada di seluruh Malaysia. Pecahan bilangan permohonan prostetik berdasarkan bilangan bulan adalah seperti berikut:

NUMBER OF REHABILITATION DEVICES SUPPLIES

The supply of artificial limbs is through SOCSO's panel suppliers located throughout Malaysia. The breakdown of the number of prosthetic applications by month is as follows:



	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
BIL OB	151	151	162	214	241	271	206	195	141	151	246	169

KEMUDAHAN IMPLAN

Sebagai salah satu inisiatif *Early Intervention,* PERKESO telah memperkenalkan kemudahan implan sejak tahun 2016 bagi menyingkatkan lagi tempoh pemulihan OB. Pada tahun 2021, sebanyak 9,092 permohonan implan telah diluluskan, dengan peningkatan sebanyak 2.4% dari tahun 2020. Trend juga menunjukkan bahawa pembekalan secara kecemasan adalah lebih tinggi iaitu 54% berbanding dengan pembekalan secara elektif seperti Graf 25.

IMPLANT FACILITIES

As one of the Early Intervention initiatives, SOCSO has introduced implant facilities in 2016 to further shorten the recovery period of IP. In 2021, a total of 9,092 implant applications were approved, which is an increase of 2.4% from 2020. The trend also shows that the emergency supply is higher by 54% than the elective supply in Graph 25.

GRAF 25: PEMBEKALAN IMPLAN PADA TAHUN 2016 – 2021
GRAPH 25: TOTAL SUPPLY OF IMPLANTS IN 2016 - 2021



Permohonan bagi pembekalan implan telah dilaksanakan oleh doktor-doktor di hospital kerajaan secara atas talian melalui sistem INSPIRE. Berikut merupakan taburan bagi jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh PERKESO mengikut negeri.

The application for implant supplies was carried out online by doctors at government hospitals through the INSPIRE system. The following is a breakdown of the number of applications that have been approved by SOCSO by state.

Negeri State	Jumlah Permohonan Total Application
Perlis	82
Kedah	722
Pulau Pinang	835
Perak	1,134
Lembah Klang	2,452
Negeri Sembilan	725

Negeri State	Jumlah Permohonan Total Application
Melaka	346
Johor	959
Pahang	479
Terengganu	231
Kelantan	144
Sabah & Labuan	317
Sarawak	666

KEMUDAHAN RAWATAN DIALISIS

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 2,561 permohonan kemudahan rawatan dialisis telah diterima dan diluluskan. Bilangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 13.2% berbanding tahun 2020. Pada akhir tahun 2021, bilangan terkumpul Orang Berinsurans yang masih aktif menjalani rawatan dialisis dan menerima kemudahan dialisis PERKESO adalah seramai 16,157 orang seperti di Graf 26.

DIALYSIS TREATMENT FACILITIES

Throughout 2021, a total of 2,561 applications for dialysis treatment facilities were received and approved. This figure shows an increase of 13.2% compared to 2020. At the end of 2021, the accumulated number of Insured Persons who were still actively undergoing dialysis treatment and receiving SOCSO dialysis facilities is 16,157 people in Graph 26.

GRAF 26: BILANGAN PENERIMA KEMUDAHAN DIALISIS PERKESO 2017 – 2021
GRAPH 26: NUMBER OF SOCSO DIALYSIS TREATMENT RECIPIENTS 2017 - 2021



PUSAT DIALISIS PANEL PERKESO

Sepanjang tahun 2021, PERKESO telah melantik sebanyak 47 pusat dialisis sebagai panel PERKESO yang melibatkan 45 pusat dialisis swasta dan dua (2) pusat dialisis NGO. Bilangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.15% berbanding tahun sebelumnya. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pusat dialisis panel PERKESO adalah sebanyak 624 pusat di seluruh negara seperti di Graf 27.

SOCSO PANEL DIALYSIS CENTRES

Throughout 2021, SOCSO has appointed a total of 47 dialysis centres as SOCSO panels involving 45 private dialysis centres and two (2) NGO dialysis centers. This figure shows an increase of 8.15% compared to the previous year. This makes the total number of SOCSO panel dialysis centres throughout the country to be 624 in Graph 27.

GRAF 27: BILANGAN PELANTIKAN PUSAT DIALISIS PANEL MENGIKUT NGO DAN SWASTA
GRAPH 27: THE NUMBER OF PANEL DIALYSIS CENTRES APPOINTED BY NGO AND PRIVATE



PENDERMAAN MESIN HEMODIALISIS

Pada tahun 2021, PERKESO telah meluluskan pendermaan mesin hemodialisis sebanyak 70-unit kepada 45 buah Pusat Dialisis Panel NGO PERKESO yang layak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Bilangan pendermaan mesin hemodialisis bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti di Graf 28.

HEMODIALYSIS MACHINES DONATIONS

In 2021, SOCSO has approved the donation of 70 units of hemodialysis machines to 45 qualified SOCSO NGO Panel Dialysis Centres based on the set criteria. The number of hemodialysis machine donations for the year 2017 to 2021 is as Graph 28.

GRAF 28: PENDERMAAN MESIN HEMODIALISIS 2017 – 2021
GRAPH 28: HEMODIALYSIS MACHINE DONATIONS 2017 – 2021



JEMAAH DOKTOR RAYUAN (JDR)

Dalam tahun 2021, jumlah permohonan rayuan yang diuruskan adalah sebanyak 9,265 kes berbanding 10,362 kes pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, 9,092 adalah permohonan dari Semenanjung Malaysia,173 dari Sarawak dan tiada kes dirujuk dari Sabah.

Perbezaan ketara yang berlaku di antara tahun 2021 dan 2020 adalah ekoran penularan jangkitan COVID-19 yang menyebabkan penangguhan sidang Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan. Namun demikian, bagi terus menjamin jaringan keselamatan sosial pencarum, Penilaian Perubatan Sementara dilaksanakan bagi tujuan memberi taksiran sementara untuk faedah Hilang Upaya Kekal (HUK) dan Keilatan bagi meneruskan penyampaian faedah PERKESO. Sepanjang tahun 2021, Penilaian Sementara bagi Keilatan yang diproses adalah sebanyak 2521 kes untuk Pencen Ilat. Manakala 177 kes diproses untuk Penilaian Sementara HUK seperti di Jadual 18.

APPELLATE MEDICAL BOARD (AMB)

In 2021, the number of appeal applications managed was 9,265 cases compared to 10,362 cases in 2020. Of that number, 9,092 were applications from Peninsular Malaysia, 173 from Sarawak and no cases were referred from Sabah.

The significant difference between the years 2021 and 2020 is due to the spread of the COVID-19 infection which caused the postponement of the Medical Board's and the Appellate Medical Board's sessions. However, in order to ensure the contributors' social safety net, Temporary Medical Assessments were implemented to provide temporary assessment for Permanent Disability (PD) and Invalidity benefits to continue delivering SOCSO's benefits. Throughout 2021, a total of 2521 Temporary Assessments were processed for Invalidity Pension. While 177 cases were processed for PD Temporary Assessments in Table 18.

JADUAL 18: PERMOHONAN KE JEMAAH DOKTOR RAYUAN BAGI TAHUN 2021 DAN TAHUN 2020
TABLE 18: APPLICATIONS TO THE APPELLATE MEDICAL BOARD FOR 2021 AND 2022

JENIS PERMOHONAN APPLICATION TYPE	SEMENANJUNG MALAYSIA PENINSULAR MALAYSIA		SABAH		SARAWAK		JUMLAH TOTAL	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020
HILANG UPAYA KEKAL PERMANENT DISABLEMENT	2,375	2,949	0	75	26	68	2,401	3,092
ILAT INVALIDITY	5,070	5,055	0	216	130	180	5,200	5,451
ULANGKAJI REVISION	542	601	0	6	9	21	551	628
PENYAKIT KHIDMAT OCCUPATIONAL DISEASES	1,105	1,142	0	16	8	33	1,113	1,191
JUMLAH TOTAL	**9,092**	**9,747**	**0**	**313**	**173**	**302**	**9,265**	**10,362**

JUMLAH PERSIDANGAN MENGIKUT LOKASI

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 210 persidangan telah diadakan di seluruh Malaysia. Dari jumlah tersebut 193 adalah sidang di Semenanjung Malaysia manakala 17 di Sarawak. Berikut adalah jumlah persidangan yang telah diadakan mengikut lokasi.

TOTAL SESSIONS BY LOCATION

Throughout 2021, a total of 210 sessions were held throughout Malaysia. Of that number, 193 were sessions in Peninsular Malaysia while 17 were in Sarawak. The following is the number of sessions held according to locations.

	TEMPAT PERSIDANGAN MEETING VENUE	**JUMLAH SIDANG** TOTAL NUMBER OF MEETINGS	
		2020	**2021**
1.	Kuala Lumpur	21	12
2.	Selayang	15	17
3.	Seremban	18	15
4.	Johor Bharu	22	17
5.	Ipoh	18	16
6.	Pulau Pinang	19	9
7.	Alor Setar	10	15
8.	Kuantan	9	9
9.	Kuala Terengganu	9	7
10.	Putrajaya	12	15
11.	Sungai Buloh	7	9
12.	Melaka	12	16
13.	Kota Bahru	10	9
14.	Seberang Jaya	6	4
15.	Ampang	11	16
16.	Kangar	0	7
16.	Kota Kinabalu	4	0
17.	Kuching	4	3
18.	Sibu	8	7
19.	Miri	5	7
20.	Tawau	2	0
21.	Sandakan	2	0
	JUMLAH TOTAL	**224**	**210**

PANDANGAN PERUBATAN

Unit Pandangan Perubatan menerima rujukan kes ragu daripada PPN/PPP, Bahagian Faedah, Bahagian Perundangan, Unit Anti-Fraud, Unit Jemaah Doktor Rayuan dan Skim Pekerjaan Sendiri (SPS). Dalam tahun 2021, sejumlah 1,179 kes dirujuk untuk kes ragu bencana kerja dan keilatan (kemalangan dan ilat) dengan peratusan pencapaian kes selesai sebanyak 93.6% manakala sebanyak 506 kes dirujuk untuk kes ragu penyakit khidmat dengan peratusan pencapaian kes selesai sebanyak 85.4%. Graf di bawah menunjukkan statistik bilangan kes yang dirujuk pada setiap bulan bagi tahun 2021.

Pegawai Perubatan juga terlibat secara langsung dengan Penilaian Perubatan bagi tuntutan Bencana Kerja dan Penyakit Pekerjaan di bawah Skim Pekerjaan Sendiri (SPS). Pegawai Perubatan yang dilantik menjadi Penilai Perubatan akan membuat taksiran hilang upaya Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) di Pejabat PERKESO Negeri dan Pejabat PERKESO tempatan yang berkaitan termasuk di Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2021, terdapat 111 kes telah dirujuk untuk Penilaian Perubatan.

MEDICAL OPINION

The Medical Opinion Unit receives case referrals from PPN/PPP, Benefit Division, Legal Division, Anti-Fraud Unit, Appellate Medical Board Unit and the Self-employment Scheme (SPS). In 2021, a total of 1,179 cases were referred for doubful employment injury and invalidity (accidents and invalidity) cases with a 93.6% completion achived while a total of 506 cases were referred for doubful occupational disease cases with a 85.4% completion rate achieved. The Graph below shows the number of cases referred each month and the completion rate in 2021.

The Medical Officers are also directly involved with the Medical Assessment for Employment Injury and Occupational Disease claims under the Self-Employment Scheme (SPS). Medical Officers appointed as Medical Assessors will provide the disability assessment of Insured Self-Employed Persons (OBBS) at SOCSO State and Local Offices including in Sabah and Sarawak. In 2021, there were 111 cases referred for Medical Assessment.

GRAF 29: JUMLAH KES TERIMA BENCANA KERJA

GRAPH 29: THE NUMBER OF CASES RECEIVED EMPLOYMENT INJURY



GRAF 30: JUMLAH KES TERIMA PENYAKIT KHIDMAT
GRAPH 30: TOTAL OF OCCUPATIONAL DISEASE CASES



BILANGAN KES KEMALANGAN DILAPORKAN

Sebanyak 58,153 kes kemalangan dilaporkan sepanjang tahun 2021 berbanding 68,710 pada tahun sebelumnya atau penurunan sebanyak 15.36%. Jumlah kemalangan perusahaan pada tahun 2021 adalah sebanyak 34,218 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 38,092 kes. Manakala bagi kemalangan semasa perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaan, ianya telah menurun daripada 30,618 kes pada tahun 2020 kepada 23,935 kes pada tahun 2021 seperti di Graf 31, 32 & 33.

NUMBER OF ACCIDENT REPORTED CASES

A total of 58,153 accident cases were reported in 2021 compared to 68,710 in the previous year or a reduction of 15.36%. The number of industrial accidents in 2021 is 34,218 compared to the previous year which is 38,092 cases. While for commuting accidents related to employment, reduced from 30,618 cases in 2020 to 23,935 cases in 2021 in Graph 31, 32 & 33.

Bilangan kemalangan dilaporkan (kes)

Number of accidents reported (cases)

2020	2021
68,710 kes cases	**58,153** kes cases

KEMALANGAN DILAPORKAN ACCIDENTS REPORTED	2020	2021
Kemalangan Perusahaan dilaporkan Industrial Accidents Reported	38,092	34,218
Kemalangan Semasa Perjalanan Commuting Accidents	30,618	23,935
Kes Maut Dilaporkan Fatal Cases Reported	821	842
Jumlah Bilangan Kemalangan Dilaporkan Number of Accidents Reported	**68,710**	**58,153**

GRAF 31: BILANGAN KEMALANGAN DILAPORKAN 2017-2021
GRAPH 31: NUMBER OF ACCIDENTS REPORTED 2017-2021



GRAF 32: BILANGAN KEMALANGAN PERUSAHAAN DILAPORKAN 2017-2021
GRAPH 32: NUMBER OF INDUSTRIAL ACCIDENTS REPORTED 2017-2021



GRAF 33: BILANGAN KEMALANGAN SEMASA PERJALANAN 2017-2021
GRAPH 33: NUMBER OF COMMUTING ACCIDENTS 2017-2021



AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Aktiviti penguatkuasaan merupakan di antara dua fungsi utama PERKESO selain daripada pembayaran faedah. Aktiviti ini memastikan kemampanan Dana Keselamatan Sosial dalam jangka masa panjang. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti pemeriksaan, pengkompaunan, pendakwaan dan Debt Recovery iaitu mengutip atau mendapatkan balik bayaran pinjaman pendidikan yang telah diberikan kepada anak-anak penerima pencen PERKESO.

Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan Kedua (PKP 2.0) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Kedua (PKPB 2.0) dilaksanakan dalam awal tempoh lima (5) bulan pertama tahun 2021, aktiviti penguatkuasaan masih dilaksanakan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Tahun 2021 mencatatkan bilangan kes kompaun adalah sebanyak 97 kes dengan nilai kes berjumlah RM0.10 juta berbanding tahun 2020 jumlah kes kompaun adalah sebanyak 333 kes dengan nilai kes sebanyak RM2.0 juta.

Manakala kes pendakwaan pada tahun 2021 adalah sebanyak 2,287 kes dengan peratus peningkatan sebanyak 9.27% berbanding 2,094 kes pada tahun 2020.

ENFORCEMENT ACTIVITIES

Enforcement activities are among SOCSO's two main functions apart from benefit payments. These activities ensure the sustainability of the Social Security Fund in the long term. Among the activities carried out are inspection, compounding, prosecution, and debt recovery which is collecting or retrieving education loan payments that have been given to the dependent child of SOCSO pension recipients.

Although the Second Movement Control Order (MCO 2.0) and the Second Conditional Movement Control Order (CMCO 2.0) were implemented in the first five (5) months of 2021, the enforcement activities continued to be carried out under the conditions set by the Government. The year 2021 recorded 97 compound cases with a value of RM0.10 million compared to 333 compound cases valued at RM2.0 million in 2020.

Meanwhile, the number of prosecution cases in 2021 reached 2,287 cases with a percentage increase of 9.27% compared to 2,094 cases in 2020.

KEMPEN *PROUD TO REGISTER*

Kempen *Proud To Register* dilaksanakan sempena Majlis Pelancaran Soft Launch Sambutan Jubli Emas PERKESO 50 Tahun pada 1 Mac 2021. Objektif utama kempen ini adalah untuk menunjukkan keprihatinan PERKESO terhadap kepentingan mendaftar dan mencarum dengan PERKESO. Ia bertujuan untuk melindungi pekerja sekiranya berlaku kemalangan atau kejadian luar jangka di bawah skim bencana kerja dan skim keilatan di bawah Akta 4 serta perlindungan daripada pemberhentian pekerjaan di bawah Akta 800.

PROUD TO REGISTER CAMPAIGN

This initiative was implemented in conjunction with SOCSO's 50th Golden Jubilee Soft Launch on 1st March 2021. The main objective of this campaign is to illustrate SOCSO's 'keprihatinan' regarding the importance of registering and contributing to SOCSO. It aims to protect workers in the event of an accident or unforeseen event under the work disaster scheme and disability scheme under Act 4 as well as protection from employment termination under Act 800.

Selain itu kempen ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran majikan agar secara sukarela membuat pendaftaran secara atas talian dan mencarum dengan PERKESO bagi melindungi pekerja yang digajikan. Kempen ini juga mensasarkan kepada majikan yang telah berdaftar tetapi belum pernah membayar caruman dengan PERKESO.

In addition, this campaign also aims to increase the awareness for any employer who voluntarily registers online in the ASSIST Portal and to contribute to SOCSO with the aim to protect employed workers. This campaign also targets employers who have registered but have never paid contributions with SOCSO.

CATCH AND PAY

Inisiatif Catch & Pay merupakan tindakan penguatkuasaan secara soft approach dalam mengenalpasti majikan yang mempunyai tunggakan caruman dan memastikan majikan mematuhi Akta serta Peraturan dalam melindungi hak kebajikan pekerjanya walaupun dalam situasi negara dilanda Pandemik COVID-19.

Dalam situasi Pandemik COVID-19, majoriti urusan adalah secara atas talian seperti penggunaan e-mel, mesyuarat iaitu dalam konteks berkaitan perkhidmatan yang disediakan. Walaupun aktiviti berkaitan penguatkuasaan adalah sinonim dengan pemeriksaan yang melibatkan perjumpaan secara fizikal namun dalam situasi pandemik ianya telah ditambahbaik selaras dengan keperluan dan kehendak semasa. Inisiatif Catch & Pay ini menggunakan platform pemakluman kepada majikan dengan menggunakan e-mel sebagai notis peringatan kepada majikan yang mempunyai tunggakan caruman di bawah Akta 4 dan Akta 800.

CATCH AND PAY

The Catch & Pay initiative is one of the soft approach enforcement actions to identify employers who have arrears in contributions and to ensure that employers comply with Acts and Regulations in protecting the welfare rights of their employees even in a situation where the country is hit by the COVID-19 Pandemic.

During the COVID-19 Pandemic, most businesses are performed via online methods such as the use of e-mail, and meetings which are in the context of services provided. Although enforcement-related activities are synonymous with inspections involving physical meetings, but in a pandemic situation it has been improved in line with the current needs. This Catch & Pay initiative uses a notification platform for employers by using email as a notice reminder to employers who have arrears of contributions under Act 4 and Act 800.

ULASAN PRESTASI PELABURAN
INVESTMENT PERFORMANCE REVIEW

Ekonomi global dijangka mengalami pemulihan apabila dunia beralih ke fasa endemik COVID-19. Bank Dunia telah menganggarkan pertumbuhan global sebanyak 5.50% pada tahun 2021 daripada -3.40% pada tahun 2020 dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia untuk tahun 2021 pada 3.10% daripada -5.60% pada tahun 2020. Perdagangan antarabangsa telah meningkat dengan harga komoditi yang tinggi memanfaatkan kebanyakan negara sedang membangun termasuk Malaysia. KDNK Malaysia dijangka berkembang di antara 5.30% hingga 6.30% pada tahun 2022.

As the world enters into the COVID-19 endemic stage, global economies are expected to rebound. The World Bank has estimated a 5.50% global growth in 2021 from -3.40% in 2020 with Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) for 2021 at 3.10% from -5.60% in 2020. International trade has picked up with high commodity prices benefiting many developing countries including Malaysia. Malaysia's GDP is expected to grow between 5.30% to 6.30% in 2022.

> Pendapatan pelaburan kasar PERKESO sebelum rosot nilai meningkat pada tahun **2021** kepada **RM1,458.74 juta** berbanding **RM1,333.37 juta** pada tahun **2020,** yang disumbangkan oleh pengurusan portfolio yang aktif.

> SOCSO's gross investment income before impairment grew positively in **2021** at **RM1,458.74** million compared to **RM1,333.37 million** in **2020**, contributed by active portfolio management.

Namun begitu, pendapatan pelaburan PERKESO selepas rosot nilai menurun sebanyak 3.84% pada tahun 2021 kepada RM1,095.80 juta daripada RM1,139.57 juta pada tahun 2020 disebabkan keadaan pasaran kewangan yang kurang memberangsangkan.

Nevertheless, SOCSO's investment income after impairment has decreased by 3.84% in 2021 to RM1,095.80 million from RM1,139.57 million in 2020 due to unfavourable financial market conditions.

Meskipun menghadapi situasi pasaran global yang lebih mencabar dan ketidakstabilan geo-politik pada tahun 2022, PERKESO akan terus memperkukuhkan aktiviti-aktiviti pelaburan untuk menjana pulangan jangka panjang yang mampan, pemeliharaan modal, strategi pelaburan yang dinamik, penambahbaikan modal insan dan sistem pelaburan.

Despite a more challenging global market situation and geo-political instability in 2022, SOCSO will continue to strengthen its investment activities to deliver long-term sustainable returns, capital preservation, dynamic investment strategy, enhancement in human capital and investment system.

PERTUMBUHAN EKONOMI GLOBAL
GLOBAL ECONOMIC GROWTH

2021 **5.50%**

2020 **-3.40%**

KDNK MALAYSIA
MALAYSIA'S GDP

2021 **3.10%**

2020 **-5.60%**

ULASAN PRESTASI PELABURAN 2021

DANA PELABURAN PERKESO

Jumlah dana pelaburan PERKESO meningkat sebanyak RM510.08 juta atau 1.66% kepada RM31,245.81 juta pada tahun 2021 daripada RM30,735.73 juta pada tahun 2020. Pertumbuhan dana pelaburan tersebut adalah disumbangkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan, pertumbuhan dana Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan peningkatan nilai portfolio Pengurus Dana Luar (EFM). Graf 34 menunjukkan pertumbuhan dana pelaburan PERKESO daripada tahun 2017 hingga 2021.

INVESTMENT PERFORMANCE REVIEW 2021

SOCSO'S ASSETS UNDER MANAGEMENT

Total assets under management (AUM) for SOCSO increased by RM510.08 million or 1.66% to RM31,245.81 million in 2021 from RM30,735.73 million in 2020. The growth in AUM was mainly attributed to investment income, growth in Employment Insurance System (EIS) fund and increase in External Fund Managers (EFMs) portfolio value. Graph 34 shows the growth of SOCSO's total AUM from 2017 to 2021.

JUMLAH DANA PELABURAN
TOTAL ASSETS UNDER MANAGEMENT

MENINGKAT SEBANYAK
INCREASED BY

1.66%

2021
RM31,245.81
JUTA / MILLION

2020
RM30,735.73
JUTA / MILLION

GRAF 34: JUMLAH DANA PELABURAN PERKESO (2017 - 2021)
GRAPH 34: SOCSO'S TOTAL ASSETS UNDER MANAGEMENT (2017 - 2021)



CARTA 4: JUMLAH DANA PELABURAN - ALOKASI DANA
CHART 4: TOTAL ASSETS UNDER MANAGEMENT - FUND ALLOCATION



Alokasi kelas aset pelaburan pada penghujung tahun 2021 adalah ditunjukkan di Carta 4.

Investment asset class allocation as at end of 2021 is shown in Chart 4.

PENDAPATAN PELABURAN KASAR
GROSS INVESTMENT INCOME

MENINGKAT SEBANYAK
INCREASED BY

9.40%

2021
RM1,458.74
JUTA / MILLION

2020
RM1,333.37
JUTA / MILLION

PULANGAN PELABURAN PERKESO

Strategi taktikal yang dilaksanakan untuk semua kelas aset pada tahun 2021 sebagai tindakbalas kepada keadaan pasaran yang tidak memberangsangkan disebabkan oleh pandemik COVID-19 telah berjaya mencapai sasaran pulangan.

Pendapatan kasar yang dijana daripada aktiviti-aktiviti pelaburan untuk Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) meningkat sebanyak RM144.50 juta atau 11.23% kepada RM1,431.72 juta pada tahun 2021 daripada RM1,287.22 juta pada tahun 2020.

Pada tahun 2021, PERKESO menjana sebanyak RM27.02 juta daripada aktiviti-aktiviti pasaran wang untuk dana Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan dana Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

SOCSO'S INVESTMENT RETURNS

The tactical strategy for all asset classes implemented in 2021 as a response to the unfavourable market conditions due to the COVID-19 pandemic managed to achieve the targeted returns.

Gross income generated from investment activities for Employees' Social Security Act 1969 (Act 4) increased by RM144.50 million or 11.23% to RM1,431.72 million in 2021 from RM1,287.22 million in 2020.

In 2021, SOCSO has earned RM27.02 million from money market activities for Self-Employment Social Security Act 2017 (Act 789) and for the Employment Insurance System Act 2017 (Act 800) fund.

ULASAN PASARAN

Ekonomi Global

Selepas melalui tahun yang mencabar pada tahun 2020, tahun 2021 dijangka lebih baik, selepas pelancaran vaksinasi di seluruh dunia yang telah memberikan kelegaan di tengah-tengah peningkatan kes-kes COVID-19.

Bergerak ke hadapan ke tahun 2022, pemulihan ekonomi global dijangka lebih sederhana, mengambil kira kesan pembukaan sempadan dan pelonggaran sekatan pergerakan.

Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), ekonomi global diunjurkan berkembang sebanyak 3.20% dan 2.70% masing-masing pada tahun 2022 dan 2023.

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan ekonomi Malaysia, seperti yang diukur oleh KDNK, meningkat sebanyak 3.10% pada tahun 2021 berbanding penurunan sebanyak 5.60% pada tahun 2020, yang menunjukkan tanda-tanda momentum pemulihan. Ini kesan daripada pembatalan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan sepanjang tahun 2021.

Sebagai langkah untuk menyokong ekonomi, kerajaan telah melancarkan empat (4) pakej rangsangan ekonomi komprehensif (PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH) di antara bulan Januari 2021 hingga Jun 2021, yang berjumlah RM225.00 bilion atau kira-kira 15.00% daripada KDNK.

Bagi tahun 2022, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berada dalam lingkungan 5.30% hingga 6.30%. Pertumbuhan KDNK Malaysia akan didorong terutamanya oleh polisi fiskal kerajaan untuk menggalakkan permintaan dalam dan luar negara.

MARKET REVIEW

Global Economy

After a challenging year in 2020, the year 2021 was expected to be better for many. The vaccination rollout globally provided a breather amidst increasing COVID-19 cases.

Moving forward to 2022, global economic recovery is expected to moderate further, considering the effects of borders reopening and easing of mobility restrictions.

According to the International Monetary Fund (IMF), global economy is projected to grow 3.20% and 2.70% in 2022 and 2023 respectively.

Malaysia Economy

Malaysia's economic growth, as measured by GDP, grew 3.10% in 2021 as compared to a decline by 5.60% in 2020, showing signs of recovery momentum. This is on the back of the upliftment of Movement Control Order (MCO) measures and various economic stimulus announced by the government throughout 2021.

As measures to support the economy, the government has rolled out four (4) comprehensive economic stimulus packages (PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ and PEMULIH) between January 2021 to June 2021, totalling RM225.00 billion or approximately 15.00% of GDP.

For the year 2022, Malaysia's economic growth is expected to be in the range of 5.30% to 6.30%. Malaysia's GDP growth will be primarily propelled by government's fiscal policy to encourage domestic and external demands.

PERTUMBUHAN EKONOMI GLOBAL
GLOBAL ECONOMIC GROWTH

2022
3.20%

2023
2.70%

PAKEJ RANSANGAN EKONOMI MALAYSIA
MALAYSIA'S ECONOMIC STIMULUS PACKAGES

- **PERMAI**
- **PEMERKASA**
- **PEMERKASA+**
- **PEMULIH**

RM225.00
Bilion / Billion

Pasaran Ekuiti

FBM KLCI mengakhiri tahun 2021 lebih rendah sebanyak 3.67% kepada 1,567.53 mata. Prestasi hambar tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh halangan dalam pemulihan ekonomi kerana penutupan yang berpanjangan berikutan peningkatan kes-kes COVID-19. Di samping itu, FBM KLCI terjejas antaranya disebabkan oleh prestasi lemah sektor penjagaan kesihatan, tenaga dan pembinaan.

Bagi tahun 2021, nilai purata urusniaga harian Bursa Malaysia menurun sebanyak 15.80% kepada RM3.54 bilion, manakala jumlah purata urusniaga harian menurun sebanyak 23.69% kepada 5.7 juta unit disebabkan oleh kebimbangan terhadap keuntungan korporat dan prospek ekonomi. Bagi tahun 2021, sektor teknologi (+38.57%), pengangkutan (+8.26%) dan kewangan (+1.63%) adalah sektor-sektor berprestasi terbaik pada tahun 2021, manakala penjagaan kesihatan (-34.59%), tenaga (-21.48%), dan pembinaan (-17.57%) adalah antara sektor-sektor yang ketinggalan.

Prestasi indeks sektor Bursa Malaysia untuk tahun 2021 ditunjukkan seperti di bawah:

Equity Market

FBM KLCI ended 2021 3.67% lower to 1,567.53 points. The lacklustre performance was largely due to the setback in economic recovery because of the prolonged lockdowns on the back of rising COVID-19 cases. In addition, the FBM KLCI was impacted among others by the underperformance of healthcare, energy and construction sectors.

For the full year 2021, Bursa Malaysia's average daily trading value decreased by 15.80% to RM3.54 billion, while average daily traded volume declined by 23.69% to 5.7 million units attributed to concerns over corporate profitability and outlook of the economy. For the year 2021, technology (+38.57%), transport (+8.26%), and finance (+1.63%) were the best performing sectors in 2021, while healthcare (-34.59%), energy (-21.48%), and construction (-17.57%) were among the laggards.

Performance of Bursa Malaysia sectoral indices for 2021 are depicted below:

Indeks Teknologi / Technology Index	+38.57%	Indeks Amanah Pelaburan Hartanah / REIT Index	-5.04%
Indeks Pengangkutan / Transport Index	+8.26%	Indeks Perladangan / Plantation Index	-10.28%
Indeks Kewangan / Finance Index	+1.63%	Indeks Utiliti / Utility Index	-11.60%
Indeks Telekomunikasi / Telecommunication Index	-2.52%	Indeks Pembinaan / Construction Index	-17.57%
Indeks Hartanah / Property Index	-4.22%	Indeks Tenaga / Energy Index	-21.48%
Indeks Produk Pengguna / Consumer Product Index	-4.53%	Indeks Penjagaan Kesihatan / Healthcare Index	-34.59%

Pasaran Bon

Pada tahun 2021, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75% untuk merangsang dan memastikan pemulihan ekonomi. Langkah-langkah fiskal dan kewangan akan terus menyediakan sokongan kepada aktiviti ekonomi.

Kesanggupan pelabur mengambil risiko meningkat di peringkat awal pemulihan ekonomi yang mana mengurangkan permintaan untuk instrumen pendapatan tetap.

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) ditutup lebih tinggi pada tahun 2021. Kadar hasil SKM 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun, 20 tahun dan 30 tahun ditutup pada 2.80%, 3.15%, 3.58%, 4.11% dan 4.22% selepas meningkat sebanyak 92 mata asas, 103 mata asas, 93 mata asas, 70 mata asas dan 35 mata asas dalam tempoh tersebut. Kadar hasil kredit korporat meningkat dengan kuantum yang sama menjejaki pergerakan SKM.

AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN DALAMAN

Ekuiti

Bagi portfolio ekuiti dalaman, PERKESO meneruskan usaha untuk mencapai alokasi yang seimbang di antara sektor defensif, nilai dan pertumbuhan sambil memberi perhatian kepada risiko penanda aras melalui strategi alokasi sektor dan pemilihan saham. Proses pemilihan saham akan terus ditambahbaik melalui asas penyelidikan ekuiti dari bawah ke atas yang menumpukan kepada syarikat-syarikat berkualiti dengan prospek pertumbuhan yang baik, penyata imbangan yang kukuh dan pengurusan berkualiti dengan pertimbangan tambahan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Pelaburan dalam ekuiti domestik untuk portfolio ekuiti dalaman PERKESO adalah berjumlah RM3,373.82 juta, yang mewakili 11.66% daripada jumlah dana Akta 4 pada akhir tahun 2021. Pelaburan dalam ekuiti domestik meningkat sebanyak 4.46% atau RM144.18 juta yang menjana pendapatan kasar sebanyak RM275.83 juta.

Bond Market

In 2021, Bank Negara Malaysia (BNM) kept Overnight Policy Rate (OPR) unchanged at 1.75% to accommodate and ensure economic recovery. Fiscal and financial measures will continue to provide support to economic activity.

Investors' risk appetite has increased following the early stage of economic recovery which has reduced the demand for fixed income instrument.

The Malaysian Government Securities (MGS) yield closed higher in 2021. The 3-year, 5-year, 10-year, 20-year and 30-year MGS yields closed at 2.80%, 3.15%, 3.58%, 4.11% and 4.22% after rising 92 basis points (bps), 103bps, 93bps, 70bps and 35bps during the period. Corporate credit yields widened by similar quantum tracking MGS movements.

IN-HOUSE INVESTMENT ACTIVITIES

Equity

For the internal equity portfolio, SOCSO continues to strive to achieve a balanced allocation between defensive, value and growth sectors while paying attention to benchmark risks through sector allocation strategies and stock selection. The stock selection process will continue to be refined through a bottom-up equity research base that focuses on quality companies with good growth prospects, strong balance sheets and quality management with additional consideration for companies with Environmental, Social and Governance practices (ESG).

Investment in domestic equity for SOCSO's internal equity portfolio amounted to RM3,373.82 million, which represents 11.66% of total Act 4 fund as at end of 2021. Investment in domestic equity increased by 4.46% or RM144.18 million which generated gross income of RM275.83 million.

33.49% daripada portfolio ekuiti dalaman PERKESO telah dilaburkan dalam sektor perkhidmatan kewangan, diikuti 13.26% dalam sektor produk pengguna dan perkhidmatan dan 10.06% dalam sektor utiliti. Sektor-sektor penting lain adalah termasuk telekomunikasi dan media (7.23%), perladangan (5.61%), penjagaan kesihatan (5.31%), pengangkutan dan logistik (4.84%), Amanah Pelaburan Hartanah (4.82%) dan tenaga (2.80%). Bakinya sebanyak 12.58% telah dilaburkan dalam sektor-sektor lain seperti pembinaan, teknologi, produk perindustrian dan perkhidmatan, dan hartanah.

PERKESO adalah komited melalui penglibatan berterusan dengan syarikat-syarikat yang dilaburkan dengan melaksanakan hak mengundi, penyertaan dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa. Sepanjang tahun 2021, PERKESO telah menghadiri pelbagai perjumpaan dan taklimat dengan pihak pengurusan syarikat-syarikat yang dilaburkan.

33.49% of SOCSO's internal equity portfolio was invested in financial services sector, followed by 13.26% in consumer products and services sector and 10.06% in utility sector. Other significant sectors include telecommunications and media (7.23%), plantation (5.61%), healthcare (5.31%), transportation and logistic (4.84%), REIT (4.82%) and energy (2.80%). The remaining 12.58% was invested in other sectors such as construction, technology, industrial product and services, and property.

SOCSO is committed towards continuous engagement with its investee companies by exercising its voting rights, participation in Annual General Meeting (AGM) and Extraordinary General Meeting (EGM). Throughout the year, SOCSO attended various meetings and briefings with the management of its investee companies.

CARTA 5: PELABURAN EKUITI DALAMAN MENGIKUT SEKTOR 2021
CHART 5: INTERNAL EQUITY INVESTMENT BY SECTOR 2021



Jumlah Pelaburan Ekuiti Domestik Dalaman
Total Internal Domestic Equity Investment

RM3,373.82 JUTA / MILLION

Pendapatan Tetap

Alokasi Aset Strategik (SAA) PERKESO menekankan pemilihan aset-aset pelaburan untuk memadankan dengan liabiliti dari segi sifat, tempoh matang dan mata wang. Bagi tahun 2021, pelaburan PERKESO dalam instrumen pendapatan tetap ditumpukan untuk mengurangkan risiko portfolio selepas mengambil kira risiko dan pulangan bagi setiap pelaburan.

Portfolio pendapatan tetap dalaman terdiri daripada sekuriti kerajaan, pinjaman dijamin kerajaan dan bon korporat / sukuk dengan nilai sebanyak RM16,891.73 juta sehingga 31 Disember 2021. Pelaburan ini menjana jumlah pendapatan kasar sebanyak RM765.37 juta pada tahun 2021.

Sekuriti kerajaan terus mendominasi portfolio dengan nilai pasaran sebanyak RM13,777.43 juta sehingga 31 Disember 2021 (2020: RM14,372.93 juta). Pelaburan dalam sekuriti kerajaan menjana pendapatan kasar sebanyak RM626.21 juta pada tahun 2021 (2020: RM730.16 juta).

Pelaburan PERKESO dalam bon konvensional dan sukuk adalah sebanyak RM3,114.30 juta sehingga 31 Disember 2021 (2020: RM3,263.14 juta) dengan pendapatan kasar sebanyak RM139.16 juta pada tahun 2021 (2020: RM131.36 juta).

Pelaburan dalam bon korporat dan sukuk adalah berpandukan kepada Dasar dan Garis Panduan Pelaburan PERKESO dengan penarafan kredit minimum adalah AA3 atau AA-. Pendedahan mengikut sektor adalah seperti berikut:

Fixed Income

The Strategic Asset Allocation (SAA) of SOCSO emphasises on selecting investment assets to match the liabilities in terms of nature, duration and currency. For 2021, SOCSO's investment in fixed income instrument was focused on reducing portfolio risk after taking into consideration the risk and return for each investment.

The internal fixed income portfolio comprises government securities, government guaranteed loans and corporate bonds / sukuk with value of RM16,891.73 million as at 31 December 2021. This investment generated total gross income of RM765.37 million in 2021.

Government securities continued to dominate the portfolio with market value of RM13,777.43 million as of 31 December 2021 (2020: RM14,372.93 million). Investment in government securities generated gross income of RM626.21 million in 2021 (2020: RM730.16 million).

SOCSO's investment in conventional bonds and sukuk (islamic bonds) stood at RM3,114.30 million as of 31 December 2021 (2020: RM3,263.14 million) with gross income of RM139.16 million in 2021 (2020: RM131.36 million).

Investment in corporate bonds and sukuk are guided by SOCSO's Investment Policy and Guidelines with minimum credit rating of AA3 or AA-. The sectors exposure are as follows:

Tenaga / Power
28.59%

Perbankan / Banking
25.34%

Infrastruktur Air / Water Infrastructure
10.65%

Lebuhraya / Toll Road
7.14%

Telekomunikasi / Telecommunication
4.99%

Perladangan / Plantation
4.84%

Lain-Lain / Others
18.45%

Pada tahun 2022, PERKESO akan mengutamakan pelaburan dalam sekuriti kerajaan dan kredit korporat dengan asas yang kukuh dan profil kecairan yang tinggi. Pelaburan dalam instrumen-instrumen pendapatan tetap akan dilaksanakan selepas memilih instrumen-instrumen yang berkualiti tinggi dan meneliti pelbagai faktor seperti pulangan, kecairan pasaran dan profil kematangan untuk memastikan sejajar dengan toleransi risiko PERKESO.

In 2022, SOCSO will prioritise investment in government securities and corporate credits with strong fundamental and high liquidity profile. Investment in fixed income instruments will be carried out after selecting high quality instruments and examining various factors such as return, market liquidity and maturity profile to ensure alignment with SOCSO's risk tolerance.

Pasaran Wang

Penempatan deposit pasaran wang PERKESO dikategorikan kepada deposit jangka pendek dan simpanan tetap dengan tempoh matang di antara semalaman hingga 12 bulan.

Pelaburan pasaran wang untuk Akta 4 telah menyumbang pendapatan sebanyak RM66.43 juta. Dana Akta 789 dan Akta 800 telah menyumbang pendapatan masing-masing sebanyak RM2.30 juta dan RM24.72 juta.

Money Market

SOCSO money market deposit placements are categorise into short term deposit and fixed deposit ranging from overnight to 12 months.

Money market investment under Act 4 contributed an income of RM66.43 million. Funds under Act 789 and Act 800 respectively contributed an income of RM2.30 million and RM24.72 million respectively.

Mandat Pelaburan Luar

Sehingga akhir bulan Disember 2021, PERKESO telah membuat penyumberan luar sebanyak 14.97% daripada dana Akta 4 kepada EFM untuk kedua-dua mandat domestik dan asing sebagai sebahagian daripada strategi mempelbagaikan pelaburan. Dana pelaburan kepada EFM domestik adalah sebanyak RM2,118.77 juta manakala RM2,208.58 juta telah diuruskan oleh EFM asing.

Pada tahun 2021, EFM menjana pendapatan kasar sebanyak RM289.25 juta atau 20.20% daripada pendapatan pelaburan untuk dana Akta 4. Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan, PERKESO mengadakan mesyuarat penilaian prestasi secara atas talian setiap suku tahun dengan EFM.

External Investment Mandate

As at end of December 2021, SOCSO outsourced 14.97% from Act 4 fund to EFMs for both domestic and foreign mandates as part of its diversification strategy. The AUM for domestic EFMs was RM2,118.77 million while RM2,208.58 million were managed by foreign EFMs.

In 2021, EFMs achieved gross income of RM289.25 million or 20.20% of investment income for Act 4 fund. As part of the performance monitoring process, SOCSO held online performance evaluation meetings every quarter with the EFMs.

Hartanah

Sentimen pasaran hartanah keseluruhan telah bertambah baik pada tahun 2021. Transaksi pasaran hartanah menyaksikan pemulihan pada separuh pertama tahun 2021 dengan 139,754 unit transaksi bernilai RM62.01 bilion, meningkat sebanyak 21.00% dalam jumlah dan 32.10% dalam nilai berbanding separuh pertama tahun 2020.

Property

The overall property market sentiment has improved in 2021. The property market transaction witnessed a rebound in first half of 2021 with 139,754 unit transactions worth RM62.01 billion, an increase of 21.00% in volume and 32.10% in value compared to first half of 2020.

Bagi sektor komersil, Lembah Klang dijangka mengalami penambahan sebanyak 5.2 juta kaki persegi ruang pejabat pada tahun 2022 termasuk menara ikonik Merdeka 118 baharu. Pasaran hartanah yang diterajui penyewa menghadapi tekanan berterusan dalam penghunian dan kadar sewa efektif sepanjang tahun 2021. Pengoptimuman kos, inisiatif-inisiatif penambahbaikan aset dan pakej-pakej sewaan yang menarik adalah strategi yang digunapakai oleh kebanyakan pemilik hartanah.

For the commercial sector, Klang Valley is expecting another 5.2 million square feet of office space in 2022 including the iconic new Merdeka 118 tower. The tenant-led market faced continuous pressure in its occupancy and effective rental rates throughout 2021. Cost optimisation, asset enhancement initiatives and attractive leasing packages are strategies adopted by most landlords.

Pendapatan sewaan PERKESO pada tahun 2021 telah meningkat disebabkan oleh program pengekalan penyewa serta usaha-usaha untuk menarik penyewa-penyewa baharu yang menyebabkan Menara NU 2 mencapai tahap penghunian 100% pada akhir tahun 2021.

SOCSO's rental income in 2021 has improved due to tenant retention programme as well as efforts to attract new tenants resulting in its NU Tower 2 achieving 100% occupancy level by the end of 2021.

Ekuiti Swasta

Private Equity

Pada tahun 2021, jumlah nilai urusniaga ekuiti swasta global mencecah AS$1,121.00 bilion, meningkat sebanyak 94% daripada tahun 2020. Jumlah nilai penjualan ekuiti swasta juga menunjukkan pertumbuhan yang luar biasa, mencecah AS$957.00 bilion, meningkat sebanyak 108% daripada tahun 2020.

In 2021, total global private equity deal value reached AS$1,121.00, 94% increased from 2020. Also, total private equity exit value showed extraordinary growth, reaching AS$957.00 billion, a 108% rise from 2020.

Aktiviti pelaburan dijangka kekal kukuh dan pelabur-pelabur masih berminat untuk melaburkan modal. Sebahagiannya disebabkan pelabur-pelabur mengimbangi semula portfolio dengan memperuntukkan lebih banyak modal untuk dilaburkan semula pada tahun 2022.

Investment activity is expected to remain robust and investors will be keen to deploy capital. Part of this is due to investors rebalancing their portfolios by freeing up more capital to reinvest in 2022.

Sehingga 31 Disember 2021, pelaburan ekuiti swasta PERKESO telah menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar sebanyak 4.30%, lebih rendah daripada tahun lepas (2020: 4.39%) yang umumnya disebabkan oleh kesan negatif pandemik COVID-19.

As of 31st December 2021, SOCSO's private equity investment has generated an gross Internal Rate of Return (IRR) of 4.30%, lower than last year (2020: 4.39%) which was generally due to the negative impact of the COVID-19 pandemic.

Antara pelaburan alternatif terbaik adalah pelaburan yang dibuat semasa kemelesetan ekonomi. Hasilnya, dana *vintage* 2019 - 2022 berpotensi muncul sebagai dana ekuiti berprestasi terbaik dan dana akan terus disuntik ke strategi modal swasta yang diuruskan oleh pengurus-pengurus dana yang berpengalaman.

Some of the right investments in alternatives will be those made during the economic downturn. As a result, 2019 - 2022 vintage funds are likely to stand out as top performers and funds will keep flowing to private capital strategies with experienced fund managers.

PERKESO merancang untuk memanfaatkan kitaran ekonomi yang memberangsangkan tersebut dan mengembangkan portfolio ekuiti swasta pada tahun 2022.

SOCSO plans to ride on this favourable economic cycle and expand its private equity portfolio in 2022.

PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO

SOCSO STRATEGIC AND PERFORMANCE MANAGEMENT

"Pembangunan Pelan Strategik & Transformasi PERKESO (PSTP) 2021-2022 yang bertemakan "Keprihatinan Melestari Kesejahteraan Bersama", dibangunkan **secara khusus** dan **rapi** sebagai fasa awal strategi PERKESO dan negara dalam menghadapi dan menangani sebahagian daripada cabaran-cabaran dan impak pandemik COVID-19 terhadap aspek ekonomi, sosial, teknologi, persekitaran dan juga perundangan".

Semua mengetahui pada tahun 2020, bermulanya suatu episod di mana seluruh dunia menghadapi cabaran getir pandemik COVID-19 yang memberi kesan besar terhadap ekonomi negara Malaysia termasuk penurunan nilai ringgit Malaysia serta penurunan keluaran dalam negara kasar (KDNK). Pandemik ini juga memberi kesan kepada beberapa sektor utama termasuk sektor peruncitan, perhotelan, pelancongan, pengangkutan dan sebagainya yang mana berlakunya penutupan perusahaan di pelbagai sektor, pengurangan/pembuangan pekerja, kekurangan barangan & perkhidmatan serta amalan norma baharu seperti penjarakan sosial dan pematuhan kepada standard operating procedure (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara Malaysia. Pandemik ini turut melakar perubahan budaya kerja rakyat Malaysia dengan pengenalan budaya bekerja di rumah dengan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan yang turut melihat keperluan terhadap sokongan dan kecekapan sistem ICT secara khususnya.

"The development of SOCSO's Strategic & Transformation Plan (PSTP) 2021-2022 with the theme "Keprihatinan Melestari Kesejahteraan Bersama", developed **specifically** and **meticulously** as SOCSO's and the country's initial strategic phase in dealing with challenges and impacts of the COVID-19 pandemic on the economic, social, technological, environment and legal aspects".

It is widely known that 2020 was the beginning of an episode where the entire world faced the great challenge of COVID-19 pandemic which had a major impact on the Malaysian economy including the depreciation of the Malaysian ringgit as well as the fall in Gross Domestic Product (GDP). This pandemic also affected several key sectors including retail, hospitality, tourism, and transportation sectors where businesses in various industries ceased operations, reduction/dismissal of employees, shortage of goods & services as well as new norm practices such as social distancing and compliance to standard operating procedures (SOP) issued by Malaysian National Security Council. The pandemic has changed the Malaysian work culture by introducing working from home with the implementation of the movement control orders, emphasizing the need for support and efficiency of the ICT system.

Justeru itu, dalam mendepani impak situasi ini, Kerajaan Malaysia telah merangka pelbagai inisiatif dan program berterusan bagi membantu meringankan beban rakyat khususnya yang terkesan akibat pandemik ini. PERKESO sebagai salah sebuah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia, menggalas tanggungjawab sosial ini demi merealisasi hasrat dan keprihatinan Kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat. Maka dengan itu, aspirasi Kerajaan ini telah menjadi inskripsi dalam intipati utama pengurusan strategik dan ekspektasi keberhasilan yang diharapkan dalam Pelan Strategik & Transformasi PERKESO (PSTP) 2021-2022 (Fasa I) bagi tempoh dua tahun sebagai kesiapsiagaan PERKESO dalam menghadapi serta menangani impak wabak ini.

Therefore, in dealing with the impact of this situation, the Malaysian Government has developed several initiatives and continuous programs to help ease the burden of the people, especially those affected by this pandemic. SOCSO as one of the Government agencies under the Ministry of Human Resources, has this social obligation to meet the Government's intention and concern for the wellbeing of the people. As a result, the Government's aspiration has been incorporated into the SOCSO Strategic & Transformation Plan (PSTP) 2021-2022 (Phase I) for a period of two years as PERKESO's preparedness in confronting and addressing the impact of this epidemic.

Pelan Strategik & Transformasi PERKESO (PSTP) 2021-2022 yang berpaksikan agenda negara ke arah kesejahteraan rakyat ini selaras dengan Visi bersama PERKESO sebagai “Peneraju Keselamatan Sosial yang Unggul, Komprehensif dan Dinamik”. Semangat jitu anggota PERKESO selaku pengamal keselamatan sosial dengan amalan nilai-nilai murni dan S4P, sedia memberikan perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan dengan moto organisasi iaitu “PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO”.

SOCSO's Strategic & Transformation Plan (PSTP) 2021-2022 centered on the national agenda towards the well-being of the people is in line with SOCSO's joint Vision as "Premier, Dynamic and Outstanding Leader in Social Security". The key spirit of SOCSO members as practitioners of social security who uphold good values and S4P, ready to go above and beyond in providing services to its customers, is embodied in the organizational motto "PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO".



Diagram 1: Balanced Scorecard Pillars SOCSO

PETA STRATEGI KORPORAT PERKESO 2021
SOCSO CORPORATE STRATEGY MAP 2021



Diagram 2: Peta Strategi Korporat PERKESO 2021
Diagram 2 : SOCSO Corporate Strategy Map 2021

Perancangan pengurusan strategik & prestasi organisasi PERKESO bagi tempoh dua (2) tahun (2021-2022) ditentukan dengan pengukuran prestasi yang seimbang dalam pelbagai aspek berdasarkan perspektif *Balanced Scorecard* (BSC) bagi memastikan organisasi terus dipacu menuju destinasi Visi bersama.

Berasaskan empat (4) Teras Strategik utama iaitu "Pengaktifan Pasaran Buruh", "Transformasi Operasi", "Pemerkasaan Modal Insan" dan "Pemantapan Aspek Keselamatan & Kesejahteraan Sosial" difokuskan secara khusus dengan perancangan pelan tindakan yang komprehensif berdasarkan elemen-elemen pemacu dan keberhasilan strategik, memastikan kebolehlaksanaan dan kebolehcapaian hasil, dan sekaligus menyelaraskan halatuju strategik PERKESO iaitu Visi organisasi bergerak selari dengan aspirasi Kerajaan menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang makmur dan sejahtera.

SOCSO's strategic & organizational performance management planning for a period of two (2) years (2021-2022) is determined by measuring balanced performance of various aspects based on the the Balanced Scorecard (BSC) perspective to ensure that the organization continues to be driven towards the shared Vision destination.

Based on four (4) main Strategic Cores namely "Activation of the Labor Market", "Operational Transformation", "Empowerment of Human Capital" and "Strengthening Safety & Social Well-Being Aspects" are specifically focused on planning a comprehensive action plan based on drivers and strategic outcomes, ensuring the feasibility and attainability of outcomes which eventually aligns SOCSO's strategic direction, which is the organization's Vision moving in parallel with the Government's aspirations to make Malaysia a prosperous country.

PERANCANGAN STRATEGIK & SISTEM PENGURUSAN PERKESO 2021
SOCSO STRATEGIC & MANAGEMENT PLAN MAP 2021



DIAGRAM 3: PERANCANGAN STRATEGIK & SISTEM PENGURUSAN PERKESO 2021
DIAGRAM 3: SOCSO STRATEGIC & MANAGEMENT PLAN MAP 2021

PENGURUSAN STRATEGI DAN PRESTASI PERKESO 2020

Bagi tahun pertama perlaksanaan Pelan Strategik & Transformasi PERKESO (PSTP) 2021-2022, secara keseluruhannya PERKESO telah berjaya mencapai tahap progres keberhasilan utama yang sangat baik dan cemerlang bagi setiap perspektif BSC dengan pencapaian prestasi keseluruhan organisasi pada skor 4.51 (skor tertinggi 5.0) dengan markah sebanyak 95.10% (Cemerlang). Pencapaian prestasi tahun 2021 ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.06% berbanding prestasi 2020 (skor 4.40, 94.10%).

SOCSO STRATEGY AND PERFORMANCE MANAGEMENT 2020

For the first year the SOCSO Strategic & Transformation Plan (PSTP) 2021-2022 implemetation, SOCSO has managed to achieve a very good and excellent level of progress in the main outcomes for each BSC perspective with the achievement of the organization's overall performance at a score of 4.51 (the highest score of 5.0) with a score by 95.10% (Excellent). The performance achievement for 2021 represents an improvement of 1.06% against 2020's performance (score 4.40, 94.10%).

Kesinambungan pengurusan strategi dan prestasi PSTP 2021-2022 diteruskan lagi bagi tahun 2022 berdasarkan penilaian prestasi semasa dan penambahbaikan berterusan dalam aspek-aspek yang berkaitan bagi memastikan objektif pengurusan strategi organisasi dapat dicapai dengan jayanya.

The continuation of PSTP strategy and performance management 2021-2022 continued in 2022 based on current performance evaluation and continuous improvement in related aspects to ensure that the organization's strategic management objectives can be successfully achieved.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA
KEY RESULTS AREA

SKIM BENCANA KERJA PEKERJA ASING (SBKPA)
EMPLOYMENT INJURY SCHEME FOR FOREIGN WORKER (FWEIS)

MAJIKAN AKTIF / ACTIVE EMPLOYER

MENINGKAT
INCREASED
26.07%

65,447 2020

82,506 2021

PEKERJA AKTIF / ACTIVE EMPLOYEES

MENURUN
DECREASED
3.36%

1.49 JUTA / MILLION 2020

1.44 JUTA / MILLION 2021

Bermula 1 Januari 2019, semua majikan dikehendaki mendaftar pekerja asing yang diambil bekerja (kecuali perkhidmatan rumahtangga) untuk perlindungan Skim Bencana Kerja PERKESO di bawah Akta 4.

Bilangan majikan yang aktif mencarum pada tahun 2021 meningkat kepada 82,506 daripada 65,447 majikan pada tahun 2020, mencatatkan peratus peningkatan sebanyak 26.07%. Bilangan pekerja asing aktif mencarum pada tahun 2021 menurun kepada 1.44 juta daripada 1.49 juta pekerja pada tahun 2020, mencatatkan peratus penurunan sebanyak 3.36%, ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19. Jumlah majikan aktif dan pekerja aktif di bawah SBKPA pada tahun 2019 hingga 2021 adalah sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah.

Starting 1 January 2019, all employers are required to register employed foreign workers (except domestic workers) for SOCSO Employment Injury Scheme coverage under Act 4.

The number of actively contributing employers in 2021 increased to 82,506 from 65,447 employers in 2020, recording a percentage increase of 26.07%. The number of actively contributing foreign workers in 2021 decrease to 1.44 million to 1.49 million employees in 2020, recording a percentage decrease of 3.36%, due to the Movement Control Order (MCO) resulted by the COVID-19 pandemic. The number of active employers and active employees under FWEIS in 2019 to 2021 as as per the table below.

SKIM BENCANA KERJA PEKERJA ASING
Foreign Worker Employment Injury Scheme

BIL NO	PERKARA ITEM	TAHUN YEAR		
		2019	2020	2021
1.	Majikan Aktif (Mencarum) Active Employers (Contributing)	48,388	65,447	82,506
2.	Pekerja Asing Aktif (Mencarum) Active Foreign Workers (Contributing)	1.16 juta million	1.49 juta million	1.44 juta million

PEKERJA DOMESTIK

Sejak mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021, terdapat 1,963 majikan aktif yang mencarumkan seramai 2,129 orang pekerja domestik mereka untuk dilindungi di bawah skim-skim PERKESO. Daripada jumlah tersebut, 79 orang adalah dalam kalangan warga tempatan dan selebihnya adalah warga asing.

DOMESTIC WORKERS

Since its inception on 1 June 2021 until 31 December 2021, there have been 1,963 active employers contributing for 2,129 of their domestic workers to be covered under SOCSO schemes. Of these, 79 were among the locals and the rest were foreigners.

PROMOSI KESIHATAN PEKERJA

Pandemik COVID-19 yang mula melanda negara sejak tahun 2020 telah memberikan pelbagai impak dalam pelbagai aspek terutamanya kepada sektor ekonomi negara. PERKESO sebagai agensi yang memberikan perlindungan keselamatan sosial pekerja telah mengambil pelbagai inisiatif dalam membantu kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19 dalam kalangan pekerja di Malaysia.

Inisiatif ini direalisasikan melalui Program Saringan COVID-19 yang diperkenalkan sejak tahun 2020 di mana pelbagai insiatif dilaksanakan oleh PERKESO di bawah program ini sebagai usaha dalam membantu majikan menjalankan saringan COVID-19 dalam kalangan pekerja semasa sektor ekonomi dibuka.

Selain meletakkan fokus dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19 di kalangan pekerja, PERKESO masih terus melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan bagi menggalakkan pekerja mengamalkan gaya hidup sihat walaupun kebanyakan rutin terbatas susulan pandemik yang melanda.

EMPLOYEE HEALTH PROMOTION

The COVID-19 pandemic that began to hit the country since 2020 has had various impacts in multiple aspects, especially to the country's economic sector. SOCSO as an agency that provides workers' social security protection has taken various initiatives to assist the government in curbing the spread of the COVID-19 epidemic among workers in Malaysia.

This initiative was realized through the COVID-19 Screening Programme that was introduced since 2020 where various initiatives were implemented by SOCSO under this programme as an effort to help employers carry out COVID-19 screening among employees while opening the economic sector.

In addition to focusing on efforts to curb the spread of the COVID-19 epidemic among workers, SOCSO still continues to carry out health promotion activities to encourage workers to adopt a healthy lifestyle even though most routines are limited following the pandemic.

Program Saringan COVID-19

PERKESO telah memperkenalkan Program Saringan COVID-19 sejak tahun 2020 yang merangkumi pelbagai inisiatif PERKESO dalam usaha membantu kerajaan membendung jangkitan COVID-19 di Malaysia khususnya dalam kalangan pekerja. Portal Program Saringan Prihatin (https://psp.perkeso.gov.my) turut diwujudkan bagi memberikan maklumat yang lengkap berkenaan pelbagai inisitiaf yang dilaksanakan PERKESO di bawah program ini.

Melalui program ini, PERKESO telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memberikan kemudahan kepada majikan untuk melaksanakan ujian saringan COVID-19 dalam kalangan pekerja dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 di tempat kerja. Antara inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2021 adalah Program Saringan COVID-19 Bagi Pekerja Asing dan Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan.

Bagi Program Saringan COVID-19 Pekerja Asing, kemudahan ujian saringan COVID-19 dibuka kepada semua pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO. Ujian saringan ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah Rapid Test Kit (RTK) Antigen melalui klinik atau hospital yang mendaftar sebagai panel.

COVID-19 Screening Programme

SOCSO has introduced the COVID-19 Screening Programme since 2020 which includes various SOCSO initiatives to help the government curb the spread of COVID-19 in Malaysia, especially among workers. The Prihatin Screening Programme portal (https://psp.perkeso.gov.my) was also created to provide complete information on various initiatives implemented by SOCSO under this programme.

Through this programme, SOCSO has implemented various initiatives to provide facilities for employers to carry out screening tests for COVID-19 among employees in an effort to curb the spread of the COVID-19 epidemic in the workplace. Among the initiatives implemented in 2021 are the Foreign Workers COVID-19 Screening Programme and the Recovery Phase COVID-19 Screening Test Programme.

For the Foreign Workers COVID-19 Screening Programme, the COVID-19 screening test facility is open to all foreign workers who contribute with SOCSO. This screening test is carried out using the Antigen Rapid Test Kit (RTK) method through a clinic or hospital that registers as a panel.

Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan dilaksanakan susulan pembukaan semula sektor ekonomi dalam Fasa 1 dan Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang mewajibkan ujian saringan COVID-19 dilaksanakan di kalangan pekerja bagi setiap dua minggu. PERKESO telah membekalkan kit ujian saringan COVID-19 kepada majikan bagi memberikan kemudahan kepada majikan untuk melaksanakan ujian saringan COVID-19 dalam kalangan pekerja.

Berikut merupakan perincian pelaksanaan program-program di bawah Program Saringan COVID-19 PERKESO.

Phased COVID-19 Screening Test Program Restoration is carried out following the opening economic sector in Phase 1 and Phase 2 of the National Recovery Plan (PPN) which mandates the screening test for COVID-19 implemented among employees for each two weeks. SOCSO has supplied the kit COVID-19 screening test for employers for provide facilities to employers to carry out screening tests for COVID-19 in among employees.

The following are the details of the implementation of the programmes under SOCSO's COVID-19 Screening Programme.

Program Programmes	**Tarikh Pelaksanaan** Implementation Date	**Bil. Pekerja** Number of employees
Program Saringan Prihatin Prihatin Screening Program	April 2020 – Oktober 2020 April 2020 – October 2020	247,059
Subsidi Saringan Prihatin Prihatin Screening Subsidy	Jun 2020 – November 2020 June 2020 – November 2020	84,838
Program Saringan COVID-19 Bagi Pekerja Asing Foreign Worker COVID-19 Screening Programme	Disember 2020 – 21 September 2021 December 2020 – 21st September 2021	722,781
Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan* Recovery Phase COVID-19 Screening Test Programme	6 September 2021 – Februari 2022 6th September 2021 – February 2022	2,000,000

Siaran atas talian Berita RTM pada 3 Disember 2020
RTM News online broadcast on 3rd December 2020

Keratan Akhbar KOSMO 8 Oktober 2021
KOSMO Newspaper Clipping 8th October 2021

KSM melalui Perkeso bantu laksana saringan pekerja

Majikan bakal dibekal kit ujian Covid kendiri

Siaran dalam talian BH Online pada 7 Oktober 2021
BH Online broadcast on 7th October 2021

PERKESO bekal kit ujian kendiri COVID-19

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Oktober 7, 2021 @ 12:51pm
bhnews@bh.com.my

PERKESO akan membekalkan kit ujian kendiri COVID-19 menerusi Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan kepada majikan.

Pengurusan Kes COVID-19 Anggota PERKESO

Susulan penularan COVID-19, PERKESO telah mewujudkan COVID-19 Helpline bagi menyelaras dan menguruskan kes COVID-19 yang melibatkan anggota PERKESO termasuk anggota di semua pejabat-pejabat PERKESO. Helpline ini beroperasi setiap hari dan diuruskan oleh Pegawai Perubatan daripada Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan.

Setiap kes COVID-19 anggota PERKESO yang dilaporkan, pengesanan kontak akan dilakukan dengan segera bagi mengenalpasti anggota-anggota lain yang berisiko mempunyai kontak rapat dengan kes positif. Arahan kuarantin dan ujian saringan COVID-19 akan diselaraskan bagi anggota yang dikesan sebagai kontak rapat. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 466 kes positif telah dilaporkan di kalangan anggota PERKESO.

Saringan COVID-19 juga dijalankan kepada anggota yang berkaitan bagi memastikan keberkesanan langkah pencegahan penularan wabak COVID-19. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 3,765 ujian saringan COVID-19 telah dijalankan di kalangan anggota.

Selain pengurusan kes COVID-19, PERKESO juga mengambil pelbagai langkah proaktif dalam mencegah penularan wabak COVID-19. Antara inisiatif yang dijalankan adalah menyediakan alat pelindungan diri seperti pelitup muka, *hand sanitizer* dan alat pengimbas suhu, promosi pencegahan penularan wabak secara berterusan dan penyediaan serta pematuhan terhadap SOP.

COVID-19 Cases Management for SOCSO Employees

Following the spread of COVID-19, SOCSO has established a COVID-19 Helpline to coordinate and manage cases of COVID-19 involving SOCSO members including members in all SOCSO Offices. This helpline operates daily and is managed by Medical Officers from the Prevention, Medical and Rehabilitation Division.

For each COVID-19 reported case of SOCSO employee, contact tracing will be carried out immediately to identify other members who are at risk of having close contact with a positive case. Quarantine instructions and COVID-19 screening tests will be adjusted for members detected as close contacts. As of 31st December 2020, a total of 466 positive cases have been reported among SOCSO members.

COVID-19 screening is also carried out for relevant members to ensure the effectiveness of measures to prevent the spread of the COVID-19 epidemic. As of 31st December 2021, a total of 3,765 COVID-19 screening tests have been conducted among members.

In addition to the management of COVID-19 cases, SOCSO also takes various proactive measures to prevent the spread of the COVID-19 epidemic. Among the initiatives carried out are the provision of personal protective equipment such as face masks, hand sanitizers and temperature scanners, continuous promotion of epidemic prevention and preparation and compliance with SOP.

Ujian Saringan COVID-19 Bagi Anggota PERKESO di Lembah Klang

Bermula Julai 2021, Unit Promosi Kesihatan telah melaksanakan ujian saringan COVID-19 secara berkala untuk anggota PERKESO bertugas di kawasan Lembah Klang. Ujian saringan ini menggunakan kaedah Rapid Test Kit (RTK) Antigen dan dijalankan oleh Pegawai Perubatan daripada Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan.

Ujian saringan ini dijalankan pada Hari Selasa dan Jumaat setiap minggu bagi anggota PERKESO yang berstatus kontak kasual, anggota baru melaporkan diri serta anggota yang mempunyai keperluan menjalani ujian saringan COVID-19 sebelum menghadiri mesyuarat. Sepanjang ujian ini dilaksanakan bermula Julai hingga Disember 2021, sebanyak 493 ujian saringan COVID-19 telah dijalankan.

COVID-19 Screening Test for SOCSO Employees in Klang Valley

Starting July 2021, the Health Promotion Unit has carried out regular COVID-19 screening tests for SOCSO members on duty in Klang Valley area. This screening test uses the Antigen Rapid Test Kit (RTK) method and is carried out by Medical Officers from the Prevention, Medical and Rehabilitation Division.

This screening test is conducted on Tuesdays and Fridays every week for SOCSO members with casual contact status, new members reporting and members who need to undergo a screening test for COVID-19 before attending meetings. During the course of this test from July to December 2021, a total of 493 COVID-19 screening tests were conducted.

PROGRAM PROMOSI KESIHATAN PEKERJA

Di sebalik pelbagai inisiatif yang dilaksanakan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 di kalangan pekerja, PERKESO masih menjalankan beberapa aktiviti promosi kesihatan untuk menggalakkan pekerja kekal sihat walaupun semasa musim pandemik. Antaranya program-program promosi kesihatan pekerja, Program Promosi Kesihatan di Tempat Kerja (WHP) dan Workplace Health Promotion Webinar 2021.

EMPLOYEE HEALTH PROMOTION PROGRAM

Despite the various initiatives implemented to curb the spread of the COVID-19 epidemic among workers, SOCSO still carries out a number of health promotion activities to encourage workers to stay healthy even during the pandemic season. Among them are employee health promotion programs, the Workplace Health Promotion Program (WHP) and Workplace Health Promotion Webinar 2021.

Workplace Health Promotion Program (WHP)

Program Workplace Health Promotion (WHP) yang diperkenalkan oleh PERKESO sejak tahun 2017 masih terus dilaksanakan setiap tahun. Bagi tahun 2021, program ini telah dilaksanakan oleh Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH) di bawah Bantuan Kewangan PERKESO.

Melalui program ini, pendedahan dan panduan diberikan kepada majikan terutamanya pihak pengurusan untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif untuk mempromosikan kesihatan di kalangan pekerja. Garis Panduan Promosi Kesihatan Di Tempat Kerja yang diterbitkan oleh PERKESO pada tahun 2018 telah digunakan sebagai panduan dalam pelaksanaan program ini. Sehingga tahun 2021, sebanyak 129 majikan telah menjalankan Program WHP melalui PERKESO.

Program Saringan Kesihatan PERKESO

Pelaksanaan Program Saringan Kesihatan PERKESO (HSP) ditangguhkan sementara kerana pandemik COVID-19 dan bagi memberikan tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif Program Saringan COVID-19 PERKESO.

Program *Return To Work* (RTW)

Di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), PERKESO telah memperkenalkan program pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans (OB) iaitu Program RTW mulai 15 Januari 2007. Tujuan program RTW dilaksanakan adalah untuk membantu OB yang mengalami hilang upaya akibat daripada kemalangan dan penyakit mencapai tahap kefungsian optimum sebelum kembali bekerja. Setiap peserta yang menyertai program ini akan diuruskan oleh seorang Pengurus Kes atau Penolong Pengurus Kes yang menggunapakai pendekatan biopsikososial iaitu penekanan kepada gangguan terhadap kefungsian fizikal, psikologikal, dan sosial yang terbit daripada kecederaan atau penyakit yang dialami.

Workplace Health Promotion Program (WHP)

The Workplace Health Promotion (WHP) program introduced by SOCSO since 2017 continues to be implemented every year. For the year 2021, this program has been implemented by the Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH) under SOCSO Financial Assistance.

Through this program, exposure and guidance are provided to employers, especially management, to create a workplace environment that is conducive to promoting health among employees. The Workplace Health Promotion Guidelines published by SOCSO in 2018 have been used as a guide in the implementation of this program. Until 2021, a total of 129 employers have run the WHP Program through SOCSO.

SOCSO Health Screening Program

The implementation of SOCSO's Health Screening Program (HSP) is temporarily postponed due to the COVID-19 pandemic and to focus on the implementation of SOCSO's COVID-19 Screening Program initiative.

Return To Work (RTW) Programme

SOCSO introduced the RTW Program under the Employment Insurance System (EIS) on 15 January 2007 to provide physical rehabilitation to its Insured Person (IP). The objective of the program is to help IP with impairment due to injury or illnesses to return to work by optimizing their current functioning. Each participant joining the program will be managed by a Case Manager or an Assistant Case Manager that uses the biopsychosocial approach, which highlights the physical, psychological, and social issues that arise from the injury or illness.

Dalam memastikan pemberian perkhidmatan yang holistik dan memastikan bahawa konsep pengurusan hilang upaya ini dapat dilaksanakan oleh setiap pemegang taruh dengan kendiri, beberapa program telah diperkenalkan seperti:

1. **Certified Disability Management Professionals (CDMP)** - PERKESO menjadi pemegang lesen untuk membawa pensijilan daripada Kanada di Asia Tenggara. Program ini bertujuan untuk melatih lebih ramai ahli kesihatan, ahli kesihatan bersekutu, pengamal keselamatan sosial, dan pengurus sumber manusia mengenai program RTW dan konsep pengurusan hilang upaya.
2. **Caring Center** – Dengan kerjasama interdisciplinary team, program ini memfokuskan intervensi rehabilitasi vokasional secara integrasi sosial kepada peserta RTW melalui aktiviti sokongan pra-pekerjaan. Insiatif ini juga bertujuan untuk mengukuhkan tahap kesediaan dan membangun potensi diri agar mampu kembali bekerja dan menyumbang kepada komuniti.
3. **Return to Work Coordinator (RTWC)** - Program ini adalah asas pengenalan mengenai hilangupaya kepada para majikan untuk mereka berikan sokongan kepada OB yang mengalami hilangupaya di tempat kerja, agar OB terus bekerja dengan baik.
4. **RTWPreneur** – Program keusahawanan peserta program RTW bagi memastikan agar peserta program RTW yang tidak dapat peluang pekerjaan kompetitif untuk terus berdikari dan memperoleh pendapatan. Peserta turut diberi latihan kemahiran dan latihan pengurusan kewangan sebagai seorang usahawan.
5. **Emotional Support & Psychological Wellbeing** – Program ini memberi sokongan emosi dan psikologi kepada OB, keluarga, dan orang awam oleh Pengurus Kes yang mempunyai lesen berdaftar sebagai Kaunselor.

In ensuring that services were provided holistically, and every stakeholder would be able to grasp and conduct the disability management concept independently, few programs have been implemented, such as:

1. **Certified Disability Management Professionals (CDMP)** – SOCSO holds the license to provide the training from Canada in Southeast Asia. The program aims to train more healthcare professionals, allied health professionals, social security practitioners, and human resource managers to understand and apply the RTW program and disability management concept.
2. **Caring center** - Focuses on vocational rehabilitation intervention to RTW participants through social integration and pre-employment support activity. This initiative aims to strengthen the level of readiness and develop their self-potential, in order for them to be able return to work and contribute back to the community.
3. **Return to Work Coordinator (RTWC)** – This is an introductory program on disability management targeted to employers, to enable them to provide support to IP with impairment to return and retain at work.
4. **RTWPreneur** – An entrepreneurial program for RTW participants to ensure that they would be able to be independent and gain income, even if they are unable to join competitive employment. Participants will also be provided with skills training and financial management as an entrepreneur.
5. **Emotional Support & Psychological Wellbeing** – This program provides emotional support and psychological support to not only IP, but also their family members, and public by the registered counsellor working as our Case Manager.

Sejak program ini dilancarkan seramai 41,374 peserta yang menjalani program ini telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

Kejayaan program ini dapat dilihat melalui statistik jadual berikut;

Since its launching, there are a total of 41,374 participants who joined the program were rehabilitated and are able to return to work.

The success of the program can be seen through the following statistics:

Komponen / Component	**Tahun** / Year				
	2017	**2018**	**2019**	**2020**	**2021**
Bilangan kes dirujuk / Total number of case referred	4,458	6,951	9,698	6,848	10,461
Bilangan kes telah kembali bekerja / Total number of return to work case	2,582	3,845	7,019	5,286	7,163
Peratus kes telah kembali bekerja / Percentage return to work cases	57.9%	55.3%	72.4%	77.2%	68.5%

PERKHIDMATAN PEKERJAAN NASIONAL, MYFUTUREJOBS

Portal MYFutureJobs dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO bagi mentransformasikan Perkhidmatan Pekerjaan Negara dalam menangani kesan ekonomi serta peningkatan kadar pengangguran negara yang mendadak akibat pandemic COVID-19 yang melanda dunia sejak awal tahun 2020. MYFutureJobs menggunapakai teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence) dan taxonomy bagi membuat padanan pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain mengikut keperluan majikan (job matching).

Portal ini turut mengintegrasikan sistem pengurusan kes yang menyediakan perkhidmatan pekerjaan yang berkonsepkan elemen sentuhan manusia (human touch) dan bersifat personal bagi setiap individu. Majlis Pekerjaan Negara (National Employment Council) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri juga telah mengiktiraf MYFutureJobs sebagai portal pekerjaan sehenti pekerjaan untuk rakyat Malaysia yang menghimpunkan pelbagai peluang pekerjaan, program reskilling dan upskilling serta program-program keusahawanan yang ditawarkan oleh pelbagai agensi.

NATIONAL EMPLOYMENT SERVICE, MYFUTUREJOBS

The MYFutureJobs portal was established by the Ministry of Human Resources under SOCSO to transform the National Employment Service in dealing with the economic impact and sudden increases in the unemployment rate caused by the COVID-19 pandemic. With the adoption of Artificial Intelligence and taxonomy technologies, the MYFutureJobs portal matches occupations based on qualifications, skills, experience, salary and other preferences according to employers' needs.

The portal also includes a case management module that provides humanised employment services that are tailored to each individual. In 2021, the Honorable Prime Minister chaired the National Employment Council, which recognised MYFutureJobs as the employment one-stop-shop for Malaysians seeking employment opportunities, reskilling/upskilling programmes, and entrepreneurship opportunities offered by various agencies.

PERKESO juga menjalin kerjasama strategik dengan agensi pekerjaan swasta seperti JobStreet, LinkedIn, Maukerja, WOBB, MyStarjob.com, FastJobs, GradJobs.com, Project Deep dan Monster yang terdapat di Malaysia untuk meningkatkan peluang pekerjaan semua pencari kerja. Perkongsian strategik ini menjadikan pencarian pekerjaan menerusi portal MYFutureJobs lebih mudah dan seterusnya mampu memudahkan peralihan penempatan pekerjaan untuk pencari kerja

SOCSO forms strategic partnerships with Malaysian private recruitment agencies such as JobStreet, LinkedIn, MauKerja, WOBB, MyStarjob.com, FastJobs, GradJobs.com, Project Deep, and Monster in order to increase employment opportunities for all job seekers. This strategic collaboration facilitates job searches and the transition for employee placement through the portal.

Sehingga 31 Disember 2021, seramai 879,601 jumlah pencari kerja telah berdaftar di bawah MYFutureJobs dan 2,480,577 kekosongan jawatan ditawarkan oleh 45,542 buah majikan. Manakala seramai 320,864 orang pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan menerusi portal dan perkhidmatan pekerjaan MYFutureJobs.

Until 31 December 2021, the MYFutureJobs portal has reported 879,601 registered job seekers and 2,480,577 job openings from 45,542 employers. Meanwhile, the MYFutureJobs portal and employment services successfully placed 320,864 job seekers.

Kompenan Component	**Jumlah** Total
Jumlah kekosongan jawatan (Permintaan) Total Job vacancies (Demand)	2,480,577
Jumlah pencari kerja yang berdaftar (Penawaran) Total Registered Job Seekers (Supply)	879,601
Jumlah penempatan pekerjaan Total Placement	320,864

Bagi membantu meningkatkan akses dan kebolehcapaian masyarakat khususnya yang tinggal di kawasan luar bandar kepada peluang pekerjaan yang terdapat di seluruh negara, PERKESO telah menubuhkan Pusat Satelit MYFutureJobs. Pusat Satelit ini akan berfungsi sebagai pusat sehenti fizikal yang menyediakan pelbagai perkhidmatan pekerjaan seperti profiling, kaunseling kerjaya dan aktiviti kebolehpekerjaan pasaran buruh tempatan.

SOCSO established MYFutureJobs Satellite Centres to facilitate employment access and outreach by communities, particularly in rural areas. The centres function as a physical one-stop centre for a variety of employment services such as profiling, career counselling, and domestic labour market employability activities.

Menerusi kemudahan ini, orang ramai khususnya pencari kerja warga tempatan boleh memanfaatkan kemudahan bagi mengakses peluang-peluang pekerjaan yang diiklankan dari seluruh negara menerusi Portal Pekerjaan Nasional, MYFutureJobs. Inisiatif strategik ini mendapat kerjasama dan sokongan penuh daripada semua kementerian dan agensi kerajaan yang turut sama menjayakan penubuhan pusat satelit ini di seluruh negara.

Through this facility, the public, especially local job seekers, can take advantage of the facility to access job opportunities advertised from all over the country through the National Employment Portal, MYFutureJobs. This strategic initiative has the cooperation and full support of all government ministries and agencies who are also helping to establish these satellite centers throughout the country.

Dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Kerajaan Tempatan, IPT dan pusat industri, sebanyak 45 Pusat Satelit MYFutureJobs telah dibangunkan dan beroperasi di serantau Malaysia untuk menyediakan perkhimatan pekerjaan dan maklumat pasaran buruh yang komprehensif kepada pencari kerja tempatan.

In collaboration with the Ministry of Rural Development (KPLB), the Ministry of Communications and Multimedia (SKMM), Local Government, HEIs and industrial centers, a total of 45 MYFutureJobs Satellite Centers have been developed and operate in regional Malaysia to provide employment services and comprehensive labor market information to job seekers. local work.

PUSAT REHABILITASI PERKESO TUN ABDUL RAZAK

Pusat Rehabilitasi PERKESO yang dibina di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Sehingga Disember 2021, seramai 8,957 orang pekerja telah menerima rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak dan 7,172 orang telah berjaya kembali bekerja. Sebagai satu inisiatif PERKESO untuk meluaskan lagi perkhidmatan rehabilitasi kepada Orang Berinsurans PERKESO di kawasan lembah Klang, sebuah Pusat Rehabilitasi PERKESO pertama untuk klien luar (outpatient) yang berkonsepkan integrasi komuniti di dalam pusat membeli-belah telah mula beroperasi di Quill City Mall, Kuala Lumpur pada 11 Januari 2021.

SOCSO REHABILITATION CENTER TUN ABDUL RAZAK

Built in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka, the SOCSO Rehabilitation Center began its operations on 1 October 2014. As of December 2021, a total of 8,957 workers have received rehabilitation treatment at the Tun Abdul Razak SOCSO Rehabilitation Center and 7,172 people have successfully returned to work. To further expand the rehabilitation services for SOCSO Insured Persons, and workers in the Klang Valley area, SOCSO also established a Satelit Rehabilitation Center for outpatient clients with the concept of community integration in a shopping mall has started operating at Quill City Mall, Kuala Lumpur on 11 January 2021.

Perkhidmatan yang disediakan di pusat ini memfokuskan kepada Rehabilitasi Neuro-Robotik dengan menggunakan peralatan teknologi neuro-robotik Cyberdyne HAL® dari Jepun. Selain itu, pusat ini juga turut mengutamakan kesihatan mental yang mempunyai keperluan yang semakin meningkat pada masa kini dengan menyediakan program rehabilitasi kesihatan mental.

The services provided at this center is focused on Neuro-Robotic Rehabilitation using the Cyberdyne HAL® neuro-robotic technology equipment from Japan. In addition, this center also prioritizes mental health in line with increasing needs nowadays by providing mental health rehabilitation programs.

Di samping itu, kami juga menawarkan program rehabilitasi fizikal yang termasuk Fisioterapi dan Terapi Carakerja serta Rehabilitasi Vokasional dan Kesejahteraan Mental.

Besides that, we also offer physical rehabilitation programs that include Physiotherapy and Occupational Therapy as well as Vocational Rehabilitation and Mental Wellbeing.

·Rawatan Neuro-Robotik & Cybernics / Neuro-Robotic Treatment & Cybernics

·Program Rehabilitasi Fizikal · Fisioterapi ·Terapi Carakerja /
Physical Rehabilitation Program · Physiotherapy · Occupational Therapy

·Program Rehabilitasi Khusus ·Program Kesejahteraan Penuaan Dan Geriatrik /
Specialized Rehabilitation Program Aging And Geriatric Wellness Program

·Program Kesihatan Mental / Mental Health Program

·Rehabilitasi Vokasional / Vocational Rehabilitation

Secara keseluruhan, seramai 1,487 pesakit telah berjaya menjalani rawatan pemulihan pada tahun 2021 berbanding 966 pesakit pada tahun 2020 melalui Program Rehabilitasi Fizikal dan Vokasional yang komprehensif bagi mengembalikan semula OB PERKESO ke alam pekerjaan dan secara tidak langsung membantu meningkatkan sosio-ekonomi dan kesejahteraan OB.

SKUAD PERKESO PRIHATIN DAN PROGRAM SOSIAL SINERGI

Skuad PERKESO Prihatin ditubuhkan sebagai sebuah wadah aspirasi prihatin bagi melaksanakan satu langkah proaktif bagi mengesan dan melaksanakan pemprosesan faedah dengan segera melalui pelbagai saluran seperti media cetak, elektronik dan sosial. Melalui inisiatif ini, bukan sahaja gerak kerja yang lebih efisyen dapat dilaksanakan, lebih dari itu hubungan baik antara PERKESO bersama pemimpin masyarakat, komuniti, pihak berkuasa, media dan sebagainya telah berjaya diperkukuhkan. Perkara ini jelas terbukti dengan terhasilnya impak positif seperti berikut;

- Peningkatan tahap kecekapan dan kompetensi Pegawai Skuad di setiap pejabat PERKESO melalui pemantauan pelaporan dan aktiviti yang lebih sistematik, komprehensif dan efisyen;
- Tahap penyusunan dan koordinasi pelaporan yang lebih berkesan dan tepat melalui Sistem MySynergy; dan
- Penjimatan kos publisiti di media kesan daripada peningkatan jumlah sesi libat urus bersama media/individu/agensi yang berkepentingan oleh Pegawai Skuad di setiap pejabat.

In total, 1,487 patients have successfully undergone through a comprehensive Physical and Vocational Rehabilitation Program and returned to employment in 2021 in comparison to only 966 patients in 2020. Indirectly, the comprehensive program help improve the socioeconomics and well-being of the Insured Person.

SOCSO PRIHATIN SQUAD AND SOCIAL SYNERGY PROGRAMME

Inspired by our Prihatin spirit, SOCSO Prihatin Squad was established to implement a proactive measure to detect and process cases immediately through various channels such as print, electronic and social media. Through this initiative, not only can SOCSO improve the efficiency of its service delivery, but also SOCSO can develop and strenthen a closer relationship with community leaders, communities, authorities, media. This is clearly proven by the resulting positive impact as follows:

- Increasing the competency level of Squad Officers in each SOCSO office through a more systematic, comprehensive and efficient monitoring of reporting and activities;
- A more effective and accurate reporting level of organization and coordination through the MySynergy System; and
- Savings in publicity costs in the media are the result of an increase in the number of engagement sessions with media/individuals/interested agencies by Squad Officers in each office.

Program Social Synergy merupakan gerakan inisiatif yang inovatif bagi mewujudkan sebuah platform dan rangkaian penyaluran maklumat bagi kes-kes keselamatan sosial yang pertama di Malaysia. Program ini dibina dengan mengadaptasi model keselamatan sosial dari negara maju seperti Australia, England dan Amerika Syarikat.

The Social Synergy Program is an innovative initiative to create the first platform and information network to distribute social security cases across agencies in Malaysia. This program was built by adapting the social security model from developed countries such as Australia, England and the United States.

Program ini dibina dengan rangka kerja yang sistematik, komprehensif, holistik dan berkesinambungan. Dengan menggabungkan tiga (3) entiti keselamatan sosial iaitu Insurans Sosial, Bantuan Sosial dan Intervensi Pasaran Kerja, inisiatif ini dilihat sebagai formula terbaik bagi menangani permasalahan kemiskinan, keciciran dan ketidaksepaduan manfaat keselamatan sosial yang menyumbang ke arah pertindihan faedah dan manfaat.

The program is built with a systematic, comprehensive, holistic and continuous framework. By combining three (3) social security categories namely Social Insurance, Social Assistance and Labor Market Intervention, this initiative is seen as the best formula to deal with the problems of poverty, exclusion and inclusion erros in social security benefit delivery that contribute towards overlapping benefits.

Program ini telah dibina dengan strategik dan mengikut peredaran serta kehendak semasa apabila terbinanya sebuah sistem ICT yang dinamakan Sistem MySynergy. Dengan mengadaptasi penggunaan teknologi 'blockchain', Sistem MySynergy bakal menjadi hub data keselamatan sosial yang terbesar di Malaysia. Sehingga kini sejumlah lebih 30 agensi dan lebih 190 pemimpin masyarakat yang menyediakan perkhidmatan keselamatan sosial di seluruh negara telah menyertai program ini.

This program has been built strategically and in accordance with current trends and requirements when an ICT system called the MySynergy System was built. By adapting the use of 'blockchain' technology, the MySynergy System will become the largest social security data hub in Malaysia. To date, a total of more than 30 agencies and more than 190 community leaders who provide social security services across the country have participated in this program.

Pada tahun 2021, bilangan kes yang diterima oleh Skuad PERKESO Prihatin adalah sebanyak 4,987 kes dengan pencapaian peratus kes selesai dalam tempoh 3 hari adalah 98.72%.

In 2021, the number of cases received by Skuad Prihatin SOCSO is 4,987 cases with a 3-day completion rate of 98.72%.

Statistik Pengurusan Kes Skuad PERKESO Prihatin Skuad PERKESO Prihatin Case Management Statistics	**2021**	**2020**
Bilangan Kes Yang Diterima Number of Cases Received	4,987	2,846
Bilangan Kes Selesai Dalam Tempoh <3 Hari Number of Cases Completed In <3 Days	4,923	2,821
Bilangan Kes Selesai Dalam Tempoh >3 Hari Number of Cases Completed In >3 Days	64	-

PERKHIDMATAN PELANGGAN

Perkhidmatan pelanggan adalah sangat penting dalam bidang keselamatan sosial terutamanya dari sudut penyampaian faedah ataupun pendaftaran pekerja dan majikan. Perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dapat memastikan faedah keselamatan sosial dapat disampaikan kepada golongan yang layak dan memerlukan. PERKESO sentiasa memberikan keutamaan dalam memberikan perkhidmatan yang melebihi ekspektasi pelanggan selaras dengan slogan “PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO”.

Selain menguruskan pelanggan di peringkat kaunter dan melalui telefon di 54 pejabat PERKESO di seluruh negara termasuk Ibu Pejabat PERKESO, PERKESO turut menyediakan pelbagai saluran komunikasi untuk memudahkan urusan pelanggan seperti talian khidmat pelanggan; 1-300-22-8000 atau SMS ke 15888, perkhidmatan mySMS ADUAN PERKESO dan e-mel: perkeso.gov.my. Perkhidmatan atas talian yang disediakan ialah Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang boleh diakses melalui http://perkeso.spab.gov.my, laman sesawang sosial seperti Instagram: https://www.instagram.com/perkeso.official, Twitter: www.twitter.com/perkeso dan Facebook: www.facebook.com/perkeso.

Amalan budi bahasa S4P (senyum, sapa, salam, santun dan prihatin) dan Garis panduan Khidmat Pelanggan iaitu ECG (Employee Customer Guideline) tidak pernah dikompromi dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan walaupun dalam keadaan pandemik yang dihadapi oleh negara.

Walaupun tahun 2020 agak mencabar bagi petugas barisan hadapan dalam menangani pelanggan di kaunter dengan keadaan negara yang menghadapi pelbagai ombak pandemik COVID-19, namun, pada tahun 2021, anggota PERKESO lebih mantap dalam melayani pelanggan dengan mempraktiskan S4P serta ECG yang ditetapkan dengan norma baru.

Pada awal menghadapi masalah penularan COVID-19, PERKESO telah mengambil pelbagai inisiatif antaranya menyediakan drop-box untuk membolehkan pelanggan mengemukakan dokumen berkaitan.

CUSTOMER SERVICE

Customer service is essential in social security especially from the perspectives of delivery of benefit and registration of new employers or employees. Excellent customer service guarantees that the benefits are disbursed to those eligible and in need. SOCSO often gives priority in providing services that exceed customer expectations in line with the slogan "PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO".

In addition to managing customers directly at the physical counters and by phone at 54 SOCSO offices nationwide including its Headquarters, SOCSO also provides various communication channels to facilitate customer affairs such as the customer service hotline; 1-300-22-8000 or SMS to 15888, the mySMS ADUAN SOCSO and email: perkeso.gov.my. The online service provided is the Public Complaint Management System (SISPAA) can be accessed via http://perkeso.spab.gov.my, social websites such as Instagram: https://www.instagram.com/perkeso.official, Twitter: www.twitter.com/perkeso and Facebook: www.facebook.com/perkeso.

The polite practice of S4P (senyum, sapa, salam, santun dan prihatin) and the Customer Service Guidelines which are ECG (Employee Customer Guideline) have never been compromised in providing the best service to customers even in the pandemic situation faced by the country.

Despite the year 2020 being quite challenging for front-line staff in dealing with customers at the counter with the state of the country facing various waves of the COVID-19 pandemic, however, in 2021, SOCSO members are more robust in serving customers by practicing S4P and ECG set with new norms.

In dealing with challenges related to the spread of COVID-19, SOCSO has taken various initiatives including providing a drop-box to enable customers to submit relevant documents.

Pada tahun 2021, bagi memastikan perkhidmatan pelanggan berjalan lancar di samping arahan-arahan dan SOP yang ditetapkan oleh MKN dapat dipatuhi, satu sistem temujanji secara atas talian yang dipanggil sistem MyTemujanji PERKESO. Sistem tersebut telah diperkenalkan untuk memudahkan lagi urusan pelanggan di samping menjaga bilangan pelanggan yang hadir ke kaunter pejabat di kesemua 54 pejabat PERKESO termasuk ibu pejabat. Pelanggan dapat mengakses sistem temujanji tersebut di laman web PERKESO dan boleh membuat pilihan slot mengikut kesesuaian dan kekosongan. Pada masa yang sama pelanggan yang hadir ke kaunter tanpa temujanji juga turut diberikan layanan tanpa sebarang halangan.

In 2021, to ensure that customer service runs smoothly in addition to the instructions and SOPs set by MKN can be followed, an online appointment system called the SOCSO MyTemujanji system was introduced. The system aims to further facilitate customer affairs while maintaining the number of customers who attend office counters in all 54 SOCSO offices including the Headquarter. Customers can access the appointment system on SOCSO website and choose a slot according to their convenience and availability. At the same time, customers who come to the counter without an appointment are also treated without any obstacles.

Jumlah pelanggan yang hadir ke kaunter pejabat PERKESO seluruh Malaysia sepanjang tahun 2021 mengikut urusan adalah seperti berikut:

The number of customers who came to SOCSO office counters throughout Malaysia throughout 2021 according to businesses is as follows:

Jenis Perkhidmatan Service Type	**Jumlah Pelanggan Walk-In (Tiket QMS)** Number of Walk-in Customers (QMS Ticket)	**Jumlah pelanggan (Mytemujanji PERKESO)** Number of customers (Mytemujanji PERKESO
Pendaftaran Majikan/Pekerja Employer / Employee Registration	29,684	13,496
Bayaran Caruman / FCLB	18,550	5,275
Penghantaran Borang Faedah Benefit Form Submission	66,428	8,267
Aduan dan Pernyataan OB/Waris Complaints and IP/Dependants Statement	9,031	3,750
Pertanyaan/ Lain-lain Queries/ Others	136,250	29,481
Jumlah Total	259,943	60,269
JUMLAH KESELURUHAN Grand Total	**320,212**	

Mystery Shopping

Dalam memastikan matlamat pengurusan tertinggi PERKESO untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dicapai, PERKESO melantik pembekal untuk melaksanakan Mystery Shopping supaya kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh petugas barisan hadapan PERKESO boleh dinilai melalui mata pelanggan sendiri. Tindakan penambahbaikan hasil dari keputusan Mystery Shopping yang dilaksanakan, dilakukan melalui pendekatan Perancangan, Perlaksanaan, Penilaian dan Tindakan (P.D.C.A). Tiga skop perkhidmatan utama yang dinilai melalui Mystery Shopping adalah perkhidmatan kaunter tempatan (Branch Walk-in), panggilan telefon pejabat PERKESO tempatan (Branch Mystery Call) dan panggilan ke Talian Khidmat Pelanggan PERKESO (CRM Mystery Call). Di samping menilai kompetensi anggota, PERKESO juga menilai anggotanya dari aspek pematuhan garis panduan khidmat pelanggan di bawah ECG (Employee-Customer Guideline)

Sejak bermulanya perlaksanaan Mystery Shopping, PERKESO telah melaksanakan 9 siri bermula tahun 2017 hingga 2021 iaitu sebanyak 2 siri Mystery Shopping setiap tahun kecuali pada tahun 2020 di mana PERKESO hanya dapat melaksanakan 1 siri sahaja. Pada tahun 2021 Siri 8 diadakan dari 21 April hingga 17 Ogos 2021 di mana hasil pencapaian telah mencatat rekod tertinggi untuk Branch Walk-In dan Branch Mystery Call iaitu masing-masing adalah 93.82% dan 77.75%. Manakala CRM Mystery Call kekal cemerlang dengan pencapaian 97.67%. Siri seterusnya diadakan dari 1 Oktober 2021 hingga 18 November 2021 sekali lagi mencatat pencapaian rekod tertinggi bagi Branch Walk In dengan markah 94.45% dan Branch Mystery Call dengan markah 78.55 %. CRM Mystery Call juga telah meningkat kepada 98.78% iaitu kekal cemerlang.

Mulai dari tahun 2019, Mystery Shopping D.I.Y untuk Branch Call telah diadakan secara dalaman. Panggilan telefon telah dibuat ke pejabat-pejabat PERKESO oleh Mystery Shoppers yang terdiri daripada anggota PERKESO sendiri iaitu ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pengurusan Pelanggan di Ibu Pejabat PERKESO. Mystery Shopping D.I.Y tahun 2021 telah berjaya dilaksanakan pada bulan September 2021.

Mystery Shopping

To achieve SOCSO's top management goal in providing the best service to its customers, SOCSO appoints an independent provider to carry out Mystery Shopping so that customers can then directly evaluate the quality of service provided by SOCSO's front line staff. Based on the results of the Mystery Shopping, improvements were implemented through the Plan, Do, Check and Act (P.D.C.A) approach. The three main service scopes evaluated through Mystery Shopping are local counter service (Branch Walk-in), phone calls to the local SOCSO office (Branch Mystery Call) and calls to the SOCSO Customer Service Line (CRM Mystery Call). In addition to assesing Staff's competency, SOCSO evaluates its officers on the aspect of complying to the customer service guidelines provided under the ECG (Employee-Customer Guideline).

Since the start of the implementation of Mystery Shopping, SOCSO has implemented 9 waves starting from 2017 to 2021, which is 2 waves every year except in 2020 when SOCSO could only implement one wave. In 2021, Wave 8 was held from 21st April to 17th August 2021 where the results have recorded the highest numbers for Branch Walk-In and Branch Mystery Call which are 93.82% and 77.75% respectively. CRM Mystery Call remains excellent with an achievement of 97.67%. The next Wave, held from 1st October 2021 to 18th November 2021 once again recorded the highest record achievement for Branch Walk-In with a score of 94.45% and Branch Mystery Call with a score of 78.55%. CRM Mystery Call has also increased to 98.78%, which remains excellent.

Since 2019, D.I.Y Mystery Shopping for Branch Call has been held internally. Phone calls have been made to SOCSO offices by Mystery Shoppers who are made up of SOCSO Customer Management Working Committee members from SOCSO Headquarters. Mystery Shopping D.I.Y 2021 has been successfully implemented in September 2021.

Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan di PERKESO mula diadakan di kesemua 54 buah pejabat PERKESO termasuk Ibu Pejabat PERKESO pada Setiap hari Khamis minggu pertama setiap bulan (8.30 pagi - 4.30 petang). Mulai tahun 2019 ianya telah diadakan pada Setiap hari Selasa (8.30 pagi - 10.30 pagi).

Program Hari Bertemu Pelanggan ini diadakan untuk memberi peluang kepada pelanggan khususnya untuk membantu pelanggan yang masih tidak berpuas hati setelah berurusan di peringkat kaunter perkhidmatan PERKESO seperti majikan, orang berinsurans, orang tanggungan, orang awam dan pihak berkepentingan lain untuk menyelesaikan urusan dan permasalahan dengan berjumpa terus dengan pengurusan atasan.

PERKESO juga terlibat dalam Program Hari Bertemu Pelanggan di peringkat Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya yang diwakili oleh semua agensi dan jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Program ini telah ditangguhkan sejak tahun 2020 berikutan peningkatan kes wabak COVID-19. Berikut adalah bilangan pelanggan Hari Bertemu Pelanggan pada tahun 2019 hingga 2021:

Meet a Customer Day

The 'Meet a Customer Day' at SOCSO is held at all 54 PERKESO offices, including the SOCSO Headquarters, every Thursday of the first week of every month (8.30 am - 4.30 pm). Since 2019, it has been held every Tuesday (8.30 am - 10.30 am).

This 'Meet a Customer Day' program is held to provide opportunities to customers who are still not satisfied with SOCSO services like dealing at the counter levels. Customers such as employers, insured persons, dependents, members of the public, and other stakeholders can resolve matters and problems by meeting directly with the upper management.

SOCSO is also involved with the 'Meet a Customer Day' program at the Ministry of Human Resources, Putrajaya, which is represented by all agencies and departments under the Ministry of Human Resources. This program has been postponed since 2020 due to the increase in cases of the COVID-19 outbreak. Here is the number of customers involved with the 'Meet a Customer Day' from 2019 to 2021:

Bil No	**Hari Bertemu Pelanggan** Meet a Customer Day	**Jumlah Pelanggan** / Total of Customers		
		2019	**2020**	**2021**
1	Hari Khamis (Minggu Pertama) Peringkat PERKESO Thursday (First Week) – SOCSO Level	329	-	0
2	Setiap Selasa Peringkat PERKESO Every Tuesday – SOCSO Level	1,195	138	22
3	Setiap Selasa Peringkat KSM (Putrajaya) Every Tuesday – Ministry of Human Resources Level (Putrajaya)	115	23	0
4	Peringkat KSM (Bangunan MIC) Ministry of Human Resources Level (MIC Building)	-	96	0
Jumlah / Total		**1,639**	**257**	**22**

Pengurusan Aduan

Sebarang perniagaan atau perkhidmatan yang melibatkan pelanggan akan tetap mendapat rasa ketidakpuasan hati daripada pelanggan. Sama seperti itu, walaupun PERKESO sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, namun ketidakpuasan hati pelanggan terhadap PERKESO atau pihak ketiga adalah tidak boleh dielak. Aduan-aduan ini diterima melalui pelbagai saluran; Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), surat rasmi, surat layang, e-mel, faksimile, telefon, media massa dan juga melalui pelanggan yang hadir terus ke pejabat PERKESO.

PERKESO tidak mempunyai sebarang halangan sebaliknya sentiasa prihatin terhadap aduan atau keluhan pelanggan dan sentiasa bersedia memberikan perhatian terhadap aduan-aduan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pelanggan. PERKESO meneliti dan memberikan penjelasan berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh pelanggan kerana ianya adalah merupakan tanggungjawab organisasi kepada pelanggan.

Bilangan kes aduan yang diterima sepanjang tahun 2021 mengikut kategori adalah seperti berikut:

Complaint Management

Any business or service that involves customers will still get a sense of dissatisfaction from customers. Similarly, although SOCSO always strives to provide the best service to customers, customer dissatisfaction with SOCSO or any third parties is unavoidable. These complaints are received through various channels; Public Complaint Management System (SISPAA), official letter, letter, e-mail, facsimile, telephone, mass media, and through customers who come directly to the SOCSO office.

SOCSO does not have any drawbacks regarding any complaints from customers and is always concerned about complaints or grievances of customers. SOCSO is always ready to pay attention to complaints and issues raised by customers. SOCSO is committed to examining and providing explanations regarding matters raised by customers because it is the organization's responsibility to customers.

The number of complaint cases received throughout 2021 by category is as follows:

Jenis Aduan Type of Complaints	**Bilangan Kes diterima** Number of Cases received	**Bilangan Kes Selesai dalam tempoh** Number of Cases Completed during the period	**Peratus Pencapaian** Achievement Percentage
Aduan Biasa Normal Complaint	100	100	100%
Aduan Rumit Complicated Complaint	1,979	1,972	99.64%

Aduan biasa adalah aduan yang diterima terhadap PERKESO dan diselesaikan dalam tempoh 14 hari. Manakala aduan rumit adalah aduan terhadap pihak ketiga dan diselesaikan dalam tempoh 45 hari. Berikut adalah 3 kategori kes tertinggi bagi aduan terhadap PERKESO serta 4 kategori kes tertinggi bagi aduan terhadap pihak ketiga yang telah diselesaikan dalam tahun 2021.

Normal complaints are complaints received against SOCSO and are resolved within 14 days. While complex complaints are complaints against third parties and are resolved within 45 days. The following are the 3 highest case categories for complaints against SOCSO as well as the 4 highest case categories for complaints against third parties that have been resolved in 2021.

KEPUASAN PELANGGAN KEUTAMAAN KAMI

PERKESO sebagai agensi barisan hadapan sentiasa meletakkan kepuasaan pelanggan sebagai keutamaan dan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam usaha untuk memastikan ekspektasi pelanggan dapat dipenuhi dan ditepati. Justeru, pandangan dan maklum balas pelanggan terhadap tahap perkhidmatan yang telah diberikan sentiasa diambil kira dan dipantau menerusi Kajian Kepuasan Pelanggan PERKESO di mana tinjauan dibuat sepanjang tahun di setiap pejabat-pejabat PERKESO.

Kajian Kepuasan Pelanggan PERKESO ini dijalankan mengikut fasa iaitu Fasa Pertama dijalankan dalam tempoh bulan Januari hingga Jun, Fasa Kedua pula dijalankan dalam tempoh bulan Julai hingga Disember. Responden kajian terdiri daripada pelanggan yang hadir di kaunter-kaunter PERKESO dan penerima bayaran pertama bagi tuntutan faedah. Pelanggan boleh menjawab tinjauan menerusi pelbagai kaedah, termasuk melalui borang kaji selidik dan secara atas talian.

Terdapat empat petunjuk utama yang menjadi fokus kajian ini iaitu ‘Pendaftaran Perusahaan / Pekerja / Bekerja Sendiri’, ‘Caruman’, ‘Tuntutan Faedah’ dan ‘Kualiti Perkhidmatan’. Keempat-empat petunjuk ini akan membentuk indeks kepuasan pelanggan yang akan digunakan untuk mengukur kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Berikut adalah carta yang menunjukkan tahap kepuasan pelanggan terhadap keempat-empat komponen tersebut bagi kedua-dua fasa tahun 2021:

CUSTOMER SATISFACTION IS OUR PRIORITY

SOCSO as a front-line agency always puts customer satisfaction as a priority and strives to provide excellent service in an effort to ensure that customer expectations can be met and fulfilled. Thus, customer views and feedback on the service that has been provided are always taken into account and monitored through SOCSO's Customer Satisfaction Survey which surveys are conducted throughout the year in each of SOCSO's offices

SOCSO's Customer Satisfaction Study is conducted in phases, the First Phase is conducted from January to June, and the Second Phase is conducted from July to December. The study respondents consisted of customers present at SOCSO counters and recipients of the first payment for benefit claims. Customers can respond to surveys through a variety of methods, including survey forms and online.

There are four main indicators that are the focus of this study, namely 'Enterprise Registration / Employees / Self Employed', 'Contributions', 'Benefits Claims', and 'Quality Service’. These four indicators will form a customer satisfaction index that will be used to measure the quality of service provided to customers. Here is a chart showing the level of customer satisfaction with the four components for both phases of 2021:

INDEKS KEPUASAN PELANGGAN FASA 1 /2021 DAN FASA 2 /2021 MENGIKUT KOMPONEN

CUSTOMER SATISFACTION INDEX PHASE 1/2021 AND PHASE 2/2021 ACCORDING TO COMPONENTS



Secara keseluruhannya, indeks kepuasan pelanggan bagi Fasa 1/2021 dan Fasa 2/2021 menunjukkan pencapaian yang cemerlang dengan pencapaian keseluruhan adalah 92.15% bagi Fasa 1/2021 dan 92.50% bagi Fasa 2/2021.

Berikut pula adalah carta yang menunjukkan tahap kepuasan pelanggan dari Fasa 1/2011 sehingga Fasa 2/2021:

Overall, the customer satisfaction index for Phase 1/2021 and Phase 2/2021 shows excellent achievement with the overall achievement being 92.15% for Phase 1/2021 and 92.50% for Phase 2/2021.

Below is a chart showing the level of customer satisfaction from Phase 1/2011 to Phase 2/2021:



Di dapati bahawa pencapaian indeks kepuasan pelanggan bagi tahun 2021 adalah merupakan pencapaian yang tertinggi yang pernah dicatatkan sejak 10 tahun yang lalu. Pencapaian cemerlang yang diperolehi oleh PERKESO ini jelas menunjukkan bahawa PERKESO telah berjaya memenuhi ekspektasi pelanggan walaupun dalam keadaan negara menempuh pandemik COVID-19, selaras dengan slogan “PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO”. Diharapkan agar semua anggota PERKESO dapat meneruskan lagi kecemerlangan ini pada masa hadapan.

The overall achievement of the customer satisfaction index for the year 2021 is the highest achievement ever recorded in the past 10 years. This excellent achievement obtained by SOCSO clearly shows that SOCSO has succeeded in meeting customer expectations even when the country was going through the COVID-19 pandemic, in line with the slogan "PERKESO is Prihatin, Prihatin is PERKESO”. It is hoped that everyone in SOCSO can continue this excellence in the future.

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI COVID-19

Penularan COVID-19 di serata dunia sejak dua (2) tahun lalu menyebabkan landskap perlindungan keselamatan sosial negara turut berubah. Tahun 2021 menyaksikan pelbagai pakej rangsangan ekonomi diperkenalkan oleh kerajaan sebagai tanda sokongan dan bantuan secara berterusan bagi membantu rakyat mengharungi kesan pandemik ini.

Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telah diberi tanggungjawab melaksanakan beberapa inisiatif di bawah Belanjawan 2021, Program Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA), Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) dan Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Antaranya Program Subsidi Upah, Penjana Kerjaya, SIP PRIHATIN dan SPS Lindung.

PROGRAM SUBSIDI UPAH (PSU)

Program Subsidi Upah yang mula diperkenalkan sejak 1 April 2020 merupakan bantuan kewangan kepada majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan.

Sejak program ini dilaksanakan sehingga 31 Disember 2021, PSU telah membantu sejumlah 357,393 majikan dari seluruh negara dan memberikan manfaat kepada seramai 2.95 juta pekerja telah menerima sejumlah RM19.67 bilion dalam manfaat PSU. Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, jumlah permohonan majikan untuk Program Subsidi Upah 3.0 dan 4.0 adalah seperti berikut:

COVID-19 ECONOMIC STIMULUS PACKAGES

The advent of the COVID-19 global pandemic in 2020 threw the pressing need for social security protections into sharp relief. In line with its commitment to supporting the Malaysian workforce for the whole duration of the pandemic, the government continued introducing various economic stimulus packages in 2021.

SOCSO was entrusted with implementing multiple initiatives under Budget 2021, the Malaysian Economic and People's Protection Assistance Package (PERMAI), the Strategic Programme for Empowering People and the Economy (PEMERKASA), the Strategic Programme for Empowering People and the Economy Plus (PEMERKASA+), and the National People's Well-Being and Economic Recovery Package (PEMULIH). These initiatives included the Wage Subsidy Programme, the Penjana Kerjaya Programme, the SIP PRIHATIN Programme, and the SPS Lindung Programme.

WAGE SUBSIDY PROGRAMME

The Wage Subsidy Programme (PSU) was first implemented on 1 April 2020 to provide employers who suffered economic losses during the COVID-19 pandemic with the necessary financial assistance to continue operating and avoid retrenching employees.

As of 31 December 2021, 357,393 employers and 2.95 million employees across Malaysia have received a total of RM19.67 billion in PSU benefits. Based on data collected by the SOCSO Employment Insurance System (EIS), the total number of employers and employees who successfully applied for PSU 3.0 and PSU 4.0 benefits is as follows:

Program Programme	**Majikan** No. of Employers	**Pekerja (orang/juta)** No. of Employees	**Jumlah Bayaran (RM juta)** Amount Disbursed (RM)
PSU 3.0	161,836	1.52	3,479.34 juta / million
PSU 4.0	142,908	1.71	1,977.98 juta / million

SIP PRIHATIN 1.0

SIP PRIHATIN yang diperuntukkan di bawah Belanjawan 2021 merupakan bantuan kewangan kepada pekerja yang telah berdaftar di bawah SIP dan kehilangan pekerjaan (LOE) meliputi dua kategori sama ada yang layak atau yang tidak layak mendapat Elaun Mencari Pekerjaan (EMP). Tujuan SIP PRIHATIN adalah untuk membantu pekerja kehilangan pekerjaan yang terkesan akibat krisis wabak COVID-19 sebagai bantuan segera bagi meneruskan kelangsungan hidup, di samping membantu usaha mereka mencari peluang pekerjaan baharu.

SIP PRIHATIN mula dilaksanakan pada 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021. Program ini hanya meliputi pekerja yang mengalami kehilangan pekerjaan (LOE) mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021. Sehingga 31 Disember 2021, PERKESO telah menerima sejumlah 104,590 permohonan dengan jumlah bayaran yang diluluskan sebanyak RM 469.43 juta.

SIP PRIHATIN 1.0

SIP PRIHATIN 1.0 initiative under Budget 2021 provided financial assistance to retrenched employees registered with the EIS regardless of whether they were initially eligible to receive Job Search Allowance (JSA) benefits. The initiative was implemented to help employees retrenched during the COVID-19 pandemic with covering necessary expenses as they search for new employment.

From 1 January 2021 to 31 December 2021, SOCSO accepted SIP PRIHATIN applications from individuals who lost their employment between 1 July 2020 and 31 December 2021. As of 31 December 2021, SOCSO has processed 104,590 applications and disbursed RM469.43 million to eligible applicants.

SIP PRIHATIN 2.0

SIP PRIHATIN 2.0 adalah bantuan kewangan yang diberikan kepada individu yang terkesan akibat pandemik wabak COVID-19 demi kelangsungan hidup semasa mencari peluang pekerjaan baharu di bawah Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Perluasan pemberian elaun ini adalah kepada individu yang menganggur dan bukan pencarum PERKESO seperti graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal.

SIP Prihatin 2.0 mengandungi insentif Elaun Mencari Pekerjaan (EMP SIP PRIHATIN 2.0) bagi individu yang layak menghadiri temuduga dan Elaun Persediaan Bekerja (EPB) sekiranya telah kembali bekerja. Sejak permohonan untuk SIP PRIHATIN 2.0 dibuka pada 15 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 10,856 permohonan diterima melibatkan jumlah bayaran kepada yang layak sebanyak RM828,000.

SIP PRIHATIN 2.0

The SIP PRIHATIN 2.0 initiative under PEMULIH was implemented to provide unemployed individuals and retrenched workers with the financial resources required to cover necessary expenses as they search for new employment during the COVID-19 pandemic. The initiative targeted unemployed and retrenched SOCSO non-contributors such as school leavers, fresh graduates, and workers in the informal sector.

SIP Prihatin 2.0 contains a Job Search Allowance incentive (EMP SIP PRIHATIN 2.0) for individuals who are eligible to attend an interview and a Work Preparation Allowance (EPB) if they have returned to work. Since the application for SIP PRIHATIN 2.0 opened on 15 July 2021 until 31 December 2021, a total of 10,856 applications were received involving a total payment to the eligible of RM828,000.

PENJANAKERJAYA

PenjanaKerjaya di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) adalah dilaksanakan dengan matlamat merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan bagi pencari kerja tempatan.

Mengikut perangkaan Perkeso sehingga 31 Disember 2021, jumlah majikan yang memohon program PenjanaKerjaya adalah seperti berikut:

PENJANAKERJAYA

The Hiring Incentive Programme which is known as PenjanaKerjaya, under the National Economic Recovery Plan (PENJANA), is aimed at boosting job demands among employers and increasing job opportunities and employability among local job seekers.

According to the SOCSO statistics till 31 December 2021, the total employers that applied for PenjanaKerjaya programme are as below:

Program Programme	**Majikan** No. of Employers	**Pekerja (orang/juta)** No. of Employees	**Jumlah Bayaran (RM juta) /** Total Payment (RM juta / million)
PENJANAKERJAYA 2.0	18,265	226,223	907.52 juta / million
PENJANAKERJAYA 3.0	16,285	127,996	77.41 juta / million

KERJAYAGIG

Program KerjayaGig bertujuan memperluas skop Insentif Pengambilan Pekerja di bawah PenjanaKerjaya 2.0 kepada individu kehilangan pekerjaan dan penganggur daripada golongan rentan yang terlibat dalam peluang pekerjaan jangka pendek sehingga mereka dapat memperoleh pekerjaan sepenuh masa.

Di bawah pakej PEMULIH, program ini juga diperluaskan untuk meliputi pekerjaan sementara dan pekerjaan gig untuk golongan penganggur tegar (lebih 180 hari). Sehingga 31 Disember 2021, jumlah permohonan OBS yang telah diluluskan adalah sebanyak 108,422. Jumlah bayaran yang telah dibuat pula adalah sebanyak RM 16.5 juta.

KERJAYAGIG

The objective of KerjayaGig programme is to extend the scope of hiring incentives under PenjanaKerjaya 2.0 for retrenched workers and vulnerable unemployed individuals who engage in short-term employment opportunities until they are able to obtain full-time employment.

Under the PEMULIH package, the programme is also expanded to include temporary jobs and gig jobs for the hardcore unemployed (over 180 days). As of 31 December 2021, SOCSO has approved 108,422 applications from self-employed persons. The total payment that has been made is RM 16.5 million.

SPS LINDUNG

SPS Lindung diperkenalkan di bawah Pakej Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI). SPS Lindung atau perlindungan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO merupakan pakej penambahbaikan ke atas inisiatif PenjanaGig sedia ada yang mana kerajaan menyediakan bantuan pembiayaan bayaran penuh caruman (100%) kepada kumpulan sasaran OBS iaitu Delivery Riders yang melaksanakan aktiviti penghantaran barangan ataupun makanan dengan menggunakan motosikal, basikal atau berjalan kaki. Pelan caruman yang dibiayai oleh Kerajaan di bawah SPS Lindung adalah Pelan Caruman Kedua iaitu sebanyak RM232.80 untuk tempoh perlindungan setahun.

Sehingga 31 Disember 2021 seramai 265,732 OBS telah dilindungi di bawah program ini dengan jumlah caruman sebanyak RM62.5 juta.

SPS LINDUNG

SSPS Lindung programme was introduced under the Malaysian Economic and People Protection (PERMAI) assistance package. SPS Lindung is a programme under SOCSO's Self -Employment Social Security Scheme (SESSS) which was founded in line with the government's intentions to extend social security to self-employed individuals, which also included delivery partners and riders. A year's worth of SOCSO contributions amounting to RM 232.80, via Plan 2 of the SESSS were 100% subsidised by the government via SPS Lindung to encourage delivery rider-partners to register.

As of 31 December 2021, a total of 265,732 OBS have been protected under this program with a total contribution of RM62.5 million.

SPS Prihatin Wanita

SPS Prihatin Wanita adalah bantuan Kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di bawah Program PEMERKASA bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial di bawah SKSPS PERKESO yang dikhususkan kepada semua wanita yang bekerja sendiri daripada pelbagai sektor informal.

Pelan caruman yang dibiayai oleh Kerajaan di bawah SPS Lindung adalah Pelan Caruman Kedua iaitu sebanyak RM232.80 untuk tempoh perlindungan setahun. Caruman akan dibayar melalui sumbangan Kerajaan sebanyak 70% iaitu sebanyak RM163.00 manakala baki 30% iaitu sebanyak RM69.80 adalah daripada caruman oleh OBS.

Berdasarkan statistik sehingga 31 Disember 2021, seramai 21,350 OBS dilindungi di bawah skim ini dan melibatkan jumlah caruman sebanyak RM4.97 juta.

SPS Prihatin Wanita

SPS Prihatin Wanita is a government assistance under the PEMERKASA Package to provide social security protection under the Self-Employed Social Security Scheme (SESSS), SOCSO which is dedicated to all self-employed womens from various informal sectors.

The contribution plan set for this Women's SPS Prihatin programme is under the Second Plan Contribution at RM232.80 per year. This government assistance is channelled in the form of financing contributions of 70% which is RM163.00 from the government while the Self-Employed Persons pay the remaining 30% which cost RM69.80.

According to the statistics up to 31 December 2021, a total of 21,350 Self-Employed Persons are covered under this scheme and involve a total contribution of RM4.97 million.

05

DIARI KORPORAT
CORPORATE DIARY

DIARI KORPORAT
CORPORATE DIARY

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
AWARDS AND RECOGNITION

Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2021 tidak menghalang PERKESO terus menempa kejayaan dengan meraih pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

The Movement Control Order during the COVID-19 pandemic throughout 2021 did not stop SOCSO from continuing to forge success by winning various awards and recognition at the national and international levels.

Pencapaian PERKESO di peringkat antarabangsa yang diperolehi pada tahun 2021 antaranya:
SOCSO's achievements at the international level obtained in 2021 include:

- Lagu 'SIFAR' terbitan PERKESO dipilih sebagai juara di International Media Festival for Prevention (IMFP) di Toronto, Kanada.
- Tiga Anugerah PAR Excellence di 46th Innovation Quality On Control Circle Convention (ICQCC) 2021, Hyderabad India dengan penyertaan tiga (3) kumpulan iaitu The Strategist (Cawangan Skuad Prihatin dan Sinergi) juga The NForce dan The PROSECute (Cawangan Penguatkuasaan)

- SOCSO's song 'SIFAR' was announced as the winner at the International Media Festival for Prevention (IMFP) in Toronto, Canada.
- SOCSO clinched three PAR Excellence Awards at the 46th International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2021 in Hyderabad India with the participation by three groups. They are The Strategist (Squad Prihatin and Synergy Department), The NForce and The PROSECute (Enforcement Department).

Pencapaian PERKESO di peringkat kebangsaan:

i. Pensijilan MS ISO 37001:2016 - Anti Bribery Management Systems;

ii. Empat (4) Anugerah Emas Lima (5) Bintang sempena Annual Productivity and Innovation Showcase (ARISE) 2021 anjuran Malaysia Productivity Corporation yang diperolehi oleh Kumpulan PROSQAP (Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan), BRAINIACS (Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan), The A' Brains (Pejabat PERKESO Negeri Sarawak) dan NForce Verge (Cawangan Penguatkuasaan);

iii. Anugerah Sustainability (Anugerah Terbuka ARISE) sempena Annual Productivity and Innovation Showcase (ARISE) 2021 anjuran Malaysia Productivity Corporation yang diperolehi oleh Kumpulan PROSQAP daripada Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan;

iv. Dua (2) Kumpulan Team Excellence PERKESO telah berjaya mendapat Anugerah 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam (Persekutuan) iaitu Kumpulan PROSQAP (Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan) dan The A' Brains (Pejabat PERKESO Negeri Sarawak).

SOCSO achievements at the national level:

i. Certified MS ISO 37001:2016 - Anti Bribery Management Systems;

ii. SOCSO bagged four "5 Star" Gold Awards for the Annual Productivity and Innovation Showcase (ArISe) 2021 organised by Malaysia Productivity Corporation (MPC). This was achieved via the participation of the PROSQAP Group (Prevention, Medical and Rehabilitation Division), BRAINIACS (Employment Services Division), The A' Brains (SOCSO Sarawak State Office) and NForce Verge (Enforcement Department);

iii. MPC's Sustanibility Award (ArIse Open Award) via the PROSQAP Group from the Prevention, Medical and Rehabilitation Division.

iv. Two SOCSO Team Excellence Groups won the Best 20 Public Sector Group Award (Federal), namely the PROSQAP Group (Prevention, Medical and Rehabilitation Division) and The A' Brains (SOCSO Sarawak State Office).

AKTIVITI SEPANJANG 2021
2021 ACTIVITIES

KARNIVAL PENJANAKERJAYA KEBANGSAAN 2021 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES' NATIONAL PENJANAKERJAYA CARNIVAL 2021

PERKESO telah menganjurkan Karnival PenjanaKerjaya Kebangsaan 2021 Kementerian Sumber Manusia di Kuala Lumpur Convention Centre yang disertai oleh 78 majikan daripada pelbagai industri yang menawarkan 10,802 kekosongan jawatan. Peluang pekerjaan yang ditawarkan meliputi 3,492 jawatan eksekutif dan 6,910 jawatan bukan eksekutif. Selain itu, sebanyak 1,896 jawatan kosong juga disediakan buat golongan OKU.

Karnival membuka tirainya pada 23 Februari dengan Siri Webinar Kerjaya selama sehari disusuli dengan sesi temuduga secara maya selama tiga hari sehingga 26 Februari. Dirasmikan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia, acara empat hari itu diadakan secara maya sambil mematuhi penjarakan fizikal dan prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa.

SOCSO organised the Ministry of Human Resources' National Penjanakerjaya Carnival 2021 at the Kuala Lumpur Convention Center, which saw 78 private and public companies from various industries took part in the event, offering 10,802 vacancies. The job opportunities include 3,492 executive positions and 6,910 non-executive positions. In addition, a total of 1,896 positions were also offered for people with disabilities.

The carnival kick-offs on February 23 with a one-day Career Webinar Series followed by a three-day virtual interview session until February 26. Officiated by YB Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources, the four-day event was held virtually while adhering to physical distancing and standard operating procedures set by the Ministry of Health and authorities.

MAJLIS PELANCARAN "PERKESO FUNCTIONAL ADAPTIVE CLOTHING"

OFFICIAL LAUNCH OF THE SOCSO FUNCTIONAL ADAPTIVE CLOTHING INITIATIVE

Majlis Pelancaran "PERKESO Functional Adaptive Clothing" telah berlangsung di Hotel Intercontinental Kuala Lumpur pada 10 April 2021 yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj secara maya dan turut dihadiri oleh Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan. Majlis pelancaran ini diserikan lagi dengan pertunjukan fesyen koleksi busana moden khusus untuk Orang Kurang Upaya (OKU) hasil kolaborasi di antara Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR) dengan pereka fesyen tempatan iaitu Nurita Harith. Kesemua koleksi ini menggarapkan idea pakaian adaptif untuk golongan OKU agar mudah dipakai dan bersesuaian dengan keadaan fizikal mereka.

Seramai 250 OKU telah menerima sumbangan Adaptive Clothing. Sokongan dan keprihatinan Permaisuri Agong terhadap golongan OKU ini sudah pastinya memberi semangat dan menyuntik keyakinan baru kepada mereka untuk terus berintegrasi dalam masyarakat serta kembali bekerja semula.

The official launch of the SOCSO Functional Adaptive Clothing initiative took place at the InterContinental Kuala Lumpur on 10 April 2021. Guests of honour included Her Majesty Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, who attended virtually, and YB Datuk Seri M. Saravanan, the Minister of Human Resources.The highlight of the ceremony was a fashion show featuring a collection of modern, stylish designs specially created for Persons With Disabilities (PWDs) by local designer Nurita Hanith in collaboration with the SOCSO Tun Razak Rehabilitation Centre (TRRC). The inspiration for the designs arose from a desire to provide PWDs with clothing that could be easily put on and taken off regardless of their physical limitations.

Following the fashion show, 250 sets of adaptive clothing were donated to selected PWDs. PWDs across Malaysia will doubtless be motivated to continue their efforts to secure employment and integrate into society by Her Majesty Raja Permaisuri Agong's support for this initiative and concern for their welfare.

PELANCARAN PROGRAM PENYELARAS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BAGI SEKTOR PEKERJAAN BERKAITAN JALAN RAYA

LAUNCH OF THE WORK-RELATED ROAD SAFETY OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH COORDINATOR PROGRAMME

Usaha berterusan PERKESO dalam kempen pencegahan kemalangan diperkasakan lagi dengan pelancaran Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Sektor Pekerjaan Berkaitan Jalan Raya. Program ini merupakan kerjasama antara Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), PERKESO dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk menangani isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi sektor pekerjaan berkaitan dengan jalan raya.

Program ini telah dilancarkan pada 6 April di Kelab Golf Palm Garden, IOI Resort Putrajaya bersempena dengan Simposium Keselamatan Jalan Raya Berkaitan Kerja 2021 yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah MIROS, YBrs. Dr Khairil Anwar Abu. Semasa Simposium tersebut, ucaptama telah disampaikan oleh YBrs. Dr Azlan Darus, Ketua Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan PERKESO bagi pihak YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammad Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO.

SOCSO's ongoing efforts in the accident prevention campaign were further strengthened with the launch of the Work-Related Road Safety Occupational Safety and Health Coordinator programme. The programme is a collaborative effort undertaken by the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), SOCSO and the Department of Occupational Safety and Health specifically to address all occupational safety and health issues for sectors related to road safety.

This program was launched on April 6 at the Palm Garden Golf Club, IOI Resort Putrajaya in conjunction with the Work-Related Road Safety Symposium 2021, which was officiated by MIROS director-general, YBrs. Dr Khairil Anwar Abu. During the Symposium, the keynote address was delivered by YBrs. Dr Azlan Darus, SOCSO Head of the Prevention, Medical and Rehabilitation Department on behalf of YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammad Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO.

PROGRAM KERJAYA UP (URBAN POOR)
UP CAREER PROGRAMME (URBAN POOR)

PERKESO telah melaksanakan Program Kerjaya UP (Urban Poor) demi menyahut saranan YAB Perdana Menteri agar masalah pengangguran dalam kalangan rentan bandar ditangani segera. Program ini, yang dianjurkan dikebanyakan negeri di seluruh negara termasuk Sarawak, mendapat sambutan daripada pihak majikan yang secara keseluruhannya menawarkan lebih daripada 34,000 peluang pekerjaan untuk pencari kerja dari golongan yang mudah terjejas di kawasan bandar.

Pada 12 April, YB Menteri Sumber Manusia, diiringi oleh YBhg. Dato' Sri Ketua Eksekutif, melawat Karnival PenjanaKerjaya UP di Pusat Komuniti Setiawangsa, Kuala Lumpur. Lokasi ini merupakan Program Kerjaya UP yang terbesar, dengan tawaran 10,592 jawatan kosong daripada 39 majikan.

In response to the Prime Minister's recommendation that unemployment among vulnerable urban groups be addressed immediately, SOCSO has implemented the UP Career Program (Urban Poor). Employers responded favourably to this program, which was implemented in most states across the nation, including Sarawak, and provided more than 34,000 job opportunities for job seekers from the vulnerable group in urban areas.

On April 12th, YB Minister of Human Resources, accompanied by YBhg. Dato' Sri Chief Executive, visited the UP PenjanaKerjaya Carnival at the Setiawangsa Community Center, Kuala Lumpur. This location is the largest UP Career Program, offering 10,592 vacancies from 39 employers.

WEBINAR VISION ZERO: WORK-RELATED ROAD SAFETY (INTERNATIONAL) (WRRS)

WEBINAR VISION ZERO: WORK-RELATED ROAD SAFETY (INTERNATIONAL) (WRRS)



PERKESO dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah melancarkan Siri Webinar Vision Zero pada 24 Jun 2021. Matlamat utama program ini adalah untuk membawa semua pihak berkepentingan bersama-sama dalam satu platform bagi membincangkan dan mempelajari tentang keselamatan jalan raya berkaitan kerja.

Program webinar ini melibatkan penceramah dalam kalangan pengamal dan pakar keselamatan dan kesihatan daripada pelbagai agensi dalam dan luar negara. Antaranya BPJS Ketenagakerjaan (Indonesia), Department of Occupational Safety & Health (DOSH) (Malaysia), AIP Foundation (Vietnam), German Road Safety Council (DVR) (GERMAN) dan Monash University Accident Research Centre (MUARC). Program ini juga telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 1,000 orang peserta dari seluruh dunia termasuk Afrika, Australia dan Eropah.

SOCSO launched the Vision Zero Webinar Series in collaboration with the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) on 24 June 2021. The main goal of this program is to bring all stakeholders together in one platform to discuss and learn about road safety work related.

Speakers at the webinar consisted of occupational health and safety experts and practitioners from local and international organisations such as BPJS Ketenagakerjaan (Indonesia), the Department of Occupational Safety and Health (DOSH, Malaysia), the AIP Foundation (Vietnam), the German Road Safety Council (DVR, Germany), and the Monash University Accident Research Centre (MUARC). The programme attracted 1,000 participants from all over the world, including the continents of Africa, Australia, and Europe.

MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN PERKESO

APPOINTMENT CEREMONY FOR PERKESO BOARD MEMBERS AND INVESTMENT PANEL

Pada 16 Ogos, YB Datuk Seri M. Saravanan telah menyampaikan Watikah Pelantikan kepada ahli-ahli Lembaga dan Panel Pelaburan PERKESO dalam Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Lembaga PERKESO dan Panel Pelaburan PERKESO.

Pencapaian dan kecemerlangan PERKESO dalam pelbagai aspek perlindungan keselamatan sosial adalah bersandarkan kepada gandingan komitmen dari ahli-ahli Lembaga dalam melaksanakan peranan strategik termasuk kawal selia dan tadbir urus dengan sikap dedikasi, amanah dan kecemerlangan perkhidmatan anggota-anggota PERKESO.

On August 16, YB Datuk Seri M. Saravanan presented the Certificate of Appointment to the SOCSO Board Members and Investment Panel during the appointment ceremony.

Based on the commitment of Board Members in carrying out strategic duties, such as regulation and governance, with the commitment, trust, and service quality of SOCSO members, the organization has excelled in various aspects of social security protection.

SAMBUTAN HARI INOVASI PERKESO 2021

SOCSO INNOVATION DAY CELEBRATION 2021

Sambutan Hari Inovasi PERKESO 2021 pada 2 September telah dilaksanakan dalam norma baharu iaitu secara maya buat kali keduanya, dengan tema "Prihatin Penggerak Sinergi Inovasi". Tema ini menekankan nilai-nilai keprihatinan dalam setiap tugasan serta pembudayaan idea-idea inovatif demi meningkatkan mutu perkhidmatan anggota-anggota PERKESO.

Sempena Hari Inovasi PERKESO 2021, PERKESO telah meraikan semua pemenang yang telah terpilih mewakili PERKESO ke pertandingan *International Convention On Quality Control Circle* (ICQCC) 2021, Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Kebangsaan, *Annual Productivity and Innovation Conference & Exposition* (APIC) 2021 dan juga *26th Asia Pacific Quality Organization* (APQO) *Conference* 2021. Teruskan kewibaan PERKESO dalam arena kualiti dan inovasi antarabangsa.

SOCSO Innovation Day 2021 on September 2 was held in a new norm, which was virtual for the second time, with the theme "Prihatin Penggerak Sinergi Inovasi". This theme emphasizes the values of prihatin in every task as well as the cultivation of innovative ideas to improve the quality of service of SOCSO members.

In conjunction with SOCSO Innovation Day 2021, SOCSO has recognized the winners who had been selected to represent SOCSO at the 26th Asia Pacific Quality Organization (APQO) Conference 2021, the national Team Excellence Convention, the Annual Productivity and Innovation Conference & Exposition (APIC) 2021, and the International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) 2021. Keep striving for SOCSO's reputation in the field of global excellence and innovation.

THE INTERNATIONAL PUBLIC EMPLOYMENT FORUM 2021 (IPEF)

INTERNATIONAL PUBLIC EMPLOYMENT FORUM 2021

Pada 6 hingga 9 September 2021, PERKESO telah menganjurkan Forum Guna Tenaga Awam Antarabangsa (IPEF) 2021 yang bertemakan 'Reviving, Realigning & Rebuilding The Labour Market'. IPEF 2021 diadakan secara maya bermatlamat untuk membantu mempersiapkan orang ramai, terutamanya golongan majikan, pekerja dan pencari kerja dengan maklumat serta berkongsikan amalan terbaik bagi membina semula kehidupan pandemik COVID-19. Forum ini menghimpunkan tiga (3) program yang berbeza di bawah satu bumbung iaitu Socso's Regional Return To Work (RTW) DIGIMOS Symposium 2021, International Public Employment Services Symposium dan Ekspo Kerjaya.

Program International Public Employment Services Symposium pada 7 September 2021 yang dirasmikan Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan berjaya menghimpunkan lebih 1,000 peserta dari seluruh Asia Tenggara dengan mengetengahkan barisan panel jemputan yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang pengurusan hilang upaya dan rehabilitasi tempat kerja.

Organised by SOCSO, the International Public Employment Forum (IPEF) 2021 took place virtually from 6 – 9 September 2021. 'Reviving, Realigning, and Rebuilding the Labour Market', the theme of the programme, reflected SOCSO's ambitions to equip employers, employees, and jobseekers with the necessary skills and knowledge to rebuild their personal and professional lives post-pandemic. In total, 3 separate events were held under IPEF the Return-to-Work DIGIMOS Symposium, the International Public Employment Services Symposium, and a virtual career fair.

The International Public Employment Services Symposium held on 7 September 2021 was officiated by YB Datuk Seri M. Saravanan, the Ministry of Human Resources. A panel of experts on disability management and rehabilitation spoke to an audience of more than 1,000 from all countries in Southeast Asia.

‘SIFAR’ JUARA IMFP DI KANADA

‘SIFAR’ AWARDED FIRST PLACE AT THE INTERNATIONAL MEDIA FESTIVAL FOR PREVENTION

Lagu SIFAR terbitan PERKESO diangkat menjadi juara dalam kategori ‘*Music is Key*’ di International Media Festival for Prevention (IMFP) di Toronto, Kanada pada 23 September 2021. Penganjur IMFP telah menerima 289 penyertaan daripada 40 negara. IMFP yang dianjurkan pada setiap tahun adalah sempena World Congress on Safety and Health at Work di mana akan mengiktiraf filem dan karya multimedia yang mengangkat tema keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Bait lagu SIFAR dapat memberikan mesej positif iaitu meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang kepentingan perlindungan keselamatan sosial dan menyuntik elemen nasihat bagi mencegah kemalangan serta membawa seribu makna untuk semua pendengar hayati dan fahami. Ketua Eksekutif PERKESO Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman bin Aziz Mohammed menyifatkan kemenangan itu sebagai hadiah untuk rakyat Malaysia sempena Hari Kebangsaan ke-64 dan Hari Malaysia. Lagu SIFAR yang dilancarkan pada November 2019, kini meraih lebih 700,000 tontonan di YouTube.

SIFAR’, composed by a team from SOCSO, was awarded first place in the ‘Music is Key’ category at the International Media Festival for Prevention (IMFP) held at Toronto, Canada on 23 September 2021. The Festival, which is organised in conjunction with the World Congress on Safety and Health at Work annually and aims to highlight various multimedia productions on occupational health and safety, received a total of 289 entries from 40 countries.

The lyrics serve to educate the Malaysian public on the importance of social security protections and provide them with advice on preventing workplace accidents. When notified of the award, Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman bin Aziz Mohammed, the SOCSO CEO, stated it was a gift to all Malaysians for the country’s 64th National Day and Malaysia Day celebrations. The SIFAR music video has been viewed more than 700,000 times on YouTube since it was published in November 2019.

SAMBUTAN JUBLI EMAS PERKESO DI PEJABAT PERKESO SELURUH NEGARA

SOCSO GOLDEN JUBILEE CELEBRATION AT SOCSO OFFICES NATIONWIDE

1 Oktober 2021 adalah tarikh yang amat bermakna dalam lipatan sejarah PERKESO kerana ia merupakan Jubli Emas PERKESO sebagai penyedia perlindungan keselamatan sosial di negara ini. Warga PERKESO di pejabat-pejabat seluruh negara meraikan hari ini dengan pelbagai aktiviti termasuk CSR.

Pada pagi hari tersebut, seluruh warga PERKESO telah mendengar amanat daripada YBhg. Ketua Eksekutif yang disampaikan secara dalam talian. Ucapan yang sarat dengan nasihat, ingatan, memori dan kata-kata motivasi yang amat memberi inspirasi dan merangsang semangat untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, amanah dan cemerlang.

1st October 2021 is a very meaningful date in SOCSO's history as it is the Golden Jubilee of SOCSO as a provider of social security protection in this country. SOCSO staffs nationwide celebrate this day with various activities including CSR.

In the morning of that day, all SOCSO staffs listened to the message from YBhg. Chief Executive which was delivered online. A speech full of advice, remembrance, memory and motivational words that are very inspiring and stimulating the spirit to continue to serve with dedication, trust and excellence.

PERTANDINGAN DEBAT PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

SOCIAL SECURITY DEBATE COMPETITION

Pertandingan Debat Perlindungan Keselamatan Sosial antara institusi pengajian tinggi awam/swasta (IPTA/IPTS) telah dianjurkan pada 23 Oktober sempena Sambutan Jubli Emas PERKESO. Pasukan debat dari Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Malaysia Sabah telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang bertajuk, “Dewan ini percaya 50 Tahun PERKESO melindungi, kadar caruman perlindungan sosial wajib dikemaskini”.

Program ini telah disiarkan secara langsung menerusi Laman Facebook Rasmi PERKESO. Pertandingan ini menyaksikan Universiti Malaya (UM) dinobatkan sebagai Johan pertandingan dan saudara Muhammad Shahidil Saril dari UM meraih anugerah Pendebat Terbaik.

The Social Security Protection Debate Competition between public/private higher education institutions (IPTA/IPTS) was organized on 23rd October in conjunction with SOCSO's Golden Jubilee Celebration. Debate teams from Universiti Malaya, International Islamic University of Malaysia, Universiti Teknologi MARA and Universiti Malaysia Sabah have participated in this competition which is titled, "This House believes that SOCSO's 50 years of protection, social protection contribution rate must be improvised".

This program was broadcasted live through SOCSO’s Official Facebook Page. Universiti Malaya (UM) was crowned as the Champion of this competition and Muhammad Shahidil Saril from UM won the Best Debater award.

FORUM PERDANA HAL EHWAL ISLAM

FORUM PERDANA HAL EHWAL ISLAM

Perkhidmatan dan dasar perlindungan keselamatan sosial PERKESO menjadi tumpuan dalam program TV1, RTM iaitu Forum Perdana Hal Ehwal Islam, yang disiarkan pada 28 Oktober. Program diskusi ini menampilkan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammad Azman bin Dato' Aziz Mohammed sebagai jemputan untuk mengupas topik 'Prihatin Di Hati' bersama dengan tokoh agamawan yang tidak asing lagi dalam dunia dakwah di Malaysia, iaitu YBhg. Dato' Badli Shah Alauddin, Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan, Pahang.

Dalam Forum ini, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammad Azman bin Dato' Aziz Mohammed telah membicarakan dengan lanjut mengenai peranan dan usaha PERKESO dalam menyediakan perlindungan sosial kepada golongan pekerja serta tanggungan mereka, yang melangkaui aspek caruman dan bantuan faedah. Beliau menjelaskan bahawa PERKESO menekankan budaya keselamatan di tempat kerja, pencegahan kemalangan dan penyakit serta gaya hidup sihat. Konsep pencegahan, perubatan dan pemulihan serta budaya hidup sihat ini mencerminkan amalan yang disarankan oleh agama Islam.

Social security protection services and policies of SOCSO were the focus of TV1's RTM program, the Forum Perdana Hal Ehwal Islam, which broadcasted on October 28. This discussion program invited YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammad Azman bin Dato' Aziz Mohammed to the speaker to cover the topic of 'Prihatin di Hati' with a religious figure who is very famous in the dakwah field in Malaysia, also known as YBhg. Dato' Badli Shah Alauddin, the Grand Imam of Sultan Ahmad State Mosque 1, at Kuantan, Pahang.

In this Forum, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammad Azman bin Dato' Aziz Mohammed spoke in detail about SOCSO's role and efforts in providing social protection to workers and their dependents, which goes beyond the aspect of contributions and benefits assistance. He explained that SOCSO emphasizes a culture of safety in the workplace, accident and disease prevention, and a healthy lifestyle. The concept of prevention, medicine, and recovery as well as the culture of a healthy lifestyle reflect the practices recommended by Islam.

ANUGERAH MEDIA PERKESO 2021
SOCSO MEDIA AWARDS 2021

Buat julung kalinya, PERKESO menganjurkan Anugerah Media PERKESO 2021 bersempena Sambutan Jubli Emas PERKESO tahun ini.

Majlis anugerah ini yang diadakan pada 18 November, mendapat kerjasama daripada Malaysian Press Institute (MPI). Anugerah ini bermatlamat untuk mengangkat dan mengiktiraf hasil-hasil kerja berkualiti para pengamal media dari seluruh negara dalam menyokong dan mengetengahkan pelbagai usaha dan inisiatif PERKESO. Ia juga bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran kepada Keluarga Malaysia tentang pentingnya perlindungan keselamatan sosial. Sebanyak 9 kategori anugerah telah dipertaruhkan untuk media elektronik, cetak dan digital bagi karya-karya berkaitan PERKESO yang diterbitkan dari 1 Jun 2020 hingga 15 Oktober 2021.

Majlis makan malam ini diserikan dengan kehadiran YB Menteri Sumber Manusia yang turut menyampaikan anugerah kepada para pemenang. Tahniah daripada PERKESO kepada Berita Harian yang dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Emas PERKESO serta lapan pemenang anugerah yang lain.

SOCSO organized the first SOCSO' Media Awards 2021 in conjunction with SOCSO''s Golden Jubilee Celebration this year.

The awards ceremony, held on 18 November, received the cooperation of the Malaysian Press Institute (MPI). This award aims to lift and recognize the quality work of media practitioners from all over the country in supporting and highlighting the various efforts and initiatives of SOCSO. It also aims to provide exposure and awareness to Keluarga Malaysia on the importance of social security protection. A total of 9 award categories were contested for SOCSO related electronic, print and digital media publications from 1 June 2020 to 15 October 2021.

The dinner was graced by the presence of the Minister of Human Resources who also presented the awards to the winners. Congratulations from SOCSO to Berita Harian who was named the winner of the SOCSO Gold Award as well as eight other award winners.

ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG DAN KHIDMAT SETIA PERKESO 2020

SOCSO EXCELLENT SERVICE AND LONG SERVICE AWARD 2020

PERKESO mengiktiraf komitmen anggota-anggotanya yang cemerlang dan setia dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dalam majlis makan malam Anugerah Khidmat Cemerlang dan Khidmat Setia PERKESO 2020. Seramai 21 anggota menerima Anugerah Khidmat Setia 20 dan 25 tahun tempoh perkhidmatan dan 170 anggota menerima Anugerah Khidmat Cemerlang. Pada majlis yang penuh gilang gemilang tersebut, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman telah dipilih menerima Anugerah Khas Pengerusi Lembaga, selain daripada Anugerah Khidmat Setia PERKESO.

YB Menteri Sumber Manusia dan YB Timbalan Menteri Sumber Manusia telah menyampaikan sijil kepada penerima-penerima Anugerah Khidmat Cemerlang dan Khidmat Setia. Malam yang bermakna ini juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBhg. Datin Seri V. Kavita, YBhg. Datuk Muhd Khair Razman, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KSM dan dif-dif Kehormat.

SOCSO' recognizes the commitment of its outstanding and loyal employees in carrying out the responsibilities entrusted at the SOCSO Excellent Service and Long Service Award 2020 dinner. A total of 21 employees received the Long Service Award for 20 and 25 years of service and 170 employees received the Excellent Service Award. At the glorious ceremony, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman was selected to receive the Board Chairman's Special Award, in addition to the SOCSO Long Service Award.

YB Minister of Human Resources and YB Deputy Minister of Human Resources presented the certificates to the recipients of the Excellent Service and Loyal Service Award. This meaningful night was also enlivened by the presence of YBhg. Datin Seri V. Kavita, YBhg. Datuk Muhd Khair Razman, Deputy Secretary General (Operations) of KSM and other dignitories.

MAJLIS GALA SAMBUTAN JUBLI EMAS PERKESO

PERKESO GOLDEN JUBILEE GALA DINNER

PERKESO telah menganjurkan Majlis Gala Sambutan Jubli Emas PERKESO pada 27 November 2021. Bertemakan "Prihatin Lima Dekad dan Selamanya" di Mandarin Oriental Hotel Kuala Lumpur. Majlis gala ini diadakan bagi merai dan menyantuni pemegang taruh seperti majikan, pekerja, anggota PERKESO dan mereka yang telah banyak menabur jasa dan bakti kepada agensi ini sepanjang 50 tahun ditubuhkan. Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia. Turut hadir memeriahkan majlis adalah YB Datuk Haji Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Dato Sri Richard Riot Anak Jaem, Duta Khas Perdana Menteri ke Jepun, Republik Korea dan Taiwan Merangkap Ahli Parlimen Serian serta barisan pegawai-pegawai kanan Kementerian Sumber Manusia.

Malam penuh gemilang dalam lipatan sejarah PERKESO diadakan bagi meraikan detik kenangan sambutan ulang tahun yang ke-50 PERKESO sebagai peneraju jaringan keselamatan sosial negara sejak ditubuhkan pada 1 Oktober 1971.

SOCSO held its Golden Jubilee Gala Dinner themed 'Prihatin Lima Dekad dan Selamanya' at the Mandarin Oriental Hotel Kuala Lumpur on 27 November 2021. SOCSO invited numerous stakeholders such as employers, Insured Persons, and internal staff to the Gala Dinner as a sign of gratitude for their contributions over the last 50 years. Guests of honour included YB Datuk Seri M. Saravanan, the Minister of Human Resources; YB Datuk Haji Awang Bin Hashim, the Deputy Minister of Human Resources; YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, the Member of Parliament for Serian who also serves as the Special Envoy of the Prime Minister of Malaysia to Japan, the Republic of Korea, and Taiwan; and many more senior officials serving at the Ministry of Human Resources.

A glorious night of SOCSO history is held to celebrate memorable moments of the birthday celebration SOCSO's 50th as the network leader social security of the country since it was established on 1st October 1971.

KERJASAMA STRATEGIK ANTARA PERKESO DAN MAF BAGI MANFAAT GOLONGAN ODHA

STRATEGIC COLLABORATION BETWEEN SOCSO AND MAF FOR THE BENEFIT OF PLWHA

PERKESO dan Yayasan AIDS Malaysia (MAF) telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang akan memberi manfaat dan memperkasakan Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA) dari kalangan pencarum PERKESO menerusi aspek pencegahan, pemulihan dan pengurusan hilang upaya. MoU ini membuka laluan kepada kedua belah pihak untuk melaksanakan Program Pengurusan Hilang Upaya yang komprehensif dan dinamik termasuk Program Return to Work, di samping inisiatif pencegahan dan promosi kesihatan dengan matlamat memberikan sinar baharu dan kehidupan yang lebih baik kepada golongan ODHA dari kalangan pencarum PERKESO.

Pada majlis yang sama, PERKESO telah menyampaikan sumbangan berjumlah RM276,000 kepada Skim PAL (Positive Audacious Living Scheme) di bawah kelolaan MAF untuk membiayai rawatan *second-line Antiretroviral Therapy (ARV)*. Bantuan ini dijangka dapat membantu menampung kos rawatan ODHA dari kalangan pencarum PERKESO sehingga 12 bulan, sekaligus memperbaiki kualiti kehidupan dan menyuntik semangat kepada mereka untuk terus bekerja dan menyumbang kepada masyarakat dan negara.

SOCSO and Yayasan AIDS Malaysia (MAF) have signed a Memorandum of Understanding (MoU) that will benefit and empower People Living With HIV/AIDS (PLWHA) among SOCSO contributors through aspects of prevention, rehabilitation, and disability management. This MoU paves the way for both parties to implement a comprehensive and dynamic Disability Management Program including the Return to Work Program, in addition to prevention and health promotion initiatives with the aim of shedding new light and providing a better life for the PLWHA among SOCSO contributors.

During the same event, SOCSO also presented RM276,000 of donation to the PAL Scheme (Positive Audacious Living Scheme) under the management of MAF to fund second-line Antiretroviral Therapy (ARV) treatment. This aid is expected to help cover the cost of treatment for PLHIV from SOCSO contributors for up to 12 months, simultaneously improving the quality of life and inspiring them to resume working and contributes to the society and the country.

KARNIVAL KERJAYA KELUARGA MALAYSIA
KELUARGA MALAYSIA CAREER CARNIVAL

Karnival Kerjaya Keluarga Malaysia sempena 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia yang telah diadakan dari 9 hingga 11 Disember 2021 di Kuala Lumpur Convention Centre. YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob Perdana Menteri telah melawat tapak pameran MYFuturejobs PERKESO, dan melancarkan Inisiatif Pusat Satelit MYFuturejobs bersempena dengan Karnival Kerjaya Keluarga Malaysia. Pusat Satelit MYFuturejobs ini merupakan hab pencarian pekerjaan awam yang dibangunkan untuk meningkatkan akses masyarakat kepada peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di seluruh negara. Lebih 24,000 peluang pekerjaan ditawarkan oleh majikan dalam pelbagai sektor.

Pelbagai kekosongan jawatan ditawarkan untuk tahap kelayakan yang berbeza buat mereka yang diberhentikan kerja, lepasan graduan dan sekolah, penganggur tegar dan para pencari kerja daripada golongan rentan. Insentif sehingga RM2,000 disediakan di bawah program Malaysianization buat pekerja tempatan yang menerima tawaran kerja yang kebiasaannya diisi oleh pekerja warga asing dan tambahan bantuan Mobiliti RM1,000 jika pekerja bermastautin lebih dari 100km dari tempat kerja.

The Keluarga Malaysia Career Carnival was held at the Kuala Lumpur Convention Centre from 9 – 11 December 2021 to commemorate the 100th day since the Aspirasi Keluarga Malaysia programme was launched. YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, the Malaysian Prime Minister, toured the SOCSO MYFutureJobs exhibition booth and officially launched the MYFutureJobs Satellite Centre initiative during his on-site visit. MYFutureJobs Satellite Centres will function as public employment services hubs that improve ordinary citizens' access to employment opportunities across Malaysia. The Career Carnival showcased more than 24,000 vacancies from employers in all sectors.

Retrenched workers, fresh graduates, school leavers, the long-term unemployed, and jobseekers from vulnerable groups were encouraged to apply for positions matching their qualifications. Local jobseekers recruited to fill positions usually held by foreign workers and expatriates could apply for a financial incentive worth up to RM2,000 under the Malaysianization programme; while jobseekers required to relocate more than 100km from their current residence to take up a new job offer could apply for mobility assistance worth RM1,000.

Selain itu, pencari kerja juga berpeluang menerima Insentif SIP Prihatin 2.0 yang menyediakan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) berjumlah RM300 sebulan selama dua (2) bulan jika menghadiri sekurang-kurangnya enam (6) temu duga dalam tempoh dua (2) bulan tersebut. Malah, RM400 juga bakal diberikan secara "one-off" kepada penerima EMP yang berjaya memperolehi pekerjaan.

SOCSO also made use of the Career Carnival as a platform to promote the SIP Prihatin 2.0 programme. Under the programme, eligible jobseekers would receive a Job Search Allowance (JSA) of RM300 per month for two (2) months if they attended at least six (6) interviews within that period. They would also be entitled to a one-off financial incentive of RM400 if they secured a new job offer within that timeframe.

KARNIVAL KERJAYA ORANG KURANG UPAYA (OKU)
CAREER CARNIVAL FOR PERSONS WITH DISABILITIES

Karnival Kerjaya Orang Kurang Upaya (OKU) telah diadakan pada 14 Disember 2021 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Majlis dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia YB Datuk Seri M. Saravanan. Kehadiran YB Menteri membuktikan keprihatinan beliau dalam menyokong usaha PERKESO dalam menyediakan perlindungan keselamatan sosial dan peluang pekerjaan untuk pencari kerja tanpa mengira latar belakang.

Tujuan utama karnival ini dilaksanakan adalah untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan majikan dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada insan-insan istimewa. Selain itu, penganjuran karnival ini dapat menjadi platform kepada OKU dalam mendapatkan akses kepada pekerjaan dan kekal dalam pasaran kerja.

Pelbagai aktiviti telah dianjurkan seperti kaunseling kerjaya, bantuan pendaftaran Portal Pekerjaan Nasional, MYFutureJobs dan sesi temuduga. Penganjuran karnival ini juga dapat membuka peluang pekerjaan lebih luas kepada golongan tersebut dalam pelbagai sektor sekali gus menikmati hak dan peluang sama rata. Terdapat lebih 1,900 kekosongan jawatan daripada 16 majikan ditawarkan. Karnival Kerjaya OKU menyaksikan 91 orang calon ditawarkan pekerjaan dalam tempoh karnival tersebut berlangsung.

As part of efforts to advocate for equal rights for PWDs, SOCSO held its first ever Career Carnival for Persons With Disabilities at the World Trade Centre Kuala Lumpur on 14 December 2021. The opening ceremony was officiated by YB Datuk Seri M. Saravanan, the Minister of Human Resources, who attended the Career Carnival to show his support for SOCSO's efforts to extend social security protections and employment opportunities to all Malaysians.

The main purpose of this carnival is to encourage and increase the participation of employers in providing employment opportunities to PWD. In addition, this carnival can be a platform for the disabled to gain access to employment and remain in the job market.

Various activities have been organized such as career counseling, Portal registration assistance National Jobs, MYFutureJobs and sessions interview. This carnival can also be open up wider job opportunities to those groups in various sectors to enjoy equal rights and opportunities. There are over 1,900 vacancies from 16 employers offered. 91 PWD's candidates werw offered jobs during the carnival in this career carnival.

MAJLIS GRADUASI CERTIFIED DISABILITY MANAGEMENT PROFESSIONAL (CDMP)

CERTIFIED DISABILITY MANAGEMENT PROFESSIONAL GRADUATION CEREMONY

Seramai 105 anggota Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah berjaya memperoleh pensijilan profesional, sekaligus ditauliahkan sebagai Certified Disability Management Professional (CDMP) dalam Majlis Graduasi CDMP 2021 yang diadakan di Putrajaya pada 16 Disember. Majlis Graduasi tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan. Turut hadir adalah YBrs. Tuan A. Maniam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa) KSM, YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor, Pengarah Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya dan juga YBhg. Dato' Sri Ketua Eksekutif PERKESO.

Para penerima pensijilan profesional tersebut merupakan anggota PERKESO yang telah lulus dan berjaya dalam peperiksaan CDMP bagi sesi 2020. Sejak 2010, seramai 252 pengamal pengurusan hilang upaya yang terdiri daripada peserta dari Malaysia dan Indonesia telah berjaya ditauliahkan dengan pensijilan CDMP dan Certified Return To Work Coordinator (CRTWC). Peperiksaan CDMP dan CRTWC mula diperkenalkan sejak tahun 2010 apabila PERKESO menandatangani perjanjian sebagai pemegang lesen dan kurikulum kursus dengan National Institute of Disability Management & Research (NIDMAR), Kanada.

105 SOCSO employees were awarded their Certified Disability Management Professional (CDMP) certifications at the 2021 CDMP Graduation Ceremony officiated by YB Datuk Seri M. Saravanan, the Minister of Human Resources, at Putrajaya on 16 December 2021. Other guests of honour included YBrs. Tuan A. Maniam, the KSM Deputy Secretary-General of Policy and International Relations, YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Binti Mansor, the Director of the Social Wellbeing Research Centre (SWRC), and YBhg. Dato' Sri the SOCSO CEO.

SOCSO employees who qualified as CDMPs passed the necessary examinations in 2020. Since 2010, a total of 252 disability management practitioners from Malaysia and Indonesia have earned the title of either CDMP or Certified Return-to-Work Coordinator (CRTWC). SOCSO introduced the CDMP and CRTWC assessments for its staff in 2010 after signing a licensing agreement with the Canadian National Institute of Disability Management and Research (NIDMAR), the curator of both courses, to train and assess candidates in Southeast Asia.

MODAL INSAN DAN PERKONGSIAN ILMU
HUMAN CAPITAL AND KNOWLEDGE SHARING

WEBINAR KESIHATAN MENTAL SEMPENA SAMBUTAN BULAN KAUNSELING PERINGKAT KSM & PERKESO

MENTAL HEALTH WEBINAR IN CONJUNCTION WITH THE CELEBRATION OF COUNSELING MONTH AT THE MOHR & SOCSO LEVEL

Pada 20 & 21 Oktober 2021, Unit Psikologi PERKESO bersama Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan program Webinar Kesihatan Mental sempena Sambutan Bulan Kaunseling. Seramai 1,500 orang anggota PERKESO dan KSM telah menyertai program tersebut. Program yang dijalankan secara maya ini telah menampilkan penceramah seperti Ustaz Hj. Abdullah Khairi b Hj Haroon (Penceramah bebas), Puan Norazimah bt Ibrahim (Kaunselor LHDN), Dr Adnan Omar (Pensyarah Psikologi UM), Prof. Dr. Mohammad Nasir b Bistamam (USAS), Puan Nurul Hidayah bt Mat Sarip (Pegawai Psikologi Hospital Selayang) serta Puan Nor Nazia bt Suhaimi (MDD Survivor).

Antara objektif pelaksanaan program adalah untuk meningkatkan kesejahteraan menyeluruh dari aspek pemikiran, emosi, sosial dan tingkah laku dalam mendepani cabaran di fasa endemik melalui pendekatan psikologi, meningkatkan kesedaran dan pengukuhan pemahaman berhubung isu kesihatan mental, emosi serta spiritual dalam kalangan anggota.

On 20th & 21st October 2021, SOCSO's Psychology Unit together with the Ministry of Human Resources (MOHR) held a Mental Health Webinar program in conjunction with the Counseling Month Celebration. A total of 1,500 SOCSO and MOHR members participated in the program. This program, which is conducted virtually, has featured speakers such as Ustaz Hj. Abdullah Khairi b Hj Haroon (Independent Speaker), Puan Norazimah bt Ibrahim (IRB Counselor), Dr Adnan Omar (UM Psychology Lecturer), Prof. Dr. Mohammad Nasir b Bistamam (USAS), Mrs. Nurul Hidayah bt Mat Sarip (Selayang Hospital Psychological Officer) and Mrs. Nor Nazia bt Suhaimi (MDD Survivor).

Among the objectives of the program implementation is to improve overall well-being from the aspects of thoughts, emotions, social and behavior in facing challenges in the endemic phase through a psychological approach, increasing awareness and strengthening knowledge regarding mental, emotional and spiritual health issues among members.

PROGRAM SOKONGAN EMOSI & KEBAJIKAN COVID-19

EMOTIONAL SUPPORT PROGRAMME & COVID-19 WELFARE

Sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan akibat penularan virus COVID-19, PERKESO melalui Unit Psikologi dan AKRAB PERKESO tidak ketinggalan untuk turun memberi bantuan kepada anggota PERKESO yang terjejas di bawah Program Sokongan Emosi dan Kebajikan COVID-19. Objektif pelaksanaan program adalah untuk memberi sokongan emosi kepada anggota yang berhadapan pelbagai impak COVID-19 dan membantu dari segi sokongan kebajikan kepada waris anggota dalam bentuk bantuan sumbangan makanan. Program ini juga dilihat sebagai satu program sokongan agar kelangsungan emosi anggota dan waris dapat di urus dengan lebih sihat. Selain itu, ia juga merupakan salah satu platform tanda sokongan prihatin PERKESO kepada anggotanya. Aktiviti ini dipenuhi dengan bantuan yang disalurkan melalui program sokongan emosi dan kebajikan.

Throughout the period of the movement control order due to the spread of the COVID-19 virus, SOCSO through the Psychological Unit and SOCSO's AKRAB did not miss out on helping SOCSO members who were affected under the Emotional Support and Welfare Programme of COVID-19. The objective of the implementation of the program is to provide emotional support to members who are dealing with the various impacts of COVID-19 and help in terms of welfare support to members' next-of-kin in the form of food donation assistance. This programme is also seen as a support to ensure the emotional survival of members and heirs can be managed more healthily. In addition, it is also one of the platforms showing SOCSO's concern for its members. These activities are met with help channeled through emotional support and welfare programmes.

CELIK KESIHATAN MENTAL SIRI 1 : OBSESSIVE COMPULSIVE DISORDER (OCD) VS PERFECTIONISM?

MENTAL HEALTH LITERACY SERIES 1 : OBSESSIVE COMPULSIVE DISORDER (OCD) VS PERFECTIONISM?

Pada 21 Mac 2021, Unit Psikologi PERKESO telah mengadakan program Celik Kesihatan Mental Siri 1: Obsessive Compulsive Disorder. Hampir 700 orang peserta telah menyertai program tersebut. Sekali lagi program secara maya ini menampilkan penceramah iaitu Dr. Ahmad Rostam bin Md Zin, Pakar Perunding Psikiatri di Hospital Sultanah Bahiyah Alor Star. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang penyakit mental iaitu Obsessive Compulsive Disorder atau lebih dikenali dengan sebutan OCD kepada warga PERKESO.

On 21st March 2021, SOCSO's Psychology Unit held a Mental Health Literacy program Series 1: Obsessive Compulsive Disorder. Almost 700 participants have participated in the program. Once again, this virtual program features the speaker Dr. Ahmad Rostam bin Md Zin, Consultant Psychiatrist at Sultanah Bahiyah Alor Star Hospital. This program aims to give exposure on Obsessive Compulsive Disorder mental illness or better known as OCD to SOCSO members.

CELIK KESIHATAN MENTAL SIRI 2 : BAHAYA ANZIETI & DEPRES

MENTAL HEALTH LITERACY SERIES 2: THE DANGERS OF ANXIETY & DEPRESSION

Pada 24 Mac 2021, Unit Psikologi PERKESO telah mengadakan program Celik Kesihatan Mental Siri 2: Bahaya Anzieti & Depresi. Seramai hampir 700 orang peserta telah menyertai program tersebut. Program yang dijalankan secara maya ini telah menampilkan penceramah seperti Encik Mohd Akif Farhan bin Ahmad Basri. Program ini membantu dalam meningkatkan kefahaman tentang penyakit mental anzieti dan depresi, seterusnya mampu meningkatkan tahap kesedaran mengenai kepentingan emosi dan juga kemahiran pengurusan stres yang betul.

On March 24, 2021, SOCSO's Psychology Unit held a Mental Health Literacy program Series 2: Dangers of Anxiety & Depression. A total of nearly 700 participants have participated in the programme. This programme, which is conducted virtually, has featured speakers such as Mr. Mohd Akif Farhan bin Ahmad Basri. This program helps in increasing the understanding of mental illness anxiety and depression, further able to increase the level of awareness about the importance of emotions and also proper stress management skills.

GRIEF AND LOSS, APA SOLUSINYA...

GRIEF AND LOSS, APA SOLUSINYA...

Pada 20 April 2021, Unit Psikologi PERKESO telah menganjurkan program Celik Kesihatan Mental “Edisi Ramadhan Siri 4: Gried and Loss, Apa solusinya”. Seramai 700 orang anggota PERKESO telah menyertai program tersebut. Prof. Dr Azniza bt Ishak (Pensyarah UUM), Hajah Norlida Abu Hassan & Haji Md Tarmidi Yaacob telah ditampilkan sebagai penceramah jemputan. Objektif pelaksanaan program adalah untuk meningkatkan pengetahuan bagi mengendalikan emosi dalam situasi kehibaan, membantu pengendalian fasa kehilangan dengan lebih baik dan memberikan pendedahan mengenai pengalaman sebenar mengenai kehibaan dan kehilangan

On 20th April 2021, SOCSO's Psychology Unit organized the Mental Health Literacy program "Ramadan Edition Series 4: Grief and Loss, Apa Solusinya". A total of 700 SOCSO staff participated in this programme. Prof. Dr Azniza bt Ishak (UUM Lecturer), Hajah Norlida Abu Hassan & Haji Md Tarmidi Yaacob were featured as guest speakers. The objective of the program is to increase knowledge in managing emotions during bereavement situations, to help manage the loss phase better and to provide exposure to the real experience of bereavement and loss.

HUBUNGAN ANTARABANGSA
INTERNATIONAL RELATIONS

Pada tahun 2021, Ketua Eksekutif PERKESO banyak terlibat dalam program di peringkat antarabangsa yang telah membuka jalan kepada penambahbaikan institusi dan dasar keselamatan sosial PERKESO seperti perluasan liputan PERKESO kepada semua golongan pekerja di Malaysia termasuklah pekerja asing pengkhidmat domestik.

Sebagai Ahli Lembaga Pengarah International Association of Industrial Accident Boards and Commissions (IAIABC), beliau telah mewakili Malaysia dalam pembentangan di persidangan jawatankuasa IAIABC Disability Management and Return to Work. Selain itu, Dr. Azman turut aktif sebagai Pengerusi Technical Commission on Organizational Management and Innovation, International Social Security Association (ISSA). Beliau telah menyertai pelbagai persidangan antarabangsa di atas talian seperti ISSA Virtual Symposium on Leadership in Social Security dan ISSA Webinar: Reimaging the Social Security Workforce- The Future is Today.

Tambahan itu, penglibatan Dr. Azman di peringkat antarabangsa. Pencapaian terbesar Dr. Azman di PERKESO adalah pelantikan beliau sebagai Presiden Asian Workers Compensation Association (AWCA) dari tahun 2021 hingga sekarang. Dalam kepimpinan beliau, PERKESO telah menganjurkan seminar antarabangsa ke-5 yang sejak tahun 2012. Sebagai presiden AWCA, beliau telah mencadangkan di rantau Asia dengan penubuhan jawatankuasa multi-lateral di bawah AWCA yang boleh membincangkan kaedah serta halangan penyampaian faedah dan perlindungan pekerja migran merentasi negara di Asia.

In 2021, the Chief Executive of SOCSO was heavily involved in programs at the international level that have paved the way for the improvement of SOCSO's institutions and social security policies such as the expansion of SOCSO's coverage to all groups of workers in Malaysia including foreign domestic workers.

As a Board Member of the International Association of Industrial Accident Boards and Commissions (IAIABC), he represented Malaysia in a presentation at the IAIABC Disability Management and Return to Work committee conference. In addition, Dr. Azman is also active as the Chairman of the Technical Commission on Organizational Management and Innovation, International Social Security Association (ISSA). He has participated in various online international conferences such as ISSA Virtual Symposium on Leadership in Social Security and ISSA Webinar: Reimaging the Social Security Workforce- The Future is Today.

In addition, Dr. Azman's involvement at the international level, his greatest achievement at SOCSO was his nomination as president of the Asian Workers Compensation Association (AWCA) from 2021 until now. In his leadership, SOCSO has organized the 5th international seminar since 2012. As president of AWCA, he has proposed in the Asian region with the establishment of a multi-lateral committee under AWCA that can discuss methods and obstacles to the delivery of benefits and protection of migrant workers across countries in Asia.

JALINAN KERJASAMA AGENSI KESELAMATAN SOSIAL LUAR NEGARA

INTERNATIONAL RELATIONS

PERKESO aktif menjalinkan kerjasama dengan agensi keselamatan sosial luar negara menerusi memorandum kolaborasi biarpun berhadapan dengan pelbagai cabaran merentasi sempadan. Terbaru, persetujuan kerjasama dua hala telah ditandatangani bersama *Foreign Employment Board* (FEB) Nepal pada 26 Februari 2021.

Sebelum ini, agensi keselamatan sosial luar negara lain yang telah menandatangani persetujuan memorandum kolaborasi ini ialah BPJS Ketenagakerjaan Indonesia, *Social Security Board* (SSB) Myanmar dan *Ministry of Overseas Pakistanis and Human Resource Development* (MORPHD) Pakistan.

Susulan daripada memorandum kolaborasi tersebut, mesyuarat teknikal diadakan secara bersiri untuk membincangkan inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua pihak bagi mencapai objektif bersama khususnya dari aspek perlindungan keselamatan sosial untuk pekerja asing di Malaysia.

Sebagai langkah promosi untuk meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan perlindungan sosial pekerja asing di Malaysia, siri perkongsian *"Online Information Sharing Session on The SOCSO Employment Injury Scheme for Foreign Workers in Malaysia"* dibuat bersama pihak kedutaan negara sumber iaitu *Embassy of the Republic of the Philippines, High Commission of Sri Lanka* dan *Bangladesh High Commission.*

SOCSO is actively establishing cooperation with social security agencies in foreign countries through memorandum of collaboration despite facing various challenges across borders. Recently, SOCSO signed a memorandum of collaboration with Foreign Employment Board (FEB) Nepal on 26 February 2021.

BPJS Ketenagakerjaan Indonesia, Social Security Board (SSB) Myanmar, Ministry of Overseas Pakistanis, and Human Resource Development (MORPHD) Pakistan are the other foreign social security agencies that signed this memorandum of collaboration previously

Following up on the collaboration memorandum, a technical meetings were held in series to discuss the initiatives that can be implemented by both parties to achieve common objectives, especially from the aspect of social security protection for foreign workers in Malaysia.

The "Online Information Sharing Session on The SOCSO Employment Injury Scheme for Foreign Workers in Malaysia" series was conducted with the Embassy of the Republic of the Philippines, High Commission of Sri Lanka dan Bangladesh High Commission as a promotion to raise awareness of the importance of social security protection for foreign workers in Malaysia.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITIES

MAJLIS IFTAR PERKESO 2021
SOCSO IFTAR EVENT 2021

Kehadiran bulan Ramadhan yang penuh keberkatan memberi peluang kepada PERKESO untuk meraikan golongan yang kurang bernasib baik seperti penerima faedah yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal, anak-anak yatim dan asnaf di Majlis Iftar PERKESO 2021. Kehadiran YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia dan isteri, YBhg. Datin Seri V. Kavitha menyerikan lagi majlis tersebut dengan menyampaikan sumbangan kepada ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim.

The presence of the blessed month of Ramadhan gave SOCSO the opportunity to celebrate less fortunate groups such as benefit recipients consisting of single mothers, orphans, and workers at the Iftar Event. The celebration was made more joyful by the presence of YB Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Resources and wife, YBhg. Datin Seri V. Kavitha, who presented donations to single mothers and orphans.

Majlis yang diadakan pada 20 April ini, mengeratkan lagi silaturrahim sesama warga PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) kerana ia turut dihadiri oleh YB Datuk Haji Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia, YBhg. Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KSM, YBrs. Encik A. Maniam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa) KSM dan juga YBhg. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Hj. Abdullah, Pengerusi PERKESO, serta Ahli-ahli Lembaga PERKESO, Ketua-ketua Jabatan serta agensi di bawah KSM, rakan-rakan wartawan dan tetamu jemputan.

The event, which was held on April 20th, forged a closer relationship between SOCSO and the Ministry of Human Resources (MOHR) because it was also graced by YB Datuk Haji Awang Hashim, Deputy Minister of Human Resources, YBhg. Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar, MOHR Deputy Secretary-General (Operations), YBrs. Mr. A. Maniam, MOHR Deputy Secretary General (Policy & International), and also YBhg. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Mr. Mohamed Haniffa Hj. Abdullah, Chairman of SOCSO, as well as SOCSO Board Members, Heads of Departments and agencies under MOHR, fellow journalists and invited guests.

MAJLIS SAMBUTAN DEEPAVALI PERKESO 2021

SOCSO DEEPAVALI CELEBRATION 2021

Warna-warni Majlis Sambutan Deepavali PERKESO 2021 yang berlangsung pada 28 Oktober telah dimeriahkan lagi dengan pelancaran syiling peringatan dan album koleksi setem istimewa bersempena dengan sambutan Jubli Emas PERKESO.

Pelancaran syiling dan album koleksi yang merangkumi setem, lembaran mini dan sampul surat peringatan PERKESO ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Sumber Manusia. Turut hadir adalah YBrs. Encik A. Maniam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa) KSM, YBhg. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah, Pengerusi PERKESO, YBrs. Encik Abu Hassan Alshari Yahaya, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia dan YBrs. Puan Sherliza binti Zaharudin, Ketua Komunikasi Korporat Pos Malaysia Berhad.

The colourful SOCSO's 2021 Deepavali Celebration which took place on 28th October were further enlivened with the launch of commemorative coins and a special stamp collection album in conjunction with SOCSO's Golden Jubilee celebration.

The launch of coins and collection album that includes stamps, mini sheets and SOCSO commemorative envelopes was completed by YB Minister of Human Resources. Also present are YBrs. A. Maniam, Deputy Secretary General (Policy & International) KSM, YBhg. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Mr. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah, SOCSO Chairman, YBrs. Mr. Abu Hassan Alshari Yahaya, Assistant Governor of Bank Negara Malaysia and YBrs. Puan Sherliza binti Zaharudin, Head of Corporate Communications, Pos Malaysia Berhad.

PROGRAM CSR PERKESO SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS
SOCSO CSR PROGRAM IN CONJUNCTION WITH THE GOLDEN JUBILEE CELEBRATION

Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas PERKESO, dua Program Tanggungjawab Sosial Korporat telah dianjurkan dalam bulan Disember bagi memupuk kesedaran anggota PERKESO terhadap pemeliharaan dan pelestarian alam sekitar. Aktiviti ini selari dengan moto 'PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO', di mana ia menzahirkan keprihatinan PERKESO terhadap sumber alam semula jadi yang mesti dilindungi dan dipelihara untuk manfaat generasi akan datang.

Dalam Program Penanaman Semula Pokok Bakau yang menumpukan kepada usaha pelestarian ekosistem lautan dan flora, YB Menteri Sumber Manusia yang disertai oleh 90 anggota PERKESO termasuk YBhg. Ketua Eksekutif telah menjalankan aktiviti penanaman semula pokok bakau di sekitar kawasan Sungai Besar, Sepang pada 15 Disember. Seterusnya, Program Pelestarian Batu Laut pula melibatkan aktiviti pembersihan pantai di Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat, Selangor. Berbekalkan kudrat daripada 114 anggota PERKESO, aktiviti pembersihan di sepanjang pesisir pantai ini pada 18 Disember telah berjaya mengumpul sekurang-kurangnya 465 kilogram sisa buangan seperti cebisan plastik, botol kaca dan plastik, tin minuman, puntung rokok dan sebagainya dalam masa kira-kira 3 jam.

In conjunction with SOCSO's Golden Jubilee Celebration, two Corporate Social Responsibility (CSR) Programs were organized in December to raise SOCSO members' awareness of the environmental preservation and conservation. These efforts reflect SOCSO's care for natural resources that must be protected and maintained for the benefit of future generations, which is expressed in the organization's motto, "PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO."

During the Mangrove Tree Replantation Program which focused on the preservation of floral and ocean ecosystems, YB Minister of Human Resources who was joined by 90 SOCSO members including YBhg. The Chief Executive Officer (CEO) participated the plantation activities near Sungai Besar, Sepang on December 15. Next, the Batu Laut Preservation Program involved beach cleaning activities in Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat, Selangor. On December 18, 114 SOCSO members participated in a cleanup along the shore that resulted in the collection of at least 465 kg of waste, including plastic pieces and bottles, glass, drink cans, cigarette, and others in about 3 hours.

PENUNGGANG GRABFOOD MAUT DALAM KEMALANGAN TERIMA FAEDAH SKSPS PERKESO

FAMILY OF DECEASED GRABFOOD RIDER DIED IN ACCIDENT RECEIVED PERKESO SELF-EMPLOYED SOCIAL SECURITY SCHEME (SESSS) BENEFIT

19 Ogos 2021 - Ketua Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri, Azhar Md Nadzri turut dihadiri Ketua Pegawai Komunikasi, Izad Raya, Ketua Cawangan Skuad Prihatin dan Sinergi, Ismail Abi Hashim dan Pengurus Pejabat PERKESO Klang, Mohanadas Veraya telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Faedah kepada waris penghantar makanan Muhammad Nazirul Mubin Mat Nazir, 21, maut selepas motosikalnya terbabit kemalangan dengan sebuah lori ketika dalam perjalanan untuk membuat penghantaran makanan pada 11 Ogos 2021

Allahyarham telah dicarumkan oleh platform penyedia perkhidmatannya, GrabFood untuk mendaftar di bawah SPS Lindung sejak 1 Julai lalu sekali gus memenuhi syarat kelayakan dan membolehkan warisnya menerima bantuan faedah. SPS Lindung merupakan inisiatif kerajaan di bawah Belanjawan 2021 berbentuk pembiayaan penuh 100 peratus Pelan Caruman Kedua SKSPS PERKESO iaitu sebanyak RM232.80.

19 AUGUST 2021 – The Head of Self-Employed Scheme Division, Azhar Md Nadzri, together with Chief Communications Officer, Izad Raya, Head of Prihatin Squad and Synergy Department, Ismail Abi Hashim and SOCSO Klang's Office Manager, Mohanadas Veraya had presented the SOCSO's benefit to family of food delivery rider Muhammad Nazirul Mubin Mat Nazir, 21, who was killed after his motorcycle collided with a lorry while doing food delivery for customer on 11th August 2021.

The family of the late Nazirul received the Self-Employed Social Security Scheme (SESSS) benefits, as his platform provider, GrabFood, had registered and contributed under the government SPS Lindung program since 1st July last year. SPS Lindung is a government initiatives under Budget 2021 that provides 100 percent funding from the government under the SOCSO's Second Contribution Plan for SESSS amounting a total of RM232.80.

Selain mencarum dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 ketika menjadi penghantar makanan secara separuh masa menerusi Program SPS Lindung, allahyarham juga mempunyai caruman di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) ketika bekerja sebagai operator pengeluaran di sebuah kilang sepenuh masa sebelum ini.

Allahyarham meninggal dunia ketika berada di bawah tempoh perlindungan dan oleh kerana arwah masih bujang, ibu bapa dan adik beradik menerima faedah carumannya.

Keluarganya menerima dua faedah PERKESO iaitu Faedah Pencen Penakat dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) seumur hidup ibu dan bapa serta sehingga adik beradik mencecah usia 21 tahun. Selain itu, waris arwah turut menerima bantuan Faedah Pengurusan Mayat (FPM) berjumlah RM2,000.

Other than his contribution with SESSS under the Self-Employed Social Security Act 2017, through SPS Lindung Program while he is working part time as a food delivery rider, it was found that the deceased also have contribution history under the Social Security Act 1969 (Act 4) when he worked as operator in a factory previously.

Since the deceased is still under protection coverage and is still single, his parents and siblings are entitled to receive SOCSO's benefits.

His family received two benefits from SOSCO namely the Survivor's Pension Benefit and Dependents' Benefit – lifetime for his parents, and up until 21 years old for his siblings. Besides that, the deceased family also received Funeral Benefits for RM2,000.

SENYUMAN DAN KECERIAAN WAJAH 50 ANAK ANGKAT PERKESO
SMILES AND CHEERFUL FACES OF 50 SOCSO ADOPTEES

Program Jelajah PERKESO Prihatin Bersama 50 Anak Angkat PERKESO yang dianjurkan oleh Pejabat PERKESO Negeri Terengganu telah diadakan pada 4 April 2021. Program ini dirasmikan oleh YAM Tengku Sri Temenggong Raja Dato' Seri Tengku Baharuddin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah dan diiringi oleh YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia bersama-sama YBhg. Dato' Jamil Rakon, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Dato' Ahmad Nadzaruddin Abdul Razak, Ahli Lembaga PERKESO dan Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed.

Bersempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun PERKESO, program ini telah disertai dengan Konvoi 50 buah Motosikal Berkuasa Tinggi bertujuan untuk meraikan anak-anak angkat PERKESO yang berusia daripada 7 tahun sehingga 12 tahun dengan memberikan sedikit kelainan aktiviti kepada mereka iaitu dengan merasai pengalaman membonceng motosikal berkuasa tinggi.

SOCSO's Jelajah Prihatin programme with 50 SOCSO Adoptees organized by Pejabat SOCSO Negeri Terengganu was held on 4 April 2021. This programme was officiated by YAM Tengku Sri Temenggong Raja Dato' Seri Tengku Baharuddin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah accompanied by Deputy Minister of Human Resources YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Secretary-General of the Ministry of Human Resources YBhg. Dato' Jamil Rakon, SOCSO Board Member YBhg. Dato' Ahmad Nadzaruddin Abdul Razak, and SOCSO Chief Executive Officer Dato' Sri Dr Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed.

In conjunction with SOCSO's golden jubilee celebration, this program involved 50 high-powered motorcycles to celebrate children's aged from 7 to 12 years old by giving them a different activity experience of riding a high-powered motorcycle.

PROGRAM PEMBELIAN KOMPUTER RIBA UNTUK ANAK-ANAK ANGKAT PERKESO

LAPTOP PURCHASE PROGRAM FOR SOCSO ADOPTEES

PERKESO turut prihatin terhadap isu-isu dan adaptasi normal baharu sistem pendidikan negara yang berkonsepkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Oleh itu, PERKESO telah menubuhkan Tabung Prihatin dengan kutipan sumbangan jariah daripada warga PERKESO sendiri untuk membeli komputer riba bagi pembelajaran anak-anak angkat PERKESO dalam waktu pandemik ini . Dalam masa yang singkat, sumbangan kepada Tabung Prihatin untuk membeli komputer dalam waktu pendamik ini telah mencecah lima angka, di mana 30% daripada kutipan dana tersebut disumbangkan oleh anggota-anggota PERKESO Selangor.

Sumbangan komputer riba ini adalah bertujuan untuk membantu dan meringankan beban serta melancarkan proses pembelajaran dan ulang kaji dengan lebih berkesan khususnya dalam aspek peningkatan akses kepada pendidikan berkualiti di rumah demi meraih kecemerlangan akademik untuk masa depan yang lebih cerah.

SOCSO concerned about the issues and adaptation of new normal of national education which is home-based learning and teaching (PdPR). Therefore, SOCSO has established Tabung Prihatin by collecting donations from SOCSO's members to buy laptops for the learning of SOCSO's adopted children during this pandemic. In short period of time, the donations for Tabung Prihatin to buy the laptop during pandemic has reached 5 figures where 30% of the fund collection was contributed by the members of SOCSO Selangor.

The main purpose of donating these laptops is to help and lighten the burden and launch the learning and revision process more effectively, especially in the aspect of increasing access to quality education at home in order to achieve academic excellence for a brighter future.

MISI BANTUAN PRIHATIN USAHASAMA ANTARA KSM DAN PERKESO

COOPERATIVE CONCERN AID MISSION BETWEEN KSM AND SOCSO

Pada 1 November 2021, Misi Bantuan Prihatin usahasama antara KSM dan PERKESO telah diadakan dengan tujuan untuk membantu dan meringankan beban mangsa banjir termasuk mereka yang telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara(PPS) di Dewan Serbaguna Gali Hilir Raub.Dalam program ini, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed Ketua Eksekutif PERKESO yang mewakili Kementerian Sumber Manusia(KSM) telah sudi menyampaikan sumbangan kepada seramai 85 keluarga melibatkan 285 orang yang terjejas akibat banjir di Daerah Raub Pahang. Empat kawasan yang terjejas akibat banjir di sekitar Raub iaitu Kampung Sungai Pasu, Kampung Gali Hilir, Kampung Gali Tengah dan Ceroh. Semoga bantuan yang dihulurkan sedikit sebanyak dapat memanfaatkan penduduk yang terjejas dan meringankan bebanan mereka.

On November 1, 2021, a joint relief mission between KSM and SOCSO was held with the aim of easing the burden of flood victims including those who have been moved to the Temporary Transfer Center (PPS) at Gali Hilir Raub Multipurpose Hall. In this program, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Chief Executive of SOCSO representing the Ministry of Human Resources (KSM) has been willing to deliver donations to a total of 85 families involving 285 people affected by the floods in Raub district, Pahang. The four areas affected by the floods around Raub were Kampung Sungai Pasu, Kampung Gali Hilir, Kampung Gali Tengah and Ceroh. Hopefully the assistance given to some extent can benefit the affected residents and ease their burden.

06
PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENT

PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENT

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 94.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [*Akta 789*] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [*Akta 800*] serta Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL
ON THE FINANCIAL STATEMENTS OF
SOCIAL SECURITY ORGANIZATION
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2021

Certificate on the Audit of the Financial Statements

Opinion

I have authorised a private audit firm pursuant to subsection 7(3) of the Audit Act 1957 [*Act 62*] to undertake an audit of the Financial Statements of the Social Security Organization. The financial statements comprise the Statements of Financial Position as at 31 December 2021 of the Group and of the Social Security Organization and the Statements of Financial Performance, Statements of Changes in Net Assets and Cash Flows Statements of the Group and of the Social Security Organization for the year then ended, and notes to the financial statements, including a summary of significant accounting policies, as set out on pages 3 to 94.

In my opinion, the accompanying financial statements give a true and fair view of the financial position of the Group and of the Social Security Organization as at 31 December 2021, and of their financial performance and their cash flows for the year then ended in accordance with the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) and the Employees' Social Security Act 1969 [*Act 4*], Self-Employment Social Security Act 2017 [*Act 789*], Employment Insurance System Act 2017 [*Act 800*] and Employees' Social Security (General) Regulations, 1971 requirements.

Basis for Opinion

The audit was conducted in accordance with the Audit Act 1957 and the International Standards of Supreme Audit Institutions. My responsibilities under those standards are further described in the Auditor's Responsibilities for the Audit of the Financial Statements section of my certificate. I believe that the audit evidence , have obtained is sufficient and appropriate to provide a basis for my opinion.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga, Pertubuhan Keselamatan Sosial bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [*Akta 789*] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [*Akta 800*] serta Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh

Independence and Other Ethical Responsibilities

I am independent of the Group and of the Social Security Organization and I have fulfilled my other ethical responsibilities in accordance with the International Standards of Supreme Audit Institutions.

Information Other than the Financial Statements and Auditor's Certificate Thereon

The Board of the Social Security Organization is responsible for the other information in the Annual Report. My opinion on the Financial Statements of the Group and of the Social Security Organization does not cover the other information than the financial statements and Auditor's Certificate thereon and I do not express any form of assurance conclusion thereon.

Responsibilities of the Board for the Financial Statements

The Board is responsible for the preparation of Financial Statements of the Group and of the Social Security Organization that give a true and fair view in accordance with the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) and the Employees' Social Security Act 1969 [*Act 4*], Self-Employment Social Security Act 2017 [*Act 789*], Employment Insurance System Act 2017 [*Act 800*] and Employees' Social Security (General) Regulations, 1971 requirements. The Board is also responsible for such internal control as the Board determines is necessary to enable the preparation of the Financial Statements of the Group and of the Social Security Organization that are free from material misstatement, whether due to fraud or error.

In preparing the Financial Statements of the Group and of the Social Security Organization, the Board is responsible for assessing the Group's and the Social Security Organization's ability to continue as a going concern, disclosing, as applicable, matters related to going concern and using the going concern basis of accounting.

Auditor's Responsibilities for the Audit of the Financial Statements

My objectives are to obtain reasonable assurance about whether the Financial Statements of the Group and of the Social Security Organization as a whole are free from material misstatement, whether due to fraud or error, and to issue an Auditor's Certificate that includes my opinion. Reasonable assurance is a high level of assurance, but is not a guarantee that an audit conducted in accordance with the International Standards of Supreme Audit Institutions will always detect a material misstatement when it exists. Misstatements can arise from fraud or error and are considered material if, individually or in the aggregate, they could reasonably be expected to influence the economic decisions of users taken on the basis of these financial statements.

dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

